



LAPORAN TAHUNAN

SPRM


2017



JUBLI EMAS
SPRM
1967-2017

MESRA RAKYAT
DIGERUNI PERASUAH

LOKAP
SPRM



Konsep Ilustrasi Muka Hadapan

TEMA : MESRA RAKYAT, DIGERUNI PERASUAH

SPRM komited melaksanakan pelbagai inisiatif pencegahan rasuah secara komprehensif dan terancang bagi memastikan negara ini bebas daripada rasuah. SPRM ingin menjadi sebuah agensi yang dekat dengan rakyat dan sentiasa mendengar denyut nadi mereka. Rakyat perlu sedar bahawa SPRM adalah hak rakyat, bekerja untuk rakyat dan akan terus memastikan rakyat tidak ditindas oleh individu yang rakus mengamalkan rasuah untuk faedah diri sendiri. Rakyat mesti mendampingi dan menyokong usaha-usaha SPRM. Dalam pada masa yang sama, SPRM tegas menguatkuasakan undang-undang secara bebas, telus dan profesional. SPRM tidak akan sesekali tunduk kepada pengaruh dan tekanan mana-mana pihak. Tiada yang teristimewa ataupun yang terkecuali. SPRM membuktikan komitmen ini dengan kejayaan demi kejayaan dalam membongkar kes-kes berprofil tinggi, kes sindiket dan berkepentingan awam. Tindakan tegas SPRM ini pasti menggerunkan siapa sahaja yang terlibat dengan jenayah rasuah.

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Tel : 603 8870 0000
E-mel : info@sprm.gov.my
SMS : 019-6000 696

ISSN 0128-1364



© HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Cetakan 2018

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Yang Berhormat / *Your Honourable*

Ahli-Ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah / *Members of Special Committee on Corruption*

Parlimen Malaysia / *Parliament of Malaysia*

Kuala Lumpur / Kuala Lumpur

Yang Berhormat / *Your Honourable,*

**Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2017 /
*Malaysian Anti-Corruption Commission Annual Report 2017***

Selaras dengan peruntukan seksyen 11(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), saya, Shukri Abdull, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan ini mengemukakan laporan tahunan tentang kegiatan Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah untuk diperiksa.

In accordance with the provision under section 11(2) Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694), I, Shukri Abdull, the Chief Commissioner of the Malaysian Anti-Corruption Commission hereby submit the annual report on the activities of the Commission throughout the year 2017 to the Special Committee on Corruption to be examined.

Saya Yang Menjalankan Amanah /

I Who Have Been Entrusted



DATO' SRI MOHD SHUKRI ABDULL

Ketua Pesuruhjaya / *Chief Commissioner*

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia /

Malaysian Anti-Corruption Commission

Tarikh : 28 Ogos 2018

Date : 28th August 2018



RASIONAL LOGO



Emas

Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu negara yang bebas rasuah.

Kuning

Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.

Biru

Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, Suruhanjaya ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.

Hitam

Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang mpuh.

Kelabu Gelap

Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam usaha membanteras jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Merah

Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.

Putih

Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

Bintang (14 Bucu)

Mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.

Bulan Sabit

Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.

Keris Bersilang

Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.

Perisai

Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.

Bunga Padi

Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermal dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.

Harimau

Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.

14 Jalur Putih dan Merah

Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.

Tulisan Jawi

Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

سورجانبالي انتظامان رسوہ ميسيا

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad

KETUA PENASIHAT

Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil

PENASIHAT

TPj Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah

EKSEKUTIF EDITOR

Tuan Mohamad Zaki bin Ibrahim

KETUA EDITOR

PPj Rosdi bin Hassan

EDITOR

PsK Lee Cheng Teik
Ps Nurul Izra Wahida binti Abu Bakar
Cik Hani Dhanial binti Samion
Cik Faarzana binti Mohd Fauzi
KPKPs Harliza binti Abdul Hamid
En Mohd Faizal bin Awang Senik
Pn Nor Fadzilla binti Abdullah

PENYUMBANG BAHAN

Pengarah-Pengarah Bahagian/Negeri
Pn Mau Han Kee

JURUFOTOGRAFI

En Rosman bin Abu Bakar

SENARAI PANGKAT DALAM SPRM

KPJ	Ketua Pesuruhjaya	PKPs	Penolong Kanan Penguasa
TKPJ	Timbalan Ketua Pesuruhjaya	PPs	Penolong Penguasa
Pj	Pesuruhjaya		
TPj	Timbalan Pesuruhjaya		
KPKPJ	Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya		
PKPJ	Penolong Kanan Pesuruhjaya		
PPj	Penolong Pesuruhjaya		
PsK	Penguasa Kanan		
Ps	Penguasa		
KPKPs	Ketua Penolong Kanan Penguasa		



KANDUNGAN

01

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

14

MEKANISME CHECK AND BALANCE

- Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
- Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)
- Jawatankuasa Aduan (JKA)
- Panel Penilaian Operasi (PPO)
- Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
- Sumbangan Pemantau Bebas

30

MAKLUMAT KORPORAT

- Struktur Organisasi
- SPRM Negeri
- Visi, Misi Dan Objektif
- Piagam Pelanggan, Prinsip - Prinsip SPRM, Kod Etika, Aspirasi Dan Fungsi, Strategi dan Moto

40

PENGUATKUASAAN

- Statistik Operasi
- Penyiasatan SPRM
- Forensik Penyiasatan SPRM
- Pendakwaan Kes Rasuah

68

PENCEGAHAN

- Pemeriksaan Dan Perundingan
- Pengurusan Integriti Agensi

106

PENDIDIKAN MASYARAKAT

- Pendidikan Pencegahan Rasuah
- Komunikasi Strategik

146

DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

- Pejabat Eksekutif Ketua Pesuruhjaya
- Perhubungan Antarabangsa
- Program Ziarah Kasih

172

PROFESIONALISME

- Keselamatan
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
- Integriti dan Pengurusan Prestasi

218

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

- Khidmat Pengurusan
- Pembangunan dan Penyelenggaraan sistem ICT
- Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP)

244

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 (JUBLI EMAS) BPR/SPRM

- Sambutan Ulang Tahun Ke-50 (Jubli Emas) BPR/ SPRM
- Rekabentuk menjadi Ikonik Putrajaya
- Latar belakang projek

258

LAMPIRAN

- Senarai Carta, Rajah dan Jadual



SPRM (MACC)



01

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA





- **MATLAMAT DAN MISI**
- **KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN**
- **KEJAYAAN OPERASI SEPANJANG 2017**
- **PENGUKUHAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN DALAMAN**
- **PERLUASAN GERAKAN MASSA DAN KESEDARAN MASYARAKAT**
- **KERJASAMA DAN HUBUNGAN STRATEGIK ANTARABANGSA**
- **CABARAN DAN HARAPAN**

01 - 12

PERUTUSAN

KETUA PESURUHJAYA

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus menelusuri tahun 2017 dengan cemerlang. Di sini, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga SPRM yang telah menyumbang khidmat bakti dan tenaga dalam pelaksanaan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Perumpamaan 'bagai aur dengan tebing' menggambarkan realiti saling bergantung antara SPRM dan masyarakat berganding bahu memerangi jenayah rasuah. Pencegahan rasuah bukanlah 'Hak Eksklusif' SPRM, tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat.



KETUA PESURUHJAYA SPRM 2017
TAN SRI DZULKIFLI BIN AHMAD

Sebagai sebuah negara yang sedang menuju status negara maju, rasuah sebagai fenomena universal telah memberi cabaran kepada kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat. Rasuah kini dilihat sebagai *a new normal* yang sentiasa berubah dan di luar jangkaan. Tindakan SPRM perlu seiring dan memilih mekanisme yang sesuai bagi menangani sebarang perubahan berkenaan.

MATLAMAT DAN VISI

Sebagai agensi penguatkuasaan dalam pencegahan rasuah di Malaysia, harapan SPRM menjadikan rasuah musuh nombor satu negara dan merupakan antara agenda utama negara. Tiga visi utama bagi mencapai sasaran berkenaan. Pertama, mewujudkan gelombang gerakan massa untuk bersama-sama SPRM menolak jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Kedua, memastikan sektor Perkhidmatan Awam bebas daripada rasuah menjelang 2020 dengan memfokuskan kepada tiga sektor iaitu Perolehan,

Penguatkuasaan dan Perlesenan. Ketiga, mewujudkan budaya membenci, menolak dan memerangi rasuah dalam kalangan masyarakat Malaysia menjelang tahun 2020.

SPRM memandang serius rungutan rakyat yang melibatkan isu-isu seperti penafian hak rakyat khususnya di sektor awam. Sehubungan itu, SPRM telah memberi tumpuan kepada tiga sektor tersebut serta bertindak sebagai *machinery* dan *apparatus* kepada rakyat dan menjadi agensi yang mesra rakyat tetapi digeruni oleh perasuah.



KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN

Tahun 2017 memperlihatkan komitmen SPRM terhadap tanggungjawab kepada seluruh masyarakat. Pelbagai perancangan telah dilaksanakan bagi memastikan SPRM sentiasa utuh dan kukuh dalam membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

Sepanjang tahun 2017, SPRM telah menggandakan tindakan penguatkuasaan melalui pendekatan *Intelligence Based-Investigation* yang berjaya menghasilkan tangkapan serta pertuduhan melibatkan kes-kes berprofil tinggi, peningkatan penyitaan dan juga pelucuthakan harta. Sejumlah 7,348 maklumat diperolehi oleh SPRM iaitu peningkatan sebanyak 797 maklumat (10.85%) berbanding tahun 2016. Statistik maklumat yang diterima melalui penempatan pegawai SPRM di Unit-unit Integriti Agensi Awam dan Swasta mencatat jumlah tertinggi iaitu 2,812 (38.27%). Ini membuktikan SPRM bertindak dalam aspek pengesanan dan membanteras pelakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa di sektor awam.

Tindakan pencegahan rasuah oleh SPRM melalui program dan aktiviti antirasuah telah memberikan kesedaran daripada masyarakat untuk memerangi rasuah. Statistik menunjukkan orang awam merupakan penyumbang kedua terbesar maklumat di SPRM. Sebanyak 1,953 (26.58%) maklumat telah diterima daripada pengadu yang datang sendiri ke pejabat SPRM seluruh Malaysia. Manakala selebihnya diterima daripada surat individu, surat layang, telefon, laman web SPRM, emel dan Laporan Ketua Audit Negara.

Pada tahun 2017, sebanyak 863 Kertas Siasatan telah dibuka dan menahan seramai 879 orang pesalah rasuah. Statistik tangkapan menunjukkan sebanyak 409 (46.53%) adalah melibatkan penjawat awam, iaitu 13 tangkapan melibatkan pegawai kumpulan pengurusan tertinggi, 101 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional manakala 295 daripada kumpulan pelaksana. Komitmen dan ketegasan SPRM dalam menguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah bagi mengheret perasuah ke muka pengadilan pula digambarkan melalui peningkatan kadar pertuduhan dan sabitan kes di mahkamah. Daripada 525 kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, sebanyak 318 kes telah selesai dibicarakan dan 244 kes telah disabitkan kesalahan mencapai tahap sabitan 76.73%.

“Sepanjang tahun 2017, sebanyak RM353,060,348.18 harta jenayah telah berjaya disita oleh SPRM dengan peningkatan sebanyak RM46,905,764.93 (0.15%) berbanding tahun 2016. Manakala bagi pelucuthakan harta jenayah pula, SPRM juga telah berjaya meningkatkan kadar lucuthak sebanyak (881%) iaitu sebanyak RM48,555,466.83 berbanding RM4,950,124.22 tahun 2016. Tindakan tegas dengan keberhasilan berimpak tinggi seperti ini akan diteruskan lagi bagi membersihkan sektor perkhidmatan awam, swasta dan GLC menjelang 2020.”

KEJAYAAN OPERASI SEPANJANG 2017

Peruntukan-peruntukan pembangunan infrastruktur oleh Kerajaan Pusat pada setiap tahun sepatutnya boleh menyelesaikan isu-isu rakyat seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya kampung untuk masyarakat luar bandar dan pedalaman di seluruh negara. Walaubagaimanapun, disebabkan jenayah rasuah dan salah guna kuasa oleh segelintir pengkhianat bangsa, peruntukan ini gagal disalurkan mengikut ketetapan apabila disalahguna untuk kepentingan peribadi. Antara kes-kes yang melibatkan penyelewengan hak-hak rakyat yang telah menggemparkan negara adalah:

Kes Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

Kes yang membabitkan kemudahan dan kepentingan rakyat Sabah yang telah diseleweng. Peruntukan yang sepatutnya untuk pembangunan rakyat Sabah telah dinafikan pembangunan bekalan air disebabkan pengkhianat. Dalam kes ini keterangan seramai 35 orang pegawai dan jurutera Air, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah diambil. Seramai empat orang individu telah dituduh di bawah seksyen 183 pertuduhan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan

Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Tiga tertuduh ialah bekas Pengarah JANS Awang Tahir Mohd Talib, 55 tahun, isterinya Fauziah Piut, 52 tahun, dan bekas Timbalan JANS, Lim Lam Beng, 63 tahun telah didakwa atas 37 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan nilai RM61.57 juta. Manakala tertuduh keempat bernama Teo dikenakan 146 pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram berjumlah RM32 juta. Sejumlah RM21,784,803.63 wang sitaan telah diperolehi dan daripada jumlah berkenaan sebanyak RM19,969,302.23 telah dilucuthakkan ke dalam hasil negara.

RM40 Juta Dana Program Latihan Kemahiran Diseleweng

SPRM pada September 2017 telah membongkar dan membuat tangkapan terhadap empat individu berkaitan penyelewengan dana awam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menguruskan dana pinjaman latihan kemahiran untuk pelatih. Mereka yang ditangkap terdiri daripada tiga orang pegawai PTPK berjawatan ketua eksekutif, setiausaha, penolong pegawai kewangan, dan seorang pengarah syarikat. Mereka dipercayai bekerjasama menyeleweng kira-kira RM40 juta dana daripada kerajaan yang disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk melaksanakan program latihan kemahiran bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Ops Indah

Melibatkan tangkapan tujuh orang iaitu empat orang Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan tiga orang kontraktor yang telah membuat tuntutan palsu berhubung Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Pakej 1 bernilai RM118,767,929.95 membabitkan kerja-kerja infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat. Pengarah syarikat yang juga bekas Naib Presiden MIC bergelar Tan Sri telah dituduh di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009 dengan nilai pertuduhan sebanyak RM12,888,000.00.

Ops Relax

Melibatkan rasuah oleh pegawai-pegawai daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), seperti Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan agensi penguatkuasaan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Seramai 15 individu telah ditahan kerana dipercayai meminta rasuah secara bulanan daripada pengusaha-pengusaha premis rumah urut di daerah Kajang sebagai balasan bagi melindungi aktiviti haram rumah urut, pelacuran, perniagaan tanpa lesen dan menggajikan pendatang tanpa izin. Jumlah wang rasuah bernilai RM15,400.00 telah dirampas.

Berdasarkan tindakan dan siasatan kes sepanjang tahun 2017, SPRM tidak membezakan skala jenayah rasuah sama ada kecil atau besar kerana impak dan kesannya adalah sama iaitu merosakkan negara melalui ancaman jenayah, kesejahteraan rakyat untuk pembangunan modal insan, infrastruktur, ekonomi serta keselamatan dan kedaulatan negara.

PENGUKUHAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN DALAMAN

'*Prevention is better than cure*' adalah satu ungkapan yang sering diperkatakan oleh masyarakat apabila hendak menangani sesuatu musibah sebagai menyokong kepada keberkesanan penyiasatan. SPRM pada masa yang sama telah mengandakan usaha memantapkan kawalan dalaman dan memperkembangkan dasar serta prosedur organisasi dalam negara. Dalam konteks rasuah, langkah-langkah pencegahan merupakan tindakan yang perlu bagi mengelak rasuah terus berlaku.

Pencegahan rasuah memerlukan sokongan seluruh masyarakat dan barisan pemimpin negara. Tanpa komitmen berkeajaan, segala tindakan oleh SPRM tidak akan membawa makna kepada usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Namun, senario masyarakat kini mula menunjukkan kesedaran untuk bangkit bersama-sama SPRM dalam memerangi rasuah.

Pemerkasaan Mekanisme Kawalan Dalaman

Sepanjang tahun 2017, SPRM telah membuka sebanyak 112 Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP). Hasilnya, sebanyak 362 cadangan penambahbaikan melalui khidmat nasihat telah dikemukakan kepada Ketua Badan Awam dan Swasta. SPRM memberi tumpuan kepada lima sektor utama iaitu perolehan kewangan, penguatkuasaan, tadbir urus, pengurusan tanah, perlesenan dan pembinaan. Antara perundingan dan khidmat nasihat yang telah diberikan adalah:

i. Isu Pengurusan Perolehan Penyelenggaraan Infrastruktur Air Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

Susulan daripada kes yang menggemparkan negara melibatkan JANS, SPRM telah membentangkan dan mencadangkan lapan arahan jabatan serta lima pekeliling baru berhubung kerja-kerja kecemasan termasuk melantik Pegawai Unit Integriti kepada JANS. Perkara ini telah dipersetujui oleh YB Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. SPRM mengharapkan melalui kerjasama serta arahan dan pekeliling yang dicadangkan dapat mengekang dan mengurangkan ruang dan peluang untuk jenayah rasuah dan salahguna kuasa berlaku lagi di JANS.

ii. Isu Pengurusan dan Pengeluaran Bahan Galian (Bauksit)

SPRM telah menjalankan pemeriksaan kepada beberapa agensi terlibat seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, JKPTG, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Galian, Pejabat Tanah Galian Pahang dan lain-lain agensi yang terlibat. SPRM telah menambahbaik borang 13D yang mempunyai 12 ciri keselamatan serta membangunkan sistem *e-mineral* bagi memudahkan pemantauan terhadap borang 13D. Cadangan penambahbaikan ini adalah untuk menyekat dan menghalang penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan cuba untuk mengambil kesempatan.

iii. Isu Pelepasan Unit Hartanah Bumiputera Kepada Orang Awam

Dalam isu ini, pihak SUK Johor telah bersetuju dengan cadangan daripada SPRM untuk mewujudkan garis panduan yang komprehensif bagi pengurusan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada orang awam. SPRM telah menyediakan garis panduan bagi pengurusan pelepasan unit hartanah Johor dan semua permohonan diwajibkan melalui Bahagian Perumahan sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sistem yang dicadangkan adalah supaya tidak wujud pelanggaran dan ruang untuk disalahgunakan dan ia lebih adil dan telus melalui keputusan mesyuarat.

Kawalan Dalaman Melalui Produk Antirasuah

Di samping menjalankan pemeriksaan, khidmat nasihat dan pemantauan kepada jabatan dan organisasi, SPRM juga telah membangunkan produk-produk dan mewujudkan mekanisme pencegahan rasuah untuk diaplikasikan di jabatan-jabatan awam atau organisasi swasta. SPRM menitikberatkan pembanteras rasuah dan salah guna kuasa sehingga ke akar umbi dan berharap dengan mekanisme ini, ruang dan peluang bagi jenayah rasuah dan salah guna kuasa berlaku dapat dikurangkan. Antara produk dan mekanisme yang diwujudkan ialah:

- a) *Anti-Corruption Certification Programme (ACCP)* – Program Pensijilan Pencegahan Rasuah
- b) *Corruption Risk Management (CRM)* – Pengurusan Risiko Rasuah
- c) *Corporate Integrity Pledge (CIP)* – Ikrar Integriti Korporat
- d) MS ISO 37001 : *Anti – Bribery Management Systems* – Kerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM)
- e) *Integrity Office – Government Linked Companies (GLC)* – Pejabat Integriti (Syarikat Berkaitan Kerajaan)
- f) *Environmental Protection Against Corruption Caucus (EPACC)*

PERLUASAN GERAKAN MASSA DAN KESEDARAN MASYARAKAT

Dalam usaha menyebarkan kesedaran dan mendapatkan sokongan masyarakat terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 7(f) dan 7(g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, SPRM telah memperkenalkan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) pada 8 Mei 2017 sebagai pemangkin gelombang perubahan kepada masyarakat. Ia merupakan revolusi minda dan pemikiran masyarakat untuk membenci dan memandang jijik terhadap rasuah dan salah guna kuasa. Gerakan ini akan memberi tumpuan kepada beberapa golongan sasaran utama iaitu penjawat awam, industri, belia, wanita, ilmuan, pelajar dan kanak-kanak, seniman dan sukan serta NGO. Golongan ini akan membawa mesej antirasuah yang berpegang kepada prinsip asas iaitu 'Jangan Memberi Rasuah, Jangan Menerima Rasuah' untuk disebarluaskan ke serata pelusuk negara.

GERAH juga mempunyai harapan yang besar untuk melahirkan generasi yang berani dan sanggup bekerjasama membanteras pelaku rasuah, melahirkan generasi yang komited dan sentiasa ke hadapan menggerak usaha pencegahan rasuah dan generasi yang sentiasa menyokong SPRM.

Menerusi GERAH, anggota dan pegawai SPRM telah digerakkan ke seluruh negara setiap bulan bagi mendekati rakyat secara langsung dan bersemuka. Ia juga sebagai pencetus kepada gelombang perubahan yang agresif dan drastik dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan meletakkan rasuah sebagai musuh nombor satu negara. Pegawai-pegawai SPRM mengambil pendekatan turun padang untuk berjumpa dengan masyarakat secara lebih dekat dengan mempromosikan program-program pencegahan rasuah. Program ini memberi kesedaran terhadap peranan SPRM mengenai penguatkuasaan dan pencegahan rasuah serta kaedah penyaluran maklumat yang berkualiti.

Bagi menggerakkan GERAH ini supaya lebih berkesan, SPRM telah memperkenalkan beberapa inisiatif dan kempen yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017, antaranya adalah:

Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) adalah merupakan ikrar serta janji yang dilafaz bagi setiap individu untuk menjunjung tanggungjawab serta berjanji sepenuh hati (akauntabiliti) bagi menjauhi diri dari terlibat dengan rasuah dan salahguna kuasa. IBR bermatlamatkan membentuk komitmen, kesungguhan oleh individu khususnya kepimpinan organisasi dan warganya untuk membenci dan menjauhkan diri daripada perlakuan rasuah. Ikrar ini akan menjadi peringatan kepada setiap individu dan pimpinan organisasi serta menggalakkan mereka secara sukarela untuk membenci, menolak dan memerangi rasuah baik di dalam organisasi masing-masing mahupun menjadi agen penyebar antirasuah dalam masyarakat umum. IBR telah disambut baik oleh pelbagai agensi sama ada jabatan kerajaan, swasta, NGO, Persatuan dan Institusi Pengajian Tinggi. Sehingga 31 Disember 2017 sejumlah 872 agensi telah melaksanakan IBR.

GERAH Bulanan

Dilaksanakan secara berkala setiap bulan oleh seluruh warga SPRM di seluruh negara. Melalui inisiatif ini, hampir 2000 orang pegawai SPRM turun padang selama satu hari setiap bulan berjumpa dengan masyarakat bagi memberi kesedaran dan mendapatkan sokongan masyarakat. Semasa program ini pihak SPRM bersedia untuk menerima sebarang aduan. Sejak dilancarkan pada 8 Mei 2017, SPRM telah mendekati beberapa sektor penting iaitu hub pengangkutan, pasar dan peniaga, pusat perniagaan, pendidikan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Swasta, kesihatan, penguatkuasa dan pihak berkuasa tempatan.

Sahabat GERAH

Telah dilancarkan bagi mewujudkan Malaysia yang sukarela dengan ini akan bersama-dalam gerakan revolusi menyumbang tenaga, usaha pencegahan rasuah. adalah terbuka kepada yang berumur di antara 18 tahun 2017, seramai lebih kurang 150,000 ahli sahabat GERAH.

Kembara Jelajah Anti-Rasuah (KEJAR)

Pada 17 hingga 30 September 2017, telah tercatat satu acara yang bersejarah bersempena dengan Ulangtahun BPR/SPRM ke 50 tahun, iaitu satu konvoi yang dikenali sebagai Kembara Jelajah Anti-Rasuah yang melibatkan konvoi 40 penunggang motorsikal yang terdiri daripada pegawai SPRM ke seluruh negara. Program ini bertujuan bagi membolehkan SPRM mendekati masyarakat di seluruh pelusok negara untuk menyebarkan mesej antirasuah. Program ini telah berjaya menarik masyarakat setempat untuk turut serta dan menyatakan sokongan kepada SPRM dalam usaha pencegahan rasuah. Program ini telah berlangsung selama dua minggu.

pada 1 Ogos 2017 kumpulan masyarakat berdaftar yang secara SPRM. Sahabat GERAH sama dengan SPRM antirasuah bertindak masa dan idea dalam Keahlian Sahabat GERAH semua warganegara Malaysia ke atas. Sehingga 31 Disember orang telah memohon untuk menjadi

Perhimpunan Mahasiswa Memerangi Rasuah (PEMARAHAH)

PEMARAHAH merupakan satu platform yang menghimpunkan golongan belia universiti sebagai ejen untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa selaras dengan aspirasi pemimpin yang inginkan negara bebas daripada jenayah rasuah. Mahasiswa disarankan menjauhi gejala rasuah dan salah guna kuasa melalui pengamalan 3J iaitu 'Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan *Settle*' dan ini merupakan kesinambungan kepada inisiatif Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di IPT seluruh negara.

Pementasan Teater Bahara Emas

Pementasan yang telah diadakan di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka pada 19 hingga 22 Oktober 2017 adalah mengisahkan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka akibat gejala rasuah di peringkat pemimpin negara dan rakyat. Pementasan ini merupakan suatu platform baru dalam menyampaikan mesej antirasuah dan telah dihadiri oleh 3,200 orang penonton.

Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan Settle)

Kempen 3J memberi kesedaran kepada orang awam untuk tidak memberi rasuah, tidak berunding mahupun menawarkan rasuah bagi penyelesaian kes atau pemerolehan kontrak. Manakala untuk mencegah perlakuan rasuah oleh penjawat awam, SPRM akan mempergiatkan lagi kempen memerangi pemberi rasuah sebagai peringatan untuk menolak dan melapor rasuah.



KERJASAMA DAN HUBUNGAN STRATEGIK ANTARABANGSA

Di peringkat antarabangsa, SPRM selaku *Focal Point* mewakili Malaysia telah dinilai oleh pasukan penilai *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) dalam Sesi Penilaian Kitaran Kedua (*second review cycle*) pada Julai 2017 berhubung pematuhan Malaysia ke atas peruntukan-peruntukan dalam UNCAC di bawah Bab II (Pencegahan) dan Bab V (Pemerolehan Semula Harta Jenayah). UNCAC telah mengenal pasti enam amalan terbaik dalam sektor pencegahan dan enam dalam sektor pemerolehan semula harta jenayah dalam sesi Penilaian Kitaran Kedua ke atas Malaysia, di mana boleh dijadikan rujukan oleh negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Pencapaian ini merupakan penghargaan yang tinggi oleh organisasi antarabangsa kepada Malaysia dan SPRM.

Malaysia/SPRM juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran *Anti-Corruption Agency* (ACA) Forum kali ke-8 untuk membincangkan strategi dan hala tuju pencegahan rasuah serantau. Antara agensi antirasuah yang hadir adalah Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia, *Anti-Corruption and Civil Rights Commission* (ACRC), Korea, *Corrupt Practices Investigation Bureau* (CPIB), Singapore, Biro Mencegah Rasuah (BMR), Brunei dan *Agency Against Corruption* (ACC), Taiwan.

SPRM mewakili Malaysia mempromosikan pengalaman dan perkongsian amalan terbaik serta kepakaran di platform antarabangsa. Sebanyak 19 pembentangan telah dibuat melibatkan aspek-aspek seperti keberkesanan pencegahan rasuah, pengesanan aset dan undang-undang berkaitan rasuah. Ini adalah refleksi kepada usaha dan kesungguhan SPRM dalam berkongsi dan bertukar kepakaran dalam aspek penguatkuasaan undang-undang rasuah serta pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa. Antara platform berkenaan adalah *Asian Pacific Economies* (APEC), ADB/OECD *Anti-Corruption Initiatives for Asia Pacific*, *Economic Crimes Agency Network* (ECAN), ACA Forum, *Asia/Pacific Group on Money Laundering* dan *ICAC International Seminar on Financial Investigation*.

“ Pada 23 Oktober 2017, SPRM telah menjalinkan kerjasama bersama *Nottingham Trent University* (NTU), United Kingdom dengan memeterai Memorandum Pelaksanaan Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM. Program tersebut direalisasikan demi mencapai objektif untuk meningkatkan kompetensi, kelayakan dan daya saing pegawai lantikan baharu SPRM serta menepati keperluan profesion pembanteras rasuah domestik dan antarabangsa. Program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* bagi pegawai gred P29 yang telah mendapat pengiktirafan oleh *Quality Assurance Agency* (QAA) United Kingdom dan setanding dengan *Professional Diploma* United Kingdom yang akan dilaksanakan bermula tahun 2018. Manakala Program *Graduate Certificate in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership* bagi pegawai gred P41 sedang dirangka bersama NTU. ”

CABARAN DAN HARAPAN

Pembangunan pesat yang dialami oleh negara telah menjadikan peranan SPRM dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa semakin mencabar. Keadaan ini wujud kerana perubahan teknologi yang pesat, tekanan kos sara hidup yang tinggi, kerena politik dan birokrasi, persaingan pasaran ekonomi dunia serta jaringan hubungan antarabangsa yang lebih terbuka. Jenayah rasuah menjadi semakin kompleks disertai dengan penularan jenayah yang melibatkan kongsi gelap, keganasan, aktiviti/transaksi rentas sempadan dan bersindiket.

Justeru itu SPRM amat mengharapkan masyarakat bersama SPRM memerangi rasuah melalui Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH). Harapan SPRM melalui GERAH supaya rakyat teguh dalam menolak, membenci, memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa di Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SPRM bagi memastikan kebajikan rakyat terpelihara. Rakyat dan masyarakat keseluruhannya perlu menikmati hasil kemakmuran dan pembangunan negara tanpa diganggu gugat oleh pengkhianat jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

Semoga Allah SWT akan sentiasa melindungi dan memberi kekuatan kepada SPRM, warganya dan seluruh rakyat Malaysia dalam usaha pencegahan rasuah dan salah guna kuasa dan dipermudahkan segala usaha yang dilaksanakan serta diberkati di sisiNya, In Shaa Allah.

Tan Sri Dzul kifli bin Ahmad

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

02

MEKANISME *CHECK AND BALANCE*

- **LIMA BADAN PEMANTAU KHAS**
- **LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)**
- **JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (JKMR)**
- **JAWATANKUASA ADUAN (JKA)**
- **PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)**
- **PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)**

14 - 28

MEKANISME

CHECK & BALANCE

LIMA BADAN PEMANTAU KHAS

LIMA BADAN PEMANTAU BEBAS

Diwujudkan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti SPRM.

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Mekanisme ini membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.



01

» LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)

PANEL PEMANTAU BEBAS SPRM

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota ex-officio sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(1)(b) Akta tersebut.



AHLI-AHLI LPPR 2017



**YM TUNKU ABDUL AZIZ
BIN TUNKU IBRAHIM**
(Pengerusi)



**TAN SRI DATUK DR. HADENAN
BIN ABDUL JALIL**



**TAN SRI JAMALUDDIN BIN
HAJI AHMAD DAMANHURI**



TAN SRI MUSA BIN HASSAN



**DATO' MOHD NOOR
BIN ABDULLAH**



**PROFESOR TAN SRI
DATO' DZULKIFLI
BIN ABDUL RAZAK**



**TAN SRI DATO'
DR. MICHAEL
YEHO OON KHENG**



**PROFESOR DATUK
DR. SHAMSUL AMRI
BIN BAHARUDDIN**



**DATUK DAVID
CHUA KOK TEE**



**DATO' HALIMAH
BINTI MOHD SAID**



**DATUK SERI AZMAN
BIN UJANG**



**DATUK DR. MOHD TAP BIN
SALLEH**



**DATUK DR. HAMZAH
BIN KASSIM**

AHLI-AHLI LPPR 2017

Ringkasan Pencapaian LPPR

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), merupakan salah satu daripada lima badan bebas yang memantau perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam hal ini, LPPR menyokong langkah perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan dasar, peraturan, struktur, proses serta modal insan yang melonjakkan prestasi SPRM dan memantapkan operasinya. Sepanjang tahun 2017, terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh LPPR antaranya ialah:






»» JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (JKMR)

02

PANEL PEMANTAU BEBAS SPRM

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa ini.

**TIADA LANTIKAN
UNTUK AHLI JKMR SEPANJANG TAHUN
2017**



» JAWATANKUASA ADUAN (JKA)

03

PANEL PEMANTAU BEBAS SPRM

Jawatankuasa ini juga dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.



AHLI-AHLI JKA 2017



TAN SRI DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT
(Pengerusi)




DATO' AHMAD BIN SAID



DATUK MUHAMMAD HATTA BIN ABD. AZIZ



PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDUL KADIR



TERMA RUJUKAN JKA

1

Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

2

Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salahlaku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya.

Ringkasan Pencapaian JKA

Selaras dengan Pelan Strategik SPRM 2017-2020, Pelan Integriti SPRM 2017-2020 (PISPRM) dirangka dengan kerjasama Jawatankuasa Aduan (JKA) telah menjadikan SPRM sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan profesional. PISPRM telah dilancarkan pada 9 November 2017 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad sebagai simbolik kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam pelan tersebut. SPRM Negeri dan Bahagian perlu melaksanakannya bagi meningkatkan integriti warga SPRM. Pelaksanaan PISPRM adalah berasaskan kepada dua Teras Strategik iaitu Pengukuhan Organisasi dan Pemantapan Integriti Warga dengan disokong oleh tiga nilai teras SPRM iaitu Amanah, Tegas dan Adil.

»» PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)

04

PANEL PEMANTAU BEBAS SPRM



AHLI-AHLI PPO 2017

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh YAB. Perdana Menteri dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian. Mereka adalah individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.



TAN SRI ZALEHA
BINTI ZAHARI
(Pengerusi)



TAN SRI ISMAIL BIN OMAR



DATUK AZIZAN BIN ABDUL RAHMAN



PROFESOR MADYA DATO' DR. MOHAMMAD AGUS BIN YUSOFF



DATO' DR. SITI MARIAM BINTI CHE AYUB



DATUK SELVA MOOKIAH



PROFESOR DR. YAP BEE WAH



TERMA RUJUKAN PPO

1

Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi tempoh 12 bulan

2

Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi 6 bulan

3

Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan Kertas Siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya

4

Menerima laporan Kertas Siasatan Suruhanjaya yang telah berkeputusan untuk dihentikan siasatan dan memberi pandangan:

- i) Untuk penambahbaikan siasatan atas sebab kelemahan siasatan; dan
- ii) Untuk menyemak semula sekiranya siasatan tersebut memerlukan siasatan lanjut.

5


Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya

Ringkasan Pencapaian PPO

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

Sepanjang perantaraan PPO sejak tahun 2009 hingga 2017, sebanyak 77 KS telah diputuskan oleh PPO untuk disemak semula. Keputusan selepas disemak semula adalah seperti dalam **CARTA 1**:

CARTA 1: Keputusan KS Selepas Semakan PPO 2017



JUMLAH: 77KS

05

»» PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)

PANEL PEMANTAU BEBAS SPRM

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) ini diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.



AHLI-AHLI PPPR 2017



TAN SRI ISMAIL ADAM
(Pengerusi)



**TAN SRI PROFESOR
DATO' DR. T. MARIMUTHU**



**TAN SRI
TANG YEAM SOON**



**PROFESOR EMERITUS
DATO' DR. MOHD SHAM
BIN MOHD SANI**



**DATUK ABDUL AZIZ
BIN ISHAK**



DATUK HASMI BIN HASNAN



**DATUK BALJIT SINGH
SIDHU**



**DATUK MD. YUSOF BIN
MD. ASLAM**



**DATO' WAN MOHAMAD
BIN DATO' SHEIKH ABDUL
AZIZ**



DATO' V. DANAPALAN



**PROFESOR DATIN DR. AMLA
BINTI HJ. MOHD SALLEH**

Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan mengesyorkan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan;



**DATO' DR. NASHARUDIN
BIN MAT ISA**


Meneliti dan memperakukan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan (*priority areas*) amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang membuka ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah;



**PROFESOR DR. MOHAMED
HATTA BIN SHAHAROM**

Membentuk dan menggubal amalan baik (*best practices*) dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;

Menasihati dan memperakukan kepada Suruhanjaya berhubung keberkesanan pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;



Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya;

Membantu Suruhanjaya sebagai 'key communicator' dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;

Mengemukakan laporan tahunan, ulasan dan cadangan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;

Ringkasan Pencapaian PPPR

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) sesi 2017/2019 mempunyai 13 ahli. Pelantikan ahli PPPR dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2017 sehingga 14 Ogos 2019. Majlis penyerahan wafat pelantikan diadakan pada 9 November 2017.

Peranan utama PPPR adalah untuk meneliti dan memperakukan hasil pemeriksaan SPRM bagi menambah baik sistem dan prosedur sektor awam dan swasta. PPPR juga berfungsi menasihati SPRM berhubung pelaksanaan aktiviti pendidikan dan kempen bagi mendapatkan sokongan masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah.

Sepanjang tahun 2017, PPPR bermesyuarat sebanyak enam kali. Isu semasa rasuah dibincangkan dan cadangan diberikan kepada SPRM untuk penambahbaikan aktiviti pencegahan rasuah dan kempen pendidikan kepada masyarakat.

Sebanyak enam laporan pemeriksaan sistem dan prosedur oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM dibentangkan kepada PPPR untuk perakuan. Kesemuanya berkaitan isu-isu nasional dan berkepentingan awam selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM'.



PPPR juga mengadakan aktiviti keterlibatan dengan ketua-ketua agensi bagi mendapatkan maklum balas dan pendapat mereka berhubung isu rasuah di agensi masing-masing. Melalui aktiviti tersebut, amalan terbaik dalam pencegahan rasuah turut dikongsi dengan SPRM. Mereka yang terlibat adalah (a) Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh pada 28 Februari 2017; (b) Ketua Eksekutif, Human Resource Development Fund, Dato' CM Vignaesvaran a/l Jeyandran pada 14 Februari 2017; dan (c) Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad pada 7 Jun 2017.

Sebagai penasihat, PPPR mengemukakan cadangan agar pembaharuan dibuat dalam aspek undang-undang dan pentadbiran SPRM. Bagi pembaharuan undang-undang, PPPR menyokong sepenuhnya cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang untuk memperkasakan SPRM dan usaha pencegahan rasuah di negara ini. Pindaan-pindaan tersebut merangkumi:



Bagi pembaharuan pentadbiran pula, PPPR mencadangkan kepada SPRM untuk melaksanakan beberapa perkara iaitu:

- Mewujudkan kerjasama SPRM-Bursa Malaysia bagi mengadakan latihan kepada ahli lembaga pengarah syarikat;
- Mengukur keberkesanan setiap aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah;
- Gesaan kepada kerajaan untuk mewajibkan semua ahli Parlimen membuat pengisytiharan harta kepada SPRM;
- Mempertingkatkan kerjasama SPRM dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);

- (e) Memperluaskan pendidikan integriti dan pencegahan rasuah di peringkat pra-sekolah;
- (f) Memperbanyakkan program pencegahan rasuah di institut pendidikan tinggi swasta;
- (g) Pemantauan SPRM terhadap agensi kecil yang berisiko tinggi;
- (h) Menangani secara serius jenayah rasuah dalam kalangan agensi penguat kuasa;
- (i) Memberi tumpuan kepada isu penyelewengan dalam perolehan kerajaan;
- (j) Membuat pemantauan berterusan ke atas jabatan-jabatan yang telah melaksanakan IBR;
- (k) Menghebahkan secara agresif kejayaan SPRM kepada masyarakat; dan
- (l) Peranan Jabatan Audit Negara mendedahkan rasuah dan penyelewengan

PPPR telah melaksanakan peranannya secara bebas tanpa dipengaruhi mana-mana pihak. PPPR komited dalam memantau aktiviti pencegahan dan pendidikan SPRM bagi memastikan aktiviti tersebut memberi impak besar dan menepati harapan rakyat.

KIND BE CURIOUS ACCOUNTABILITY IS ABOUT CARING DON'T WAIT. TAKE
NECESSARY THE
S THE
HT IDEAS QUALITY SMART
TO DO WE CHAMPION INNOVATION WILL ALWAYS TRUMP QUANTITY RISKS
PRODUCTIVE DETAILS COLLABORATION
WORK MATTER
ALWAYS BE PREPARED SHARE INFORMATION



03

MAKLUMAT KORPORAT



- **PENGURUSAN TERTINGGI SPRM 2017**
- **CARTA ORGANISASI SPRM 2017**

- **PENGARAH SPRM NEGERI 2017**
- **STRATEGI SPRM**
- **FUNGSI SPRM**
- **MOTO SPRM**
- **MISI, VISI DAN OBJEKTIF SPRM**
- **KOD ETIKA SPRM**

30 - 39



MAKLUMAT KORPORAT

»» PENGURUSAN TERTINGGI SPRM 2017



Ketua Pesuruhjaya SPRM



Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Timbalan-timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM



Datuk Seri Hj. Azam bin Baki
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)



Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)



Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)

STRUKTUR ORGANISASI
SPRM
2017



Ketua Pesuruhjaya
 Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
 Datuk Seri Hj. Azam bin Baki



Pengarah Bahagian Siasatan
 Pj Dato' Simi bin Abdul Ghani



Pengarah Bahagian Operasi Khas
 TPj Dato' Hishammuddin bin Hashim
 (Mulai Mei 2017)



Pengarah Bahagian Perisikan
 Pj Dato' Sri Hj. Ahmad Khusairi bin Yahya



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
 Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
 TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali
 (Hingga Julai 2017)



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
 TPj Dato' Idris bin Zaharudin
 (Mulai Ogos 2017)



Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
 Dato' Puzan bin Ahmar



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
 Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
 TPj Dato' Hj Mohamad Yusoff bin Akope
 (Hingga Mac 2017)



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
 P/TPj Dato' Md Yusoff bin Md Zain
 (Mulai April 2017)



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
 P/TPj Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah



Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
 Dato' Masri bin Mohd. Daud



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
 TPj Dato' Idris bin Zaharudin
 (Hingga Julai 2017)



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
 TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali
 (Mulai Ogos 2017)



Pengarah Bahagian Forensik

KPKPj Husin bin Mohamad Nasir
(Mulai Mei 2017)



Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat

KPKPj Dato' Hj. Nor Azmi bin Karim
(Hingga Mac 2017)



Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat

PKPj Fadzillah binti Shamsudin
(Menanggung Tugas Pengarah mulai April 2017)



Pengarah Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan

Mohd Kamal bin Husin



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme

KPKPj Dato' Rohaizad bin Yaakob
(Hingga Julai 2017)



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan

KPKPj Mohamad Fauzi Bin Husin
(Hingga Julai 2017)



Pengarah Bahagian Integriti Dan Pengurusan Prestasi

(Gabungan Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme serta Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan)
KPKPj Mohamad Fauzi Bin Husin
(Mulai Ogos 2017)



Pengarah Bahagian Keselamatan

KPKPj Mohamad Soib bin Abdullah



Pengarah Bahagian Urus Sektor Awam

KPKPj. Dato' Zainul bin Darus
(Hingga April 2017)



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi

P/TPj Junipah binti Wandu



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

P/KPKPj Ismajuri bin Ismail
(Hingga Februari 2107)



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

KPKPj Mohamad Zakkuan bin Talib
(Mulai Mac 2017)



**Pengarah
SPRM Perak**
TPj Dato' Hj. Nooraziah
binti Abd Manaf
(Hingga Ogos 2017)



**Pengarah
SPRM Perak**
KPKPj Rosley bin Mohamad
Satar
(Menanggung Tugas
Pengarah dari Oktober
hingga November 2017)



**Pengarah
SPRM Perak**
KPKPj Dato' Zainul bin
Darus
(Mulai Disember 2017)



**Pengarah SPRM Negeri
Sembilan**
KPKPj Ramli bin Ismail



**Pengarah SPRM Kuala
Lumpur**
TPj Dato' Han Chee Rull

PENGARAH SPRM NEGERI 2017



**Pengarah
SPRM Sarawak**
TPj Dato' Badrul Shah bin
Norman



**Pengarah
SPRM Kedah**
P/TPj Dato' Hj. Mohd Fauzi
bin Haji Mohamad



**Pengarah SPRM
Terengganu**
KPKPj P.Ganason A/L S.
Periathambhy
(Hingga Mei 2017)



**Pengarah SPRM
Terengganu**
KPKPj Mohd Zaki bin
Hassan
(Mulai Jun 2017)



Pengarah SPRM Kelantan
TPj Dato' Hj. Moh.
Shamsudin bin Yusof



**Pengarah
SPRM Sabah**
TPj Dato' Shaharom Nizam
bin Abd Manap
(Hingga Januari 2017)



**Pengarah
SPRM Sabah**
TPj Dato' Sazali bin Salbi
(Mulai Februari 2017)



Pengarah SPRM Putrajaya
KPKPj Ruslan bin Che
Ahmad
(Hingga September 2017)



Pengarah SPRM Putrajaya
KPKPj Ramlan bin Md Lajis
(Mulai Oktober 2017)



Pengarah SPRM Pahang
TPj Dato' Tan Kang Sai
(Hingga Jun 2017)



Pengarah SPRM Pahang
KPKPj Dato' Hj. Alias Salim
(Mulai Julai 2017)



Pengarah SPRM Johor
P/TPj Dato' Hj. Azmi bin
Alias



**Pengarah SPRM Pulau
Pinang**
TPj Dato' Hj. Abd Aziz bin
Aban



Pengarah SPRM Selangor
TPj Dato' Hj. Wan Ramli
bin Wan Abdullah



Pengarah SPRM Melaka
PPj Ramli bin Hassan
(Menanggung Tugas
Pengarah hingga Januari
2017)



Pengarah SPRM Melaka
PPj Abu Talib bin Othman
(Mulai Februari 2017)



**Pengarah
SPRM Perlis**
PPj Yaacob bin Angah



**Pengarah
SPRM Labuan**
PPj Abu Talib bin Othman
(Hingga Januari 2017)



**Pengarah
SPRM Labuan**
PPj Abdulamin bin Hj.
Abdillah
(Mulai Februari 2017)

STRATEGI SPRM

Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) .

Penguatkuasaan

A

- Mengesan kesalahan rasuah.
- Menyiasat kesalahan rasuah.



Pencegahan

B

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur.
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.



Pendidikan

C

- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah.
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.



FUNGSI SPRM

MENERIMA & MENIMBANGKAN, MENYIASAT APA-APA ADUAN

Mengenai pelakuan kesalahan di bawah ASPRM 2009 & menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu.

MENGESAN & MENYIASAT

Apa-apa percubaan, komplot, kesalahan yang disyaki di bawah ASPRM 2009.

MENELITI AMALAN, SISTEM DAN TATACARA BADAN-BADAN AWAM

Demi memudahkan penemuan kesalahan di bawah ASPRM 2009 & kajian semula amalan, sistem/ tatacara pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah.

MENGARAHKAN, MENASIHATI & MEMBANTU MANA-MANA ORANG

Atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu.

MENASIHATI KETUA BADAN-BADAN AWAM TENTANG APA-APA PERUBAHAN DALAM AMALAN, SISTEM ATAU TATACARA

Sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya dan sesuai dengan penunaian kewajipan badan-badan awam itu untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah.

MENDIDIK ORANG RAMAI

Menentang rasuah.

MEMELIHARA & MENDAPATKAN SOKONGAN ORANG RAMAI

Dalam memerangi rasuah.

MOTO SPRM



Amanah dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Tegas menjalankan penyiasatan terhadap semua perlakuan rasuah secara objektif dan tanpa pilih kasih.

Adil bertindak secara saksama tanpa prasangka dan berat sebelah dalam semua keadaan berteraskan keluhuran undang-undang.

- Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah.
- Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.



● Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

KOD ETIKA SPRM

01	Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.
02	Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan.
03	Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan.
04	Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik.
05	Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran.
06	Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti.
07	Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

04

PENGUATKUASAAN



- **MAKLUMAT**
- **PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN MENGIKUT JENIS KESALAHAN**
- **TANGKAPAN**
- **OPS JANS**
- **OPS TAMPAN**
- **OPS INDAH**
- **OPS TIMBER**
- **OPS LAVISH**
- **OPS RELAX**
- **OPS CARBON**
- **STATISTIK KES PENDAKWAAN**

40 - 67




STATISTIK OPERASI

MAKLUMAT

PUNCA MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 7,348 maklumat telah diterima oleh SPRM daripada pelbagai punca. Statistik menunjukkan maklumat yang diterima oleh Pegawai SPRM sendiri (termasuk pegawai SPRM yang ditempatkan di Unit Integriti Agensi Luar) mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 2,812 atau 38.27% daripada keseluruhan maklumat yang diterima. Ini diikuti dengan maklumat yang berpunca daripada pengadu datang sendiri dan surat diterima daripada individu yang mana masing-masing mencatat 1,953 (26.58%) dan 1,188 (16.17%) daripada keseluruhan maklumat yang diterima sepanjang tahun 2017. Punca keseluruhan maklumat yang diterima oleh SPRM sepanjang tahun 2017 adalah sebagaimana di **CARTA 2**

CARTA 2: Punca Penerimaan Maklumat Bagi Tahun 2017



KATEGORI MAKLUMAT

Daripada 7,348 maklumat yang diterima sepanjang tahun 2017, sebanyak 3,816 (51.93%) maklumat dikategorikan sebagai berunsur rasuah manakala 3,532 (40.07%) maklumat dikategorikan sebagai bukan berunsur rasuah. Jumlah maklumat yang diterima sepanjang tahun 2017 meningkat sebanyak 797 maklumat atau 12.17% berbanding tahun 2016. Pecahan penerimaan maklumat mengikut kategori tahun 2016 dan 2017 adalah seperti yang dipaparkan dalam **JADUAL 1**.


JADUAL 1: Kategori Penerimaan Maklumat Bagi Tahun 2017

BIL	KATEGORI MAKLUMAT	2016	2017	PERBEZAAN	
				(+/-)	PERATUS
1.	Berunsur Rasuah	3,417	3,816	399	11.68
2.	Bukan Berunsur Rasuah	3,134	3,532	398	12.70
JUMLAH		6,551	7,348	797	12.17

TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT

Sebanyak 863 Kertas Siasatan (KS), 1,355 Kertas Penyiasatan Awal (KPA) dan 198 Kertas Risik (KR). Selain itu, SPRM juga telah melaksanakan 1,400 tindakan operasi lain ke atas keseluruhan 3,816 maklumat berunsur rasuah yang telah diterima. Berbanding tahun 2016, walaupun statistik menunjukkan penurunan dalam pembukaan KS iaitu sebanyak 122 (12.39%), SPRM juga bertindak terhadap maklumat berunsur rasuah dengan tindakan operasi lain. Ini ditunjukkan dengan peningkatan dalam pembukaan KPA iaitu sebanyak 370 (37.56%), KR sebanyak 12 (6.45%) dan lain-lain tindakan operasi sebanyak 139 (11.02%). Perbandingan tindakan yang diambil oleh SPRM terhadap maklumat berunsur rasuah pada tahun 2016 dan 2017 adalah sebagaimana yang dipaparkan di **CARTA 3**


CARTA 3: Perbandingan Tindakan Terhadap Maklumat Berunsur Rasuah Tahun 2017



PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN MENGIKUT JENIS KESALAHAN

Daripada 863 KS yang dibuka pada tahun 2017, sebanyak 310 KS (35.92%) melibatkan kesalahan menerima rasuah, 168 KS (19.47%) kesalahan memberi rasuah, 203 KS (23.52%) kesalahan mengemukakan tuntutan palsu, 81 KS (9.39%) kesalahan salah guna jawatan/kedudukan, 51 KS (5.91%) kesalahan pengubahan wang haram manakala sebanyak 50 KS (5.79%) dibuka melibatkan lain-lain kesalahan. **CARTA 4** menunjukkan pembukaan KS mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2017 manakala perbandingan pembukaan KS mengikut jenis kesalahan adalah sebagaimana di **JADUAL 2**.

CARTA 4: Pembukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2017



JADUAL 2: Perbandingan Pembukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2016 dan 2017

BIL	JENIS KESALAHAN	2016	2017	BEZA (+/-)	BEZA PERATUS (%)
1	Menerima rasuah	329	310	-(19)	5.78
2	Memberi rasuah	142	168	26	18.31
3	Tuntutan palsu	367	203	-(164)	44.69
4	Salah guna jawatan/kedudukan	89	81	-(8)	8.99
5	Pengubahan wang haram	27	51	24	88.89
6	Lain-lain kesalahan	31	50	19	61.29
JUMLAH		985	863	-(122)	12.39

TANGKAPAN

Sepanjang tahun 2017, SPRM telah melaksanakan sejumlah 879 tangkapan melibatkan 409 tangkapan (46.53%) ke atas penjawat awam daripada pelbagai kategori manakala 470 tangkapan (53.47%) melibatkan individu awam dan pihak swasta. Daripada 409 tangkapan ke atas penjawat awam, 13 tangkapan melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 101 tangkapan ke atas pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme manakala baki 295 tangkapan adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Terdapat penurunan sebanyak 60 tangkapan (6.39%) dilakukan oleh SPRM pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan sejumlah 939 tangkapan pada tahun sebelumnya. Penurunan ini melibatkan 409 tangkapan ke atas penjawat awam dan 470 tangkapan ke atas orang awam serta pihak swasta. Perincian tangkapan mengikut kategori tangkapan bagi tahun 2016 hingga 2017 adalah seperti mana di **JADUAL 3**

JADUAL 3: Perbandingan Tangkapan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2016 dan 2017

BIL	KATEGORI	2016	PERATUSAN	2017	PERATUSAN
1	PENJAWAT AWAM	467	49.73	409	46.53
	1.1 Pengurusan Tertinggi	7		13	
	1.2 Pengurusan dan Profesional	119		101	
	1.3 Pelaksana	341		295	
2	AWAM	472	50.27	470	53.47
	2.1 Swasta	210		168	
	2.2 Individu	239		272	
	2.3 Lain-lain	23		30	
JUMLAH		939	100.00	879	100.00

Berdasarkan statistik, tangkapan yang melibatkan kesalahan menerima rasuah menyumbang kepada 46.42% iaitu 408 tangkapan daripada keseluruhan tangkapan pada tahun 2017. Ini diikuti dengan tangkapan yang melibatkan kesalahan memberi rasuah sebanyak 240 tangkapan (27.30%), tangkapan bagi kesalahan mengemukakan tuntutan palsu iaitu 142 (16.15%), tangkapan bagi salah guna jawatan/kedudukan sebanyak 53 (6.03%), tangkapan bagi pengubahan wang haram sebanyak 17 (1.93%) dan tangkapan bagi lain-lain kesalahan iaitu 19 tangkapan (2.16%). Perbandingan tangkapan mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah sebagaimana di **JADUAL 4**

JADUAL 4: Perbandingan Tangkapan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2016 dan 2017

BIL	KESALAHAN	2016		2017	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1	Menerima rasuah	462	49.20	408	46.42
2	Memberi rasuah	192	20.45	240	27.30
3	Tuntutan palsu	205	21.83	142	16.15
4	Salah guna jawatan/kedudukan	28	2.98	53	6.03
5	Pengubahan wang haram	25	2.66	17	1.93
6	Lain-lain kesalahan	27	2.88	19	2.16
JUMLAH		939	100	879	100

TAPISAN KEUTUHAN

Pengurusan tapisan keutuhan oleh SPRM dilaksanakan menggunakan Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK). Sepanjang tahun 2017 SPRM telah menerima sebanyak 35,773 permohonan daripada pelbagai agensi bagi permohonan enam jenis tapisan. Perbandingan permohonan tapisan keutuhan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah sebagaimana dalam **JADUAL 5**.

JADUAL 5: Perbandingan Permohonan Tapisan Keutuhan Bagi Tahun 2016 dan 2017

BIL	JENIS TAPISAN	BILANGAN PERMOHONAN		PERBEZAAN	
		2016	2017	(+/-)	(%)
1	Kenaikan Pangkat	23,742	23,287	-(455)	1.92
2	Persaraan pilihan	7,069	6,695	-(374)	5.29
3	Tapisan Am	3,596	3,798	202	5.62
4	Pingat Persekutuan	195	111	-(84)	43.08
5	Pingat Negeri	1,151	1,444	293	25.46
6	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)	111	438	327	294.59
JUMLAH		35,864	35,773	-(91)	0.25

Tempoh tapisan telah dapat diuruskan dengan teratur pada tahun 2017 di mana 31,058 (87.78%) permohonan telah berjaya diuruskan dalam tempoh tiga hari berbanding 35,835 (99.65%) permohonan pada tahun 2016. Secara keseluruhannya, 100% permohonan berjaya diuruskan dalam tempoh tujuh hari. Perbandingan tempoh pengurusan tapisan keutuhan adalah sebagaimana di **JADUAL 6**.

JADUAL 6: Perbandingan Tempoh Permohonan Tapisan Keutuhan Bagi Tahun 2016 dan 2017

TEMPOH PROSES	2016	2017	PERBEZAAN
HARI	PERMOHONAN	PERMOHONAN	PERATUS
1 - 3 hari	35,835 (99.65%)	31,058 (87.78%)	-(13.33)
4 - 7 hari	127 (0.35%)	4,324 (12.22%)	3304.72%
8 - 10 hari	0	0	0.00
11 - 12 hari	0	0	0.00
13 - 14 hari	0	0	0.00
JUMLAH	35,962	35,382	580

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Bagi menggalakkan orang ramai melaporkan kegiatan rasuah, SPRM menyediakan perlindungan kepada pemberi maklumat selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sejak tahun 2011 sehingga tahun 2017 sejumlah 140 pemberi maklumat telah diberi perlindungan. Statistik pemberi maklumat yang diberi perlindungan adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam **JADUAL 7**.

JADUAL 7: Jumlah Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Tahun 2011 hingga 2017

BIL	TAHUN	BILANGAN PEMBERI MAKLUMAT YANG DIBERI PERLINDUNGAN
1	2011	6
2	2012	29
3	2013	4
4	2014	10
5	2015	16
6	2016	30
7	2017	45
JUMLAH		140

KEJAYAAN OPERASI

OPS JANS

Operasi ini susulan Ops Water yang melibatkan wang sitaan berjumlah RM21,784,803.63 membabitkan 35 orang Pegawai/Jurutera Ibu Pejabat Air Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Bahagian Kota Kinabalu, Beaufort, Keningau, Ranau, Kudat, Kota Belud, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu.

Pada 7 Disember 2017, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu memutuskan kesemua wang sitaan berjumlah RM19,969,302.23 daripada 32 orang Pegawai/ Jurutera Air JANS dilucuthakan ke dalam hasil negara. Manakala baki wang sitaan berjumlah RM1,815,501.40 daripada tiga orang Pegawai/ Jurutera Air ditetapkan perbicaraannya pada 13 Disember 2017..

GAMBAR OPS JANS





KERATAN AKHBAR JANS

UTAMA BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu

KONGSI ARTIKEL



Wang sita RM19.97j dilucut hak



Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerahkan kepada

kerajaan RM19.97 juta daripada kira-kira RM53 juta yang dirampas dalam operasi membabitkan penyelewengan dana oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

SPRM dalam kenyataan hari ini, berkata tindakan itu susulan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Nurcahaya Arshad, semalam, melucut hak RM19.97 juta itu daripada jumlah keseluruhan wang dan akaun bank yang disita serta diserahkan kepada kerajaan.

Katanya, pada prosiding itu, SPRM diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman, Mohd Farez Rahman dan Rozanna Abdul Hadi.

"Keputusan melucut hak baki wang yang disita berjumlah RM1.8 juta pula ditetapkan perbicaraannya pada 13 Disember ini," katanya.

Keratan akhbar mengenai kes "Ops JANS"

OPS TAMPAN

Seorang Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ditangkap dan dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah Shah Alam dan Kuala Lumpur dengan lima pertuduhan utama iaitu empat di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, satu pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan dan tiga pertuduhan alternatif bawah seksyen 417 Kanun Keseksaan.

Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad berkenaannya telah mengaku bersalah di bawah tiga pertuduhan alternatif dan dihukum denda berjumlah RM46,800.00 dan enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda.



KERATAN AKHBAR OPS TAMPAN

Bekas pengurus didenda RM46,800

SHAH ALAM - Bekas Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang disiasat SPRM, mengaku bersalah tiga pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM15,580 untuk rawatan kecantikan di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Hakim Tuan Adli Abd Ghalib memutuskan Md Shamsuri Md Isa, 42, dikenakan hukuman denda RM46,800 bagi semua pertuduhan tersebut.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 415 Kanun Keseksaan, boleh dihukum mengikut Seksyen 417 akta sama memperuntukkan hukuman penjara lima tahun



Md Shamsuri mengaku bersalah mengemukakan tuntutan palsu.

atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Md Shamsuri didakwa menggunakan tiga dokumen Card Credit Detail Form yang me-

ngandungi butiran palsu iaitu pengesahan penggunaan kad kredit bagi tujuan rasmi MAHB, sedangkan ia digunakan bagi tujuan peribadi mendapatkan rawatan kecantikan di sebuah klinik.

INFO
• Tuntutan berjumlah RM2,000, RM3,800, RM3,980 dan RM5,800

Tuntutan itu, masing-masing berjumlah RM2,000, RM3,800, RM3,980 dan RM5,800.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 1 Mac hingga 19 Julai 2016 di Pejabat Korporat MAHB, Sepang. Md Shamsuri diwakili peguam Cheow Wee.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nur Laila Mohamed Nazil, Abdul Rashid Sulaiman dan Muhammad Anif Abdullah.

Keratan akhbar mengenai kes "Ops Tampan"

Star, Harian Metro,
Khamis, Feb 23, 2017
page 17.

HARIAN METRO

Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang Pengurus Besar Kanan, Bahagian Sumber Manusia Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai menyalahgunakan kedudukannya dengan meluluskan peruntukan kira-kira RM80,000 bagi tujuan rawatan kecantikan kulit serta pelangsingan badan dirinya sendiri.

Suspek berusia 41 tahun itu ditahan di kediamannya di Bandar Tun Razak, Cheras di sini, kira-kira jam 11 pagi semalam.

Menurut sumber, suspek dikatakan mempunyai masalah obesiti dan disyaki menyalahgunakan kad kredit korporat yang dibekalkan oleh MAHB kepadanya untuk menjalani rawatan



■ Pengurus besar ditahan guna kad kredit syarikat cantik diri

yang tidak terdapat dalam kontrak faedah.

Difahamkan, MAHB membekalkan kad kredit korporat kepada pegawai yang layak untuk kegunaan rasmi.

Melalui maklumat yang dikumpulkan, kad kredit korporat itu hanya boleh digunakan untuk kegunaan rasmi termasuk pembelian tiket kapal terbang, pengi-

napan, keraian dan belanja mesyuarat seperti yang dinyatakan dalam prosedur standard operasi (SOP) syarikat itu.

Suspek dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia pada Januari 2015 sebelum dinaikkan pangkat ke Pengurus Besar Kanan di bahagian yang sama pada Disember 2015.

Kata sumber itu, lagi se-

SUSPEK yang dipercayai menyalahgunakan kad kredit syarikat.

“Guna RM80,000 bagi tujuan rawatan kecantikan kulit serta pelangsingan badan dirinya sendiri”

Sumber

gala kelulusan tuntutan perubatan kakitangan MAHB bergantung kepada semakan yang dilakukan sebuah syarikat pihak ketiga yang dilantik bagi menguruskan kemudahan perubatan kakitangan mengikut 'Schedule of Benefits' dan 'exclusion list' yang diluluskan oleh Bahagian Sumber Manusia MAHB.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, pihaknya merampas beberapa dokumen termasuk kad kredit korporat yang dibekalkan kepada suspek bagi membantu siasatan.

Sumber Keratan Akhbar: Harian Metro, m/s 13 (23/02/2017)

OPS INDAH

Kes melibatkan tangkapan tujuh orang yang terdiri daripada empat pegawai Jabatan Parit dan Saliran dan tiga orang dari Syarikat Sinnaiyah & Sons Sdn. Bhd. berkaitan kes tuntutan palsu bagi Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 – Pakej 1 bernilai RM118,767,929.95.

Pengarah Urusan syarikat membuat tuntutan palsu sebanyak RM12,888,000.00. Pengarah tersebut yang bergelar Tan Sri dan anaknya selaku Pengurus Syarikat sebagai Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh di mahkamah Seksyen Jenayah Kuala Lumpur di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Manakala sejumlah RM1.5 juta telah dibekukan termasuk 20 akaun milik tertuduh dan ahli keluarga.

GAMBAR OPS INDAH



KERATAN AKHBAR OPS INDAH

Tan Sri, anak dan pegawai JPS direman enam hari berkaitan tuntutan palsu kepada JPS

April 06, 2017 12:50 MYT



Seorang usahawan bergelar 'Tan Sri' dibawa ke Mahkamah Majistret untuk permohonan perintah reman di Istana Kehakiman hari ini. - Foto Bernama

PUTRAJAYA: Seorang usahawan bergelar 'Tan Sri' dan anak lelaki antara enam orang yang direman selama enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berkaitan tuntutan palsu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkaitan projek pengindahan Sungai Melaka.

'Tan Sri' berumur 60-an itu ditahan di kediamannya di Johor kira-kira 10 pagi semalam manakala anaknya yang juga bekerja di syarikatnya merupakan suspek terbaharu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 11 malam tadi di Johor.

Tiga lagi yang direman untuk tempoh sama sehingga 11 April itu merupakan pegawai di JPS dan seorang pesara di jabatan itu bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Menurut sumber SPRM, kesemua pegawai JPS yang ditahan disyaki bersubahat dengan Tan Sri itu yang merupakan pemilik syarikat dilantik untuk membekalkan alat 'geotube' bagi projek JPS, membabitkan kerja pemulihan sungai dengan menggunakan kaedah penggalian pada sekitar 2012.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun atau lima kali ganda nilai suapan, mengikut mana yang tinggi.

Keratan akhbar tempatan berkaitan "Ops Indah"

OPS TIMBER

Pada 11 September 2017, seramai tiga individu telah ditangkap berhubung kes pengusaha balak yang memberi rasuah untuk mengelakkan tindakan daripada pihak penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu kerana beroperasi tanpa lesen dan tidak mematuhi peraturan di sekitar Daerah Besut, Terengganu.

Menerusi Operasi ini juga, Zainal Abidin bin Maskon, Pegawai Hutan Jabatan Perhutanan Daerah Jerantut, Pahang telah mengaku bersalah atas tiga pertuduhan pilihan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan berhubung kes pemberian rasuah oleh syarikat sebagai balasan tidak dikenakan tindakan apabila melakukan pencerobohan dan penebangan pokok secara haram di luar kawasan. Pada 20 September 2017, mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan denda sebanyak RM150,000.00 tunai bermula daripada tarikh beliau ditangkap iaitu pada 11 September 2017. Hukuman penjara sembilan bulan sekiranya beliau gagal membayar denda .



OPS LAVISH

Seramai enam individu telah ditangkap pada 8 Mei 2017 bagi membantu siasatan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, berhubung satu kes permintaan dan penerimaan rasuah oleh pegawai Jabatan Imigresen Malaysia yang terlibat daripada sindiket yang berkaitan dengan tugas rasmi mereka. Jumlah keseluruhan nilai wang yang disita dan dibekukan adalah sebanyak RM 9,306,256.89.

Turut ditahan dua lagi individu bagi membantu siasatan berhubung kes rasuan

Bos imigresen CIQ Perlis ditahan

Oleh JUNAIDIA ALYASA dan NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah menahan Ketua Pejabat Imigresen di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Padang Besar, Perlis dan dua individu lain bagi membantu siasatan berhubung gaya hidup mewah dan memiliki kekayaan luar biasa dalam kalangan pegawai penguat kuasa CIQ tersebut.

Ketua Pejabat Imigresen CIQ yang ditahan ialah Khairi Osman, 37, yang berpangkat penguasa imigresen. Turut ditahan Rohaizat Zainal, 35, yang bertugas sebagai pegawai penguat kuasa di CIQ Padang Besar dan seorang kontraktor di Perlis, Hasan Mohd. Yusof, 48.

Mereka ditahan di sekitar negeri ini antara pukul 10 pagi hingga 11 pagi kelmarin. Pengarah SPRM Kedah, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad berkata, ketua pejabat imigresen CIQ itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung penerimaan rasuah bernilai kira-kira RM20 juta berkaitan meluluskan permohonan permit kerja golongan ekspatriat dan profesional warga asing sekitar tahun 2015.

"Pada tahun 2015, pegawai imigresen itu memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Khidmat Ekspatriat di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya sebelum dia ditukar-



MOHD. FAUZI (dua dari kiri) menunjukkan pelbagai barangan yang dirampas daripada dua pegawai imigresen dan seorang kontraktor pada sidang akhbar di Alor Setar semalam.



DARI KIRI: Rohaizat, Khairi dan Hasan yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung penerimaan rasuah dan memiliki kekayaan luar biasa pegawai penguat kuasa imigresen.

kan ke CIQ Padang Besar pada awal tahun 2016.

"Semakan mendapati dalam tempoh tersebut sebanyak 339 permohonan melibatkan 18,626 pemohon permit golongan ekspatriat diluluskan," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati setiap permit golongan ekspatriat yang diluluskan dikenakan bayaran 'duit kopi' sebanyak RM1,500.

Mohd. Fauzi memberitahu, pemeriksaan SPRM di beberapa lokasi termasuk di rumah pegawai imigresen itu di Jitra dekat sini menemui enam buah kenderaan mewah, simpanan tetap bank bernilai hampir RMI juta, beg tangan dan jam tangan berjenama.

"Kesemua barangan bernilai RM2.5 juta milik pegawai imigresen itu dan isteri disita untuk membantu siasatan berhubung pemilikan harta benda dan ke-



LIMA kenderaan mewah dan sebuah motosikal berkuasa tinggi bernilai jutaan ringgit yang dirampas SPRM.

kayaan luar biasa," kata beliau.

Kenderaan mewah yang dirampas ialah kereta BMW X6, BMW 320i, Toyota Vellfire dan dua buah Honda Civic Type R serta sebuah motosikal berkuasa tinggi BMW R1200.

"Siasatan mendapati semua kenderaan tersebut dibeli secara tunai kecuali BMW X6 yang dibeli secara pinjaman namun membuat bayaran pendahuluan RM200,000," jelasnya.

Sementara itu, Mohd. Fauzi berkata, Rohaizat dan kontraktor yang ditahan itu pula akan membantu siasatan berhubung peranan mereka dalam kes penerimaan rasuah oleh pegawai atasan mereka.

Tambahnya, ketiga-tiga individu itu direman seminggu bermula semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA).

SPRM menyeru mana-mana

INFO Kes pegawai imigresen didakwa rasuah

- **10 Januari:** Empat pegawai imigresen Selangor ditahan bagi membantu siasatan memuluskan resit bayaran bagi yuran permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa
- **23 Februari:** Pengarah Jabatan Imigresen Perak antara empat individu yang ditahan untuk membantu siasatan kegiatan rasuah melibatkan operasi pusat hiburan dan rumah nuit
- **15 Mac:** Sepuluh pegawai imigresen Sarawak termasuk enam pegawai wanita di Kuching dan Serian ditahan kerana dipercayai menerima wang rasuah bagi melindungi warga asing tanpa dokumen perjalanan dan permit kerja

syarikat yang pernah berurusan dengan ketiga-tiga individu berkenaan untuk memohon permit ekspatriat diminta tampil membantu siasatan.

Keratan akhbar mengenai kes "Ops Lavish"

OPS RELAX

Seramai 15 individu telah ditangkap bagi membantu siasatan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, berhubung satu kes permintaan dan penerimaan rasuah wang rasuah oleh pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan seperti MPKj, PDRM dan JIM secara bulanan daripada pengusah-pengusaha premis urut di sekitar daerah Kajang, Selangor. Ianya sebagai balasan melindungi aktiviti-aktiviti haram premis urut iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen, menggajikan wanita asing tanpa permit dan aktiviti pelacuran yang melibatkan jumlah wang rasuah sebanyak RM15,400.00



ANGGOTA penguat kuasa pelbagai agensi dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam bagi membantu siasatan berhubung kes melindungi pusat urut haram.

Shah Alam: Setiap anggota agensi penguat kuasa yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes rasuah kelmarin dipercayai mempunyai peranan tertentu untuk melindungi pusat urut haram termasuk menjadi tonto.

Sumber SPRM berkata, siasatan awal mendapati kegiatan itu dilakukan sejak setahun lalu dengan memfokuskan kepada pusat urut baru di sekitar Selangor.

“Pegawai dan anggota polis yang terbabit dalam kes itu dipercayai bertindak sebagai tonto untuk memak-

lumkan kepada pengusaha premis mengenai sebarang serbuan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Selain itu, anggota bomba pula membabitkan lesen keselamatan kebakaran manakala Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bagi memudahkan permohonan atau pembaharuan lesen pusat urut itu,” katanya.

Semalam 13 penguat kuasa daripada pelbagai agensi direman tujuh hari bagi membantu siasatan kerana disyaki mengutip wang rasuah bagi melindungi kegiatan pusat urut di negeri itu.

Perintah reman itu dike-

luarkan Majistret Siti Shakirah Mohtarudin selepas semua suspek berusia 26 hingga 53 tahun tiba di mahkamah dengan menaiki bas milik SPRM pada jam 10.05 pagi.

Mereka membabitkan dua pegawai polis berpangkat Inspektor yang juga Ketua Balai Polis di Kajang dan Sungai Buloh selain enam anggota polis, empat anggota bomba dan seorang pegawai MPKj.

Sumber itu berkata, SPRM kini mengesan seorang lagi suspek berusia 30-an dipercayai kerani MPKj bagi membantu siasatan kes berkenaan.

“Siasatan mendapati lelaki itu dipercayai mempunyai masalah disiplin berkaitan kehadirannya dan dia kini hilang tanpa dikesan,” katanya.

Menurutnya, lapan suspek polis yang direman dihantar ke lokap SPRM di Putrajaya manakala selebihnya di Lokap Berpusat Shah Alam.

Semua supek ditahan kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dengan menerima rasuah bulanan antara RM300 hingga RM10,000 daripada pengusaha pusat urut yang beroperasi secara haram di dua daerah di Selangor.

Keratan akhbar tempatan mengenai kes “Ops Relax”

OPS CARBON

Tiga orang ditahan termasuk seorang Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung kes sebuah kilang haram yang beroperasi di Sungai Lembu, Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT) Pulau Pinang milik Syarikat GBH (BM) Sdn Bhd yang memproses habuk kayu untuk pengeluaran *Activated Carbon Filter* sedangkan tidak mendapat apa-apa kelulusan dari jabatan yang berkaitan.

SINAR HARIAN • JUMAAT 11 OKTOBER 2017

15 KAMPUNG SUNGAI LEMBU, PENANTI, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG 019 574 4081 / 919 474 7088

SEBERANG PERAI TENGAH

47

SPRM serbu kilang haram

PERMATANG PAUH - Sebuah kilang haram memproses habuk kayu yang dipercayai beroperasi sejak 15 tahun lalu di Kampung Sungai Lembu di sini diserbu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pagi semalam.

Operasi bersama imigresen, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ini dilakukan selepas mendapat laporan daripada penduduk setempat mengenai pencemaran alam sekitar yang berlaku daripada aktiviti membakar habuk kayu sejak sekian lama.

Kilang haram itu didapati beroperasi tanpa permit sah



Antara warga asing ditahan dalam serbuan semalam.

di atas tanah berstatus tanah pertanian.

Dalam serbuan bermula kira-kira jam 10.30 pagi ini, imigresen menahan sem-

INFO Didakwa tidak permit sah, turut menyebabkan pencemaran udara

bilan warga Myanmar termasuk seorang wanita yang merupakan pekerja kilang tersebut.

Empat daripada individu terlibat disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen, manakala selebihnya disyaki melakukan kesalahan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen.

Dalam operasi sama, SPRM menanggulangi seorang lelaki berusia 70 tahun yang

merupakan penyelia kilang terbahit ke Pejabat SPRM Cawangan Seberang Perai untuk diambil keterangan.

SPRM turut menyerbu pejabat Malis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan pejabat operasi kilang terbahit di Bukit Mertajam, pagi semalam bagi merampas dokumen berkaitan di premis-premis terbahit.

Selain ini, LHDN turut merampas dokumen berkaitan kerana pemilik kilang terbahit disyaki tidak melaporkan penfindatan dengan betul.



Kilang memproses habuk kayu yang diluluskan kerajaan melalui Jabatan Perindustrian dan Perdagangan.



Sementara itu, JAS mendapati kilang terbahit tidak mempunyai sistem kawalan pencemaran udara dan akan mengambil tindakan atas kesalahan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 2014.

Kewujudan kilang haram terbahit telah memberi kesan buruk, termasuk menjejaskan kesihatan penduduk

setempat sehingga ada yang menghidap penyakit sesak.

Kilang haram terbahit juga menyebabkan masalah kebersihan pekerja asing tanpa permit, selain tidak mempunyai dokumen keselamatan yang sah di kawasan berkenaan.

Sekarang ini, isu ini berkaitan kilang terbahit telah beberapa kali dilaporkan penduduk kampung kepada pihak berkuasa, namun tiada tindakan dilakukan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Raki ketika dihubungi mengesahkan mengenai operasi tersebut.



Anggota SPRM memeriksa dokumen berkaitan operasi kilang terbahit di pejabat MPSP.

Gesa kilang haram ditutup

PERMATANG PAUH - Serbuan penduduk Kampung Sungai Lembu yang terpaksa bertadapan dengan pencemaran alam sekitar akibat aktiviti kilang haram bertampani keamatan mereka, bakal berakhir selepas kilang terbahit diserbu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pagi semalam.

Pengerusi JKKK Sungai Lembu, Tan Sing Lee berkata, isu kilang haram berkenaan berlatarbelakangi bahawa tidak pernah diambil sebarang tindakan walaupun banyak aduan telah dihimpunkan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Jabatan Alam Sekitar.

Menurutnya, asap di kawasan kilang terbahit menyebabkan kualiti kesihatan penduduk terjejas, malah lebih daripada 20 penduduk dikatakan menghidap kanser angkara kilang terbahit.



SING LEE

"Dah banyak kali kami bawa perkara ini kepada pihak berkuasa, malah Adun Penanti, Dr Norlela Aniffin juga pernah menyuarangkannya ini ini dalam Sidang Duta untuk perhatian kerajaan negeri. Namun pemilik kilang terbahit dilihat seolah-olah kekal daripada dikemakan sebarang tindakan."

"Lebih 10 penduduk telah meninggal dunia akibat kanser yang dipercayai berpunca

daripada pencemaran kilang haram ini. Kebetulanangan ini ramai anak muda di sini yang berusia lingkungan 15 tahun disahkan menghidap penyakit itu," katanya ketika ditemui media di sini, semalam.

Sing Lee berkata, pihak mereka pernah berjumpa dengan pemilik kilang terbahit bagi membincangkan isu ini, namun mereka pula diminta supaya tidak mengganggu perniagaan dan operasi kilang haram terbahit.

Katanya, penduduk baru dan tidak tahu ke mana harus mengadu mengenai masalah kilang haram terbahit dan berharap SPRM dapat mengurangkan asap di dalam di sebuah operasi kilang haram terbahit selanjut ini.

"Kami sudah cukup menderita dengan isu ini dan berharap kilang ini dapat ditutup serta meminta atau dipindah ke kawasan lain," katanya.

Adun Penanti lega SPRM ambil tindakan

PERMATANG PAUH - Saya lega dan berpuas hati yang berkaitan sejak sekian lama ini akan diselesaikan secepat mungkin demi kesihatan penduduk.

Izinkan Adun Penanti, Dr Norlela Aniffin apabila mengetahui kilang haram memproses habuk kayu di Kampung Sungai Lembu di sini diserbu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

Menurutnya, sebagai usaha dilakukan pihak mereka dan penduduk bagi mengurangkan kilang haram terbahit, namun tiada tindakan drastik dilakukan pihak berkuasa dan kerajaan negeri sebelum ini.

"Isu kilang haram di Kampung Sungai Lembu bukan perkara baru. Saya pernah menyuarangkannya hal ini dalam Sidang Duta pada 2015, namun tiada sebarang tindakan diambil."

"Penduduk di sini juga pernah mengemukakan petisyen dan tuntutan sebetulnya



DR NORLELA

itu jika surat bagi membantah operasi kilang haram ini yang menjejaskan kualiti hidup mereka, namun tidak ada tindakan juga. Bila tahu SPRM serbu kilang terbahit, saya berharap akan memberi sinar baru kepada penduduk di sini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Padia Sidang Duta sebelum ini, Dr Norlela membangkitkan mengenai kewujudan kilang haram yang

dibina tidak mengikut garis panduan keselamatan, selain tidak mematuhi prosedur alam sekitar.

Malah, pelepasan asap dan gas karbon akibat operasi kilang terbahit juga di khusatari menjejaskan kesihatan penduduk dan alam sekitar.

"Kilang ini seperti kapal daripada tindakan undang-undang. Saya harap SPRM dan pihak berkuasa lain dapat menyelesaikan isu ini segera kerana penduduk di sini sudah lama menderita," katanya.

JADUAL 8: Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Tahun 2016 dan 2017

BIL	PERKARA	2016	2017	JUMLAH
1	Sita / Beku (RM)	306,154,583.25	353,060,348.18	659,214,931.43
2	Lucuthak (RM)	4,950,124.22	48,555,466.83	53,505,591.05
	JUMLAH	311,104,707.47	401,615,815.01	712,720,522.48

JADUAL 9: Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Mengikut Akta pada Tahun 2017

BIL	PERKARA	ASPRM	AMLATFPUAA 2001	JUMLAH
1	Sita / Beku (RM)	60,021,799.71	293,038,548.47	353,060,348.18
2	Lucuthak (RM)	2,074,592.11	46,480,874.72	48,555,466.83
	JUMLAH	62,096,391.82	339,519,423.19	401,615,815.01

JADUAL 10: Statistik Laporan SPRM Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2017

BIL	BENTUK KESALAHAN	JUMLAH
1	Tidak jujur dan tidak amanah dalam mengemukakan tuntutan atau melaksanakan pengesahan yang mengandungi butiran palsu	100
2	Menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri	28
3	Gagal membuat pengisytiharan harta	2
4	Ingkar perintah, tidak bertanggungjawab, cuai dan kurang cekap dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi	72
5	Terima hadiah, keraian, meminta wang / keberhutangan yang serius	121
6	Melibatkan diri dalam perniagaan luar dan mengambil bahagian dalam politik	2
	JUMLAH	325

JADUAL 11: Jumlah Laporan SPRM Mengikut Kumpulan bagi Tahun 2017

TAHUN	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN & PELAKSANA
2016	4	76	235
2017	8	111	206
JUMLAH	12	187	441

JADUAL 12: Statistik Keputusan Laporan SPRM Mengikut Hukuman bagi Tahun 2017

BIL	HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran	67
2	Denda	8
3	Lucut Hak Emolumen	0
4	Tanggung Pergerakan Gaji	38
5	Turun Gaji	12
6	Turun Pangkat	5
7	Buang Kerja	12
8	Bebas	28
9	Menamatkan kontrak perkhidmatan	1
10	Lain-lain	0
	JUMLAH	171

JADUAL 13: Lain-lain Hukuman yang Tidak Disenaraikan Di Bawah Peraturan Tatatertib bagi Tahun 2017

BIL	HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran pentadbiran / Surat teguran	19
2	Tukar Jabatan	0
3	Kes tidak diteruskan:	
3.1	NFA	1
3.2	Telah bersara	5
3.3	Tidak wujud kesalahan tatatertib/ tiada prima facie	24
3.4	Tiada tindakan tatatertib kerana pegawai bukan lantikan agensi berkaitan	3
3.5	Surcaj	16
	JUMLAH	68


PENDAKWAAN KES RASUAH

Pada tahun 2017, SPRM telah mencapai usia 50 tahun sebagai agensi penguatkuasaan bagi membanteras jenayah rasuah. Sehubungan dengan itu matlamat dan objektif SPRM tercapai dengan sabitan kesalahan terhadap penjenayah rasuah yang dihukum dengan hukuman berat.

Statistik Kes Pendakwaan

Bagi tahun 2017 sebanyak 316 orang dituduh di Mahkamah Sesyen Khas bagi kes-kes rasuah yang melibatkan dua orang ahli politik (0.63%), 151 orang penjawat awam (47.78%), 108 orang awam (34.18%), 54 orang dari sektor swasta (17.09%), dan seorang pihak berkuasa tempatan (0.32%). Ini dapat dilihat dalam **CARTA 5**.

CARTA 5: Pertuduhan Mengikut Kategori Tahun 2017



Bagi kategori penjawat awam yang telah dituduh di mahkamah, tujuh daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi (4.64%), 35 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (23.18%) dan selebihnya 109 orang daripada Kumpulan Pelaksana (72.18%).

Kes-kes Perbicaraan

Sebanyak 525 kes dibicarakan di Mahkamah Sesyen Khas SPRM termasuk 352 kes yang baru didaftarkan pada tahun 2017.

Sejumlah 318 kes telah selesai dibicarakan dan mendapat penghakiman. Sebanyak 244 (76.73%) kes telah disabitkan atas kesalahan, manakala 62 (19.50%) kes telah dilepas dan dibebaskan atau *Discharge Amounting to an Acquittal (DNA)*, dan sebanyak 12 (3.77%) kes telah dilepas tanpa dibebaskan atau *Discharge Not Amounting to an Acquittal (DNAA)*. Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah sebagaimana **CARTA 6**.

Sepanjang tempoh dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017, sejumlah RM12,425,451.25 denda dikenakan ke atas individu-individu yang disabitkan atas kesalahan rasuah

CARTA 6: Keputusan Kes Perbicaraan Di Mahkamah Rendah Tahun 2016 dan 2017




Kes-kes Rayuan

Sebanyak 124 kes rayuan dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 63 kes baru yang didaftarkan pada 2017. Sejumlah 38 kes berjaya diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, dari jumlah tersebut sebanyak 32 kes rayuan Pendakwa Raya dibenarkan manakala enam kes rayuan ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Sebanyak 24 kes rayuan dibawa ke Mahkamah Rayuan, di mana 13 kes rayuan Pendakwa Raya dibenarkan dan tiga kes rayuan ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Manakala lapan kes masih belum diputuskan. **CARTA 7** menunjukkan keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.


CARTA 7: Keputusan Kes Rayuan Di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Tahun 2017



Kes-kes Pelucuthakan Harta

Dalam tahun 2017, sejumlah 108 kes pelucuthakan harta telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi. Sejumlah 76 kes telah selesai dan sebanyak 32 kes belum diputuskan sebagaimana **CARTA 8**.

CARTA 8: Keputusan Kes Pelucuthakan Harta Tahun 2016 dan 2017



Keputusan Kes	2016	2017
Lucut hak	67	71
Tidak dilucut hak	1	5

Kejayaan Kes-kes Pendakwaan

Tahun 2017 menyaksikan beberapa kes berkepentingan awam dan berprofil tinggi. Kes-kes ini adalah seperti berikut:



1



Nama: Yusof Holmes bin Abdullah

Pekerjaan: Penimbang Tara Bertauliah

Hukuman: Penjara enam bulan dan Denda RM20,000

Fakta Kes: Tertuduh telah menandatangani *Statement of Independence* tanpa menjelaskan konflik dan kepentingannya kepada pihak Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA). Ini menyebabkan tertuduh dilantik sebagai Penimbang Tara bagi pertikaian antara JMR Construction Sdn. Bhd. dan Nanjing Changjiang Waterway Engineering Bureau. Sekiranya pihak KLRCA mengetahui pengakuan tertuduh adalah tidak benar, tertuduh tidak mungkin dilantik bagi jawatan berkenaan.

2



Nama: Teoh Phaik Ean

Pekerjaan: Pengarah Urusan Smart Solutions Training Sdn. Bhd.

Hukuman: Penjara 22 Bulan dan Denda RM35,000

Fakta Kes: Tertuduh didakwa mengemukakan dokumen-dokumentuntutanbagipenganjuran kursus dan latihan untuk pekerja Syarikat Elentech Malaysia Sdn. Bhd. yang masing-masing bernilai RM23,400, RM7,800, RM23,400, dan RM23,400 kepada pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sedangkan latihan yang dimaksudkan tidak pernah dikendalikan.

3



Nama: Muhammad Ghazali bin Abdul Majid

Pekerjaan: Pengarah Syarikat Penerbitan Buku

Hukuman: Denda RM480,000

Fakta Kes: Tertuduh terlibat dalam kes penyelewengan dana penerbitan buku bernilai RM15 juta dan pengubahan wang haram berjumlah RM10.2 juta. Tertuduh didakwa melibatkan diri dalam transaksi hasil daripada aktiviti haram iaitu memberi arahan dalam pemindahan wang ke dalam akaun *Mega Solution Advertising* berjumlah RM1.975 juta melalui empat keping cek dan ke akaun *Mega Bina Resources* berjumlah RM1.525 juta melalui lima keping cek. Tertuduh juga didakwa menerima wang berjumlah RM540,000 melalui tiga keping cek dan memberi arahan dalam pemilikan wang syarikat *Zilerie Global* berjumlah RM2,243,125.20 di dalam akaun *Malayan Banking* milik Tetuan Alira & Co.

4

Rasuah Berkaitan Isu Alam Sekitar



Nama: How Ah Lai

Pekerjaan: Ahli Perniagaan

Hukuman: Penjara tujuh hari dan Denda RM10,000



Nama: Mohan A/L Kangaderan

Pekerjaan: Ahli Perniagaan

Hukuman: Penjara satu bulan dan Denda RM10,000

Fakta Kes: Kedua-dua tertuduh dihadapkan ke Mahkamah atas pertuduhan memberi rasuah kepada dua Pegawai SPRM berhubung aktiviti perlombongan pasir secara haram di tanah rizab kerajaan di Putrajaya.

5



Nama: Rizalman bin Ghazali

Pekerjaan: Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia

Hukuman: Penjara sembilan bulan dan denda RM20,000



Nama: Rozlin binti Mustafa

Pekerjaan: Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia

Hukuman: Penjara enam bulan dan denda RM20,000

Fakta Kes: Sepasang suami isteri didakwa kerana telah mengambil rasuah. Rizalman si suami dituduh menerima rasuah berjumlah RM420,852 melalui kad ATM bagi pihak isterinya, Rozlin sebagai upah meluluskan kerja-kerja pembekalan bernilai RM1,363,317.95 kepada syarikat di mana individu tersebut mempunyai kepentingan. Si isteri (Rozlin) pula dituduh menerima rasuah berjumlah RM230,011 melalui suaminya, Rizalman melalui sekeping kad ATM sebagai upah meluluskan kerja-kerja pembekalan bernilai RM1,363,317.95 kepada syarikat di mana individu tersebut mempunyai kepentingan.

6



Nama: Hassin bin Mad Zin

Pekerjaan: Pengurus Bahagian Perhubungan Petani dan Pelanggan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Hukuman: Penjara 10 bulan dan Denda RM45,000 & Penjara 10 bulan dan denda RM320,000

Fakta Kes: Tertuduh didakwa dengan enam pertuduhan menerima suapan RM73,000 daripada dua individu antara 2013 dan 2014 bagi mendapatkan kuota beras Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15). Bagi lima pertuduhan, Hassin didakwa menerima suapan RM64,000 daripada pemilik Syarikat Berkat Zairul Enterprise, Rusli Abdullah sebagai dorongan untuk mendapatkan sebanyak 200 tan metrik kuota beras ST15. Bagi pertuduhan keenam, Hassin didakwa menerima suapan RM9,000 daripada pemilik WH Awana Enterprise, Wan Helmi Wan Darus sebagai dorongan untuk mendapatkan kuota sebanyak 30 tan metrik.

7



Nama: Ahmad Omar bin Noordin

Pekerjaan: Ahli Perniagaan

Hukuman: Penjara dua hari dan Denda RM100,000

Fakta Kes: Tertuduh didakwa dengan dua pertuduhan berhubung kesalahan menipu seorang kontraktor untuk mendapatkan tender projek di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) bernilai RM205,000. Tertuduh didakwa menipu kontraktor, Ng Suat Leh, 65, dengan meyakinkan Suat Leh akan memperoleh projek *Proposed Development of New LCCT Terminal and Associated Works at KL International Airport Sepang, Package LF06 – Perimeter Road and Security Road & Fencing* sehingga menyebabkan mangsa membayar menggunakan *Cashier's Order* berjumlah RM200,000 atas nama isteri tertuduh, Jalina Atin. Tertuduh juga didakwa menipu Suat Leh kononnya akan memperoleh projek yang sama sehingga menyebabkan Suat Leh menandatangani wang tunai berjumlah RM5,000 di RHB, juga atas nama Jalina.

8



Nama: Dr. Shahanom bin Uthman

Pekerjaan: Pengurus Besar Bahagian Projek dan Servis, Malaysia,
Transformer Manufacturing (MTM) Sdn Bhd.

Hukuman: Penjara 6 tahun dan Denda RM5.4 juta

Fakta Kes: Tertuduh didakwa dengan 14 pertuduhan menerima suapan wang tunai hampir RM2 juta dan sebuah kereta BMW 5 Series daripada Bina Mekar Sdn Bhd sebagai balasan memberikan diskaun membeli tembaga yang belum diproses. Tertuduh didakwa menerima wang tunai berjumlah RM1.881 juta dalam 13 transaksi antara Disember 2013 dan Disember 2014. Tertuduh juga didakwa menerima suapan wang tunai yang bernilai antara RM20,000 dan RM330,000 daripada pengarah dan pekerja Bina Mekar Sdn Bhd sebagai balasan memberikan diskaun kepada timbangan berat tembaga yang belum diproses milik MTM Sdn Bhd kepada syarikat tersebut. Selain itu, tertuduh turut didakwa menerima suapan dalam bentuk kereta model BMW 5 Series daripada Te Boon Chu, pekerja Bina Mekar Sdn Bhd pada 21 Julai 2014.

05 | PENCEGAHAN

A close-up photograph of a hand in a dark suit sleeve placing a wooden block on a staircase of other wooden blocks. The scene is lit from the side, creating strong shadows. The entire image is overlaid with a semi-transparent green filter.

- PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN
- BIDANG TUMPUAN PEMBUKAAN KPP 2017
- PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)
- KEPENTINGAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH
- IKRAR INTEGRITI KORPORAT
- KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM CIP
- MESYUARAT MEJA BULAT SISTEM INTEGRITI KORPORAT
- LAB CORPORATE INTEGRITY SYSTEM MALAYSIA (CISM)
- ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
- PENGLIBATAN SPRM DALAM ISO 37001 - MS ISO 37001
- PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI
- PEMERKASAAN INTEGRITI
- KEJAYAAN UNIT INTEGRITI
- USAHA PEMERKASAAN INTEGRITI
- MINI KONVENSYEN SPRM TAHUN 2017

68 - 104



PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Sesuatu amalan, sistem dan tatacara boleh berubah disebabkan peredaran masa dan persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku pegawai pelaksana, dasar dan peraturan sesuatu badan awam mahupun swasta.


Amalan, sistem dan tatacara itu menjadi tidak relevan jika tidak disemak, sekaligus membuka ruang dan peluang kepada risiko dan jenayah rasuah.

Menutup ruang dan peluang risiko dan jenayah rasuah.

Seksyen 7(c), (d) dan (e) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) merupakan punca kuasa untuk Bahagian/ Unit Pemeriksaan dan Perundingan menjalankan pemeriksaan bagi mengenal pasti kelemahan terhadap amalan, sistem dan tatacara sesuatu badan awam atau swasta, seterusnya memberikan khidmat nasihat terhadap cadangan penambahbaikan.

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah mengorak langkah dalam penghasilan beberapa produk baru pada tahun 2017 antaranya mengumpul amalan terbaik sebagai sumber rujukan dalaman dan luaran serta menjalankan Kajian Keberkesanan bagi beberapa produk sedia ada seperti *Corporate Integrity Pledge (CIP)* dan *Corruption Risk Management (CRM)*.


KERTAS PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN (KPP)



BIDANG TUMPUAN PEMBUKAAN KPP 2017

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 112 Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) telah dibuka dengan memberi tumpuan kepada enam bidang seperti **CARTA 9**:

CARTA 9: Bidang Tumpuan Pembukaan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) Tahun 2017



Daripada KPP yang dibuka sehinggatahun 2017 dan tahun sebelumnya, sebanyak 123 KPP berjaya menghasilkan 362 cadangan penambahbaikan melalui khidmat nasihat dan surat nasihat yang dikemukakan kepada Ketua Badan Awam dan Swasta.



FOKUS PEMERIKSAAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA TAHUN 2017

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat Berhubung Isu Pengurusan Pengeluaran dan Penguatkuasaan Bahan Galian (Bauksit) Oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pahang

Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara berhubung pengurusan pengeluaran dan penguatkuasaan bahan galian (bauksit) telah dijalankan ke atas beberapa agensi terlibat iaitu:



Hasil khidmat nasihat agensi yang terlibat seperti PTG Negeri Pahang telah **menambahbaik Borang 13D yang mempunyai 12 ciri keselamatan serta membangunkan sistem e-mineral** bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan penggunaan Borang 13D.

Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) Negeri Pahang telah mewujudkan garis panduan yang jelas dan spesifik berkaitan pengeluaran bahan galian (bauksit) termasuk mewujudkan Jawatankuasa Menilai dan Meluluskan Permohonan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong. **JADUAL 14** menunjukkan kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan berhubung isu bauksit.

JADUAL 14: Kelemahan-Kelemahan Yang Dikenal Pasti Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Isu Pengurusan Pengeluaran Dan Penguatkuasaan Bahan Galian (BAUKSIT)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Pengeluaran Lesen	
Kerajaan Negeri Pahang tiada dasar, polisi dan peraturan berkaitan dengan zon selamat bagi aktiviti perlombongan (jarak) dengan kawasan sensitif seperti kawasan penempatan, perindustrian dan pertanian.	Mencadangkan Kerajaan Negeri menggubal dasar, polisi dan peraturan berhubung zon selamat bagi aktiviti perlombongan.
Laporan cari gali oleh syarikat pelombong/pemohon tidak diwajibkan sebagai asas rujukan oleh Felda untuk membuat keputusan mengeluarkan Surat Tiada Halangan daripada Felda untuk memohon lesen melombong.	Felda hendaklah mewajibkan laporan cari gali dikepulkan semasa memohon Surat Tiada Halangan daripada Felda. Laporan hendaklah mengandungi perincian kandungan dan kuantiti bauksit yang berada dalam kawasan tanah yang dipohon untuk perlombongan.

Tiada garis panduan bertulis berhubung permohonan <i>Mining Lease (ML)/Property Mining Lease (PML)</i> secara <i>fast track</i> .	PTG mewujudkan garis panduan bertulis berhubung permohonan ML/PML untuk permohonan <i>fast track</i> . Mewajibkan Laporan Teknikal daripada JMG memandangkan pihak JMG yang akan meluluskan <i>Operating Mining Scheme (OMS)</i> .
Tiada norma masa yang seragam untuk kelulusan permohonan ML/PML.	PTG hendaklah menyeragamkan norma masa tempoh kelulusan permohonan ML/PML.
Tiada garis panduan bertulis berhubung proses permohonan dan kelulusan OMS.	JMG hendaklah mewujudkan garis panduan bertulis permohonan OMS.
Pemusatan kuasa kelulusan OMS hanya terletak kepada Pengarah JMG Negeri di Pahang sahaja.	JMG perlu mewujudkan satu jawatankuasa menilai permohonan dan meluluskan permohonan OMS selain dari Pengarah JMG.
Tiada koordinasi di antara PTG dan JMG dalam menjalankan tugas penguatkuasaan ke atas aktiviti perlombongan haram terutamanya di Felda Bukit Goh.	SUK mengeluarkan arahan dan SOP berkaitan koordinasi dan penyelarasan penguatkuasaan ke atas aktiviti perlombongan haram melibatkan jabatan-jabatan yang terlibat khususnya PTG, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan JMG Negeri.
Kekurangan pegawai dan logistik penguatkuasaan.	Kerajaan Negeri hendaklah mempertimbangkan penambahan penguatkuasaan secara berperingkat serta menambah keperluan logistik penguatkuasa.

Pengeluaran dan Pengangkutan

Tiada garis panduan bertulis berhubung pengendalian Borang 13D (rekod stok penyimpanan dan penjualan Borang 13D, tiada dicatatkan nombor pendaftaran lori dalam Borang 13D yang dikeluarkan bagi sesebuah syarikat).	PTG mewujudkan satu garis panduan bertulis berkaitan pengendalian Borang 13D terutamanya menitikberatkan stok penyimpanan serta penjualan dan mencatatkan nombor pendaftaran kenderaan lori bagi sesebuah syarikat pelombong. PTG Negeri Pahang juga mestilah menghadkan penjualan borang 13D bagi satu-satu syarikat pelombong.
Tiada <i>end user</i> bagi Borang 13D. Borang 13D hanya digunakan bagi tujuan pemindahan sahaja. Pemeriksaan Borang 13D tidak dibuat secara sistematik.	Borang 13D hendaklah dikembalikan semula kepada pihak PTG untuk rekod dan semakan.
Tiada klausa kesalahan dan denda dicatatkan dalam Borang 13D.	PTG membuat pindaan terhadap Borang 13D dengan memasukkan klausa kesalahan dan denda di dalam Borang 13D sebagai peringatan agar tidak melakukan sebarang kesalahan.

<p>Kurang ciri-ciri keselamatan di dalam Borang 13D di mana borang ini hanya menggunakan kertas A4 berwarna putih.</p> <p>Tiada satu mekanisme untuk mengenal pasti ketulenan Borang 13D yang dikemukakan oleh pemandu lori. Pegawai Penguat kuasa PTG tidak boleh memeriksa secara spontan ketulenan borang tersebut.</p>	<p>PTG menambah baik Borang 13D dengan menukarkan warna borang kepada borang yang berwarna (seperti resit kerajaan); atau/dan mewujudkan satu sistem <i>barcode</i> bagi Borang 13D bagi tujuan pengesanan ketulenan borang dan bagi semakan data pelombong.</p>
Pengeksportan	
<p>Tiada pemantauan ke atas pegawai Bahagian Mineral dan Geosains (BMG) yang mengendalikan sistem eBMG Permit bagi permohonan <i>Approved Permit</i> (AP).</p>	<p>BMG hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan ke atas pegawai yang mengendalikan sistem eBMG Permit.</p>
<p>Penggunaan budi bicara tanpa kawalan dalam memproses permohonan AP.</p>	<p>JMG dan BMG menambah baik garis panduan dan sistem yang sedia ada dengan menitik beratkan kawalan budi bicara supaya dapat mengelakkan <i>conflict of interest</i> dalam pemprosesan permohonan AP.</p>
<p>Tiada <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) di peringkat JMG Negeri berkaitan kaedah pemeriksaan fizikal <i>stock pile</i> sebelum Laporan Teknikal dihantar untuk kelulusan AP.</p>	<p>BMG menyediakan SOP bertulis untuk diguna pakai oleh JMG Negeri berhubung kaedah pemeriksaan fizikal <i>stock pile</i> sebagai dokumen sokongan kepada laporan teknikal.</p>
<p>Pengiraan royalti yang dibuat sendiri oleh pelombong boleh membuka ruang dan peluang seperti penipuan dalam kiraan. JMG hanya menyemak dan mengesahkan kiraan tersebut berdasarkan kiraan pelombong.</p>	<p>Pengiraan royalti hendaklah dibuat oleh JMG berdasarkan <i>stock pile</i> yang diperiksa sendiri oleh pihak JMG bagi mengelakkan maklumat yang tidak tepat oleh pelombong.</p>
<p>Tiada <i>Grading Test</i> dibuat untuk menentukan gred mineral bagi menentukan kadar royalti yang sepatutnya dibayar oleh pelombong.</p>	<p>JMG mewajibkan <i>Grading Test</i> dibuat untuk menentukan gred mineral bagi menentukan kadar royalti yang sepatutnya dibayar oleh pelombong.</p>
<p>JMG tidak menyimpan rekod kiraan dan pengesahan royalti yang telah dibuat.</p>	<p>JMG perlu menyimpan rekod kiraan dan pengesahan royalti yang telah dibuat serta menyediakan laporan berkala untuk diberikan kepada PTG untuk semakan dan mengimbangkan kutipan royalti.</p>



Sesi pembentangan khidmat nasihat di PTG Pahang pada 16 Februari 2017 dipengerusikan oleh YH Dato' Toantowee Hj Mohd Lutfie, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pengurusan)



Pemeriksaan di FELDA Bukit Goh, Pahang

Tiga Kanak-Kanak Lemas di Lombong Bauksit



February 4, 2017 149 Views



KUANTAN: Tiga kanak-kanak termasuk dua beradik ditemukan lemas di dalam sebuah kolam takungan bekas perlombongan bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, di sini pada petang Sabtu.

Dalam kejadian sekitar 5.45 petang itu, mangsa , Sasabella Zulhaini, 12, dan adiknya, Mahathir Mohamad, 7, serta Nureen Ain Juwita Mohd. Sharif, 10, ditemui maut di sekitar kawasan perlombongan tersebut.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) negeri, Anuar Hassan berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu kira-kira pukul 5.55 petang dan enam anggota bergegas ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi kejadian, kami mendapati dua mangsa telah dibawa naik dari kolam itu oleh orang awam manakala seorang lagi mangsa ditemukan tidak lama selepas itu,"katannya.



Lokasi Perlombongan dan Stockpile Bauksit di KOTA SAS bersama Pegawai dari PTG Negeri Pahang dan pemilik syarikat.

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat Berhubung Pelaksanaan Perolehan *Core Banking System Replacement* Serta Pengurusan Tajaan dan Sumbangan Oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)

Ops Rakyat adalah pemeriksaan yang dijalankan secara *Task Force Based Inspection* (TFBI) ke atas BKRM melibatkan dua isu iaitu berhubung perolehan *Core Banking System Replacement* dan isu tajaan pembiayaan buku bertajuk 'Antara Dua Zaman Najib Tun Razak – Mendepani Cabaran dan Menggalas Sejuta Harapan'. Impaknya, BKRM mengambil tindakan penambahbaikan untuk **mewujudkan polisi dan garis panduan yang spesifik untuk perolehan ICT** serta membuat penambahbaikan ke atas prosedur perolehan sedia ada.

BKRM juga **mewujudkan 'Garis Panduan Sumbangan/Tajaan' yang lebih jelas** serta menambah baik 'Garis Panduan Had Kuasa Melulus Janji Sanggup' dan prosedur pembayaran sedia ada. Selain itu, Unit Integriti BKRM telah diwujudkan. Hasil daripada khidmat nasihat yang diberikan, BKRM telah menzahirkan komitmennya melalui pelantikan seorang pegawai SPRM sebagai Ketua Unit Integriti bagi memantapkan tadbir urus mereka. **JADUAL 15** menunjukkan kelemahan dan cadangan berkenaan dengan pelaksanaan perolehan *Core Banking System Banking System Replacement*.

JADUAL 15: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan berhubung Pelaksanaan Perolehan *Core Banking System Replacement* Oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada polisi dan garis panduan yang spesifik untuk perolehan ICT.	Mewujudkan polisi dan garis panduan yang spesifik untuk perolehan ICT.
Pengerusi BKRM menjalankan kuasa eksekutif.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula struktur keanggotaan Lembaga Tender BKRM. • Pengerusi Lembaga Tender perlulah individu yang berlainan dengan Pengerusi Lembaga Pengarah supaya wujud elemen <i>check and balance</i>. • Pengerusi Lembaga Pengarah juga tidak wajar menjadi Pengerusi mana-mana Jawatankuasa Lembaga supaya setiap perkara yang dirujuk oleh Jawatankuasa Lembaga kepada Lembaga Pengarah dapat dibincangkan dengan lebih terbuka dan telus.
Bidang kuasa Lembaga Perolehan Tender kurang jelas dan tiada panduan spesifik untuk membuat keputusan.	<ul style="list-style-type: none"> • Bidang Kuasa Lembaga Tender perlu diperincikan dengan lebih jelas untuk mengelakkan penggunaan budi bicara dalam membuat keputusan. • Mewujudkan garis panduan penggunaan budi bicara.

Bidang kuasa Lembaga Perolehan Tender kurang jelas dan tiada panduan spesifik untuk membuat keputusan.	<ul style="list-style-type: none"> Bidang Kuasa Lembaga Tender perlu diperincikan dengan lebih jelas untuk mengelakkan penggunaan budi bicara dalam membuat keputusan. Mewujudkan garis panduan penggunaan budi bicara.
Proses pengeluaran Surat Niat (<i>Letter of Intent</i> – LOI) tidak dinyatakan dalam prosedur kerja sedia ada.	Menambah baik prosedur kerja supaya lebih jelas dengan memasukkan proses pengeluaran LOI dalam prosedur sedia ada.

JADUAL 16: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Tajaan Dan Sumbangan Oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
<p>Tiada Polisi Berkaitan <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) yang menyeluruh.</p> <p>Prosedur pengurusan sumbangan dan tajaan yang sedia ada adalah umum. Tiada kriteria yang jelas berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Ciri-ciri yang membezakan tajaan dan sumbangan Jenis tajaan dan sumbangan yang dibenarkan Had tajaan dan sumbangan yang dibenarkan Sumber dana yang boleh digunakan 	<p>Mewujudkan Polisi CSR yang komprehensif dengan memberi penekanan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kategori CSR yang memberi pulangan atau tidak Jenis aktiviti yang dibenarkan mengikut kategori Had kategori yang dibenarkan mengikut kategori Sumber dana yang boleh digunakan Kuasa melulus (bukan perseorangan) mengikut nilai perbelanjaan
<p>Garis Panduan (GP) Had Kuasa Melulus Janji Sanggup dan Pembayaran Yang Kurang Jelas.</p> <p>Klausa di dalam 'Garis Panduan Had Kuasa Melulus Janji Sanggup dan Pembayaran' tidak menjelaskan kriteria bagi mendapatkan kelulusan di peringkat <i>Managing Director</i> (MD) atau di peringkat <i>Board of Director</i> (BOD).</p>	<p>Menambah baik 'GP Had Kuasa Melulus Janji Sanggup dan Pembayaran' dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menetapkan bahawa kuasa tanpa had tidak dibenarkan Menetapkan kuasa melulus secara bersama atau secara jawatankuasa Memperincikan kriteria bagi setiap kuasa melulus dengan jelas untuk perbelanjaan yang tidak diperuntukkan.

Melanggar Had Kuasa Kelulusan. MD telah melanggar kuasa melulus yang termaktub di dalam 'GP Had Kuasa Melulus Janji Sanggup dan Pembayaran' di mana jelas menyatakan bahawa:

"Sebelum meluluskan sesuatu janji sanggup, pihak yang berkuasa meluluskannya hendaklah meneliti permohonan yang diterima dari segi keperluan, harga, kuantiti di samping memastikan bajet yang mencukupi berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan."

- Kuasa melulus untuk sumbangan/tajaan yang tidak diperuntukan hendak dibuat melalui jawatankuasa.
- Satu kajian impak dan risiko perlu dilaksanakan bagi menentukan nilai minima bagi kuasa melulus.

Pembayaran (Perbelanjaan) dibuat kepada pihak ketiga tanpa perjanjian.

Polisi sedia ada tidak mempunyai sebarang klausa berhubung pembayaran bagi tujuan perbelanjaan kepada pihak ketiga.

- Menambah baik polisi dengan memberi penerangan secara terperinci berkaitan pembayaran perbelanjaan kepada pihak ketiga.
- Jika pembayaran perbelanjaan kepada pihak ketiga dibenarkan, BKRM perlu menilai impak dan risiko yang terlibat bagi menentukan jenis pembayaran dan nilai yang dibenarkan.
- Sebarang pembayaran perbelanjaan kepada pihak ketiga perlulah dilindungi oleh perjanjian/kontrak untuk menjaga kepentingan BKRM.

Pembayaran secara keseluruhan (*lump sum*) sebelum projek dilaksanakan.

Polisi sedia ada tidak menyatakan sebarang peruntukan berhubung kaedah pembayaran sama ada secara:

- Berperingkat (*progress payment*)
- Pendahuluan secara keseluruhan (*upfront lump sum payment*); atau
- Pembayaran keseluruhan selepas pelaksanaan sepenuhnya (*full payment after full delivery*).

Menambah baik polisi pembayaran seperti berikut:

- Pendahuluan secara keseluruhan bagi membiayai projek berkaitan bekalan tidak dibenarkan
- Memperincikan kaedah-kaedah pembayaran mengikut:
 - a) Jenis perbelanjaan
 - b) Nilai perbelanjaan
 - c) Kuasa melulus
 - d) Dokumen sokongan.

Tiada proses kerja kerkaitan tindakan ke atas perbelanjaan melebihi peruntukan

Tiada proses kerja diwujudkan bagi menjelaskan tindakan/langkah-langkah yang perlu diambil bagi menyelaraskan bajet yang telah digunakan melebihi peruntukan asal.

Mewujudkan proses kerja bagi:


- Pertukaran satu perincian kepada perincian kategori yang lain (*virement*)
- Tambahan peruntukan bajet mengikut kategori dan perbelanjaan.

Tiada garis panduan berhubung surat sokongan (*letter of support*) menyebabkan pegawai dan kakitangan terpaksa melayan surat sokongan berdasarkan arahan pegawai atasan.

Mewujudkan polisi dan mengeluarkan garis panduan berhubung surat sokongan (*letter of support*) dalam pentadbiran BKRM.



Sesi Khidmat Nasihat oleh Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) kepada Tan Sri Shukry Mohd Salleh, Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia di Menara Kembar Bank Rakyat pada 13 April 2017



Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat Pelepasan Unit Hartanah Bumiputera Kepada Awam Oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Johor

Hasil daripada Khidmat Nasihat SPRM, SUK Johor bersetuju untuk **mewujudkan garis panduan yang komprehensif bagi pengurusan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam.** **JADUAL 17** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung pelepasan unit hartanah bumiputera kepada awam oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) JOHOR.

JADUAL 17: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pelepasan Unit Hartanah Bumiputera Kepada Awam Oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Johor

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
<p>Tiada garis panduan bagi pengurusan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan garis panduan yang komprehensif bagi pengurusan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam. • Semua permohonan diwajibkan melalui Bahagian Perumahan sebelum diedarkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tiada senarai tugas skop kerja Pengerusi/Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mewujudkan *job scope* bagi Pengerusi/Exco dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pelanggaran ke atas arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri berhubung bayaran sumbangan pelepasan.

Sebarang perubahan kepada keputusan MMK hendaklah dirujuk semula kepada MMK untuk keputusan.

Tiada buku daftar rekod pendaftaran surat-menyurat berkaitan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam.

Menyediakan buku daftar rekod pendaftaran surat-menyurat berkaitan permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam.

Tiada pelaporan kepada Kerajaan Negeri Johor berkaitan data pelepasan dan pungutan hasil ke atas unit hartanah Bumiputera kepada awam.

Menyediakan laporan kepada Kerajaan Negeri Johor berkaitan data pelepasan dan pungutan hasil unit hartanah Bumiputera kepada awam.

Permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam yang dikemukakan oleh pemaju dalam tempoh sembilan bulan adalah terlalu singkat.

Permohonan pelepasan unit hartanah Bumiputera kepada awam hendaklah dilanjutkan sekurang-kurangnya kepada 30 bulan.



Khidmat Nasihat kepada Dato' Hj Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada 9 Mei 2017

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat Berhubung Pengurusan Perolehan Penyelenggaraan Infrastruktur Air dan Kerja-Kerja Kecemasan di Jabatan Air Negeri Sabah

Pemeriksaan berhubung pengurusan perolehan penyelenggaraan infrastruktur air dan kerja-kerja kecemasan di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) mendapati kerja-kerja kecemasan ini melibatkan lebih kurang RM30 juta pada tahun 2015 dan RM22 juta pada tahun 2016.


YB. Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah menzahirkan komitmen untuk melaksanakan lima cadangan penambahbaikan yang dibentangkan oleh SPRM dalam usaha menutup ruang dan peluang kepada amalan rasuah. Rentetan itu sebanyak **lapan arahan jabatan serta lima pekeliling baru telah dikeluarkan** berhubung kerja-kerja kecemasan termasuk **melantik pegawai Unit Integriti** bagi memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan. **JADUAL 18** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung pengurusan perolehan penyelenggaraan infrastruktur air dan kerja-kerja kecemasan.

JADUAL 18: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Perolehan Penyelenggaraan Infrastruktur Air Dan Kerja-Kerja Kecemasan Di Jabatan Air Negeri Sabah

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada dasar kerja-kerja kecemasan di Jabatan Air Negeri Sabah.	Mewujudkan dasar berhubung kerja-kerja kecemasan. Contoh: Pekeliling, Arahan, dan Surat Edaran.
Tiada <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) untuk kerja-kerja kecemasan di Jabatan Air Negeri Sabah.	Mewujudkan SOP bagi kerja-kerja kecemasan merangkumi perkara-perkara seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Definisi • Kriteria kerja-kerja kecemasan • Skop kerja • Proses kerja termasuk aspek kelulusan dan carta aliran kerja • Pengurusan perolehan/bayaran • Klausula pencegahan rasuah • Pelaporan • Pemantauan • Pematuhan/Obligasi
Jadual Kadar Harga yang disediakan oleh Jabatan Air Negeri Sabah tidak menepati kehendak Arahan Perbendaharaan.	Patuh Arahan Perbendaharaan berhubung Jadual Kadar Harga disediakan dan disemak/dikaji oleh jawatankuasa yang bebas/jabatan teknikal yang diiktiraf.
Tiada Bahagian Audit Dalam di Jabatan Air Negeri Sabah.	Mewujudkan perjawatan pegawai Audit Dalam di Jabatan Air Negeri Sabah.
Tiada Unit Integriti di Jabatan Air Negeri Sabah.	Mewujudkan Pegawai Integriti (CeIO) di Jabatan Air Negeri Sabah.



Pengarah BPMP, Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope mengetuai lawatan kerja ke Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) pada 5 Februari 2016



Sesi khidmat nasihat kepada Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sabah di Pejabat SUK Negeri Sabah pada 16 Ogos 2017.

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat berhubung Pemilihan Perunding Dalam Pelaksanaan Projek Pembersihan Dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 – Pakej 1 Oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah bersetuju mewujudkan satu prosedur piawaian Semakan Reka Bentuk dalam menentukan kaedah terbaik pelaksanaan projek-projek di JPS. Komitmen JPS itu dimeterai melalui sesi khidmat nasihat berhubung amalan, sistem dan tatacara pemilihan perunding dalam pelaksanaan projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 – Pakej 1 yang berjumlah lebih kurang RM1.19 juta. **JADUAL 19** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung Pemilihan Perunding Dalam Pelaksanaan Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 – Pakej 1 Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

JADUAL 19: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pemilihan Perunding Dalam Pelaksanaan Projek Pembersihan Dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 – Pakej 1 Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Perunding tidak dilantik sebagai <i>supervision consultant</i> . Amalan sekarang perunding adalah sebagai <i>home office support</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan pekeliling berkaitan dengan perunding dilantik sebagai <i>supervision consultant</i> selaras dengan kod etika • Peruntukan projek perlumeliputikoss <i>supervision consultant</i>.
Tiada SOP Semakan Reka Bentuk.	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan <i>standard procedure</i> Semakan Reka Bentuk daripada Reka Bentuk Konsep sehingga reka bentuk akhir diluluskan termasuk kelulusan pengurusan nilai dan penyediaan dokumen tender • Mewujudkan pasukan petugas bagi menyemak reka bentuk.



Dato' Dr. Nasir bin Md Noh, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia setuju terima cadangan penambahbaikan yang dibentangkan pada 16 Ogos 2017

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat berhubung Pengurusan Barang Rampasan (Gading Gajah) oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Pemeriksaan ini tertumpu kepada rampasan gading gajah yang dibuat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kompleks Kastam Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Hasil khidmat nasihat dengan JKDM telah bersetuju untuk **mewujudkan garis panduan yang khusus berhubung pengurusan barang rampasan Spesies Hidupan Liar** bermula rampasan dibuat, penyitaan, penyimpanan sehingga penyerahan kepada pihak PERHILITAN. **JADUAL 20** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung pengurusan barang rampasan (gading gajah) oleh JKDM.

JADUAL 20: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Barang Rampasan (Gading Gajah) Oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
<p>Tiada garis panduan khusus berhubung pengurusan gading gajah yang dirampas.</p> <ul style="list-style-type: none"> Keperluan untuk merekod jumlah berat setiap gading tidak dinyatakan di mana-mana dokumen (sekadar amalan) Saiz setiap gading tidak direkodkan. Tidak ada penandaan dibuat pada setiap hujung gading. Penandaan hanya dibuat secara semburan cat di setiap hujung gading oleh pihak Jabatan PERHILITAN semasa sesi pengecaman pakar. 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan garis panduan yang khusus berhubung pengurusan barang rampasan Spesies Hidupan Liar yang Tersenarai Dalam Jadual Ketiga, Akta 686 (termasuk gading gajah) meliputi dari mula rampasan dibuat, penyitaan, penyimpanan sehinggalah penyerahan kepada pihak PERHILITAN. Untuk garis panduan pengurusan gading gajah yang dirampas, peraturan untuk merekodkan jumlah berat dan saiz setiap gading gajah yang dirampas perlu dinyatakan dengan jelas. Membuat penandaan di setiap hujung gading semasa awal proses rampasan lagi.
<p>Tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi penyerahan gading gajah yang telah diputuskan untuk pelupusan secara penyerahan kepada Jabatan PERHILITAN.</p>	<p>Menetapkan tempoh masa bagi penyerahan barang rampasan yang telah diputuskan untuk pelupusan secara penyerahan kepada agensi berkaitan. Penetapan tersebut perlu didokumenkan.</p>
<p>Tiada CCTV yang dipasang di stor Bahagian Penguatkuasaan/Pematuhan JKDM Kompleks Kastam Kargo KLIA.</p>	<p>Pemasangan CCTV di kawasan stor, di dalam stor dan di dalam bilik kebal JKDM Kompleks Kastam Kargo KLIA.</p>



Sesi Audit Pelupusan Gading Gajah oleh Jawatankuasa Audit Khas Pelupusan Gading Gajah



Gading-gading gajah yang dirampas oleh JKDM, Kompleks Kastam Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat berkaitan Pengagihan Sumbangan Pendidikan ‘Fisabilillah’ Di Zakat Pulau Pinang (ZPP)

Enam cadangan penambahbaikan telah dikemukakan hasil pemeriksaan yang dijalankan berkaitan pengagihan sumbangan pendidikan ‘Fisabilillah’ di ZPP.

ZPP bersetuju untuk **melantik jawatan kuasa bagi menyemak setiap permohonan yang diterima serta menambah baik penggunaan** Borang Bantuan Permulaan Institut Pengajian Tinggi, Borang Bantuan Pendidikan Dalam Negeri dan Borang Bantuan Pendidikan Luar Negara supaya bantuan diagihkan secara telus dan adil kepada pihak yang berkecualan. **JADUAL 21** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung pengagihan sumbangan Pendidikan ‘Fisabilillah’ Di Zakat Pulau Pinang (ZPP)

JADUAL 21: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengagihan Sumbangan Pendidikan ‘Fisabilillah’ Di Zakat Pulau Pinang (ZPP)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
<p>Tiada hebahan pengagihan zakat pendidikan secara menyeluruh kepada masyarakat luar mengakibatkan pengagihan dimonopoli oleh pihak yang berkepentingan sahaja.</p>	<p>Memasukkan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Iklan • <i>Billboard</i> • <i>Pamphlet</i> • Hebahan melalui Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau • Media Massa (Hebahan Melalui Radio Negeri)

Borang Bantuan Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) tidak dimasukkan had kelayakan pendapatan isi rumah.

Borang Bantuan Permulaan IPT yang sedia ada perlu ditambah baik dengan memasukkan had pendapatan keluarga yang layak memohon dan menerima bantuan supaya diagihkan secara adil kepada yang berkelayakan.

Mengutamakan pemohon yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Borang Bantuan Pendidikan Dalam Negeri dan Borang Bantuan Pendidikan Luar Negara yang menggunakan sistem *e-Minhah* tidak dimasukkan had kelayakan pendapatan isi rumah.

Borang Bantuan Pendidikan Dalam Negeri dan Borang Bantuan Pendidikan Luar Negara yang sedia ada perlu ditambah baik dengan memasukkan had pendapatan keluarga yang layak memohon dan menerima bantuan supaya diagihkan secara adil kepada yang berkelayakan.

Penempokan kuasa kepada Ketua Eksekutif dalam meluluskan permohonan Bantuan Permulaan IPT.

Melantik jawatankuasa bagi menyemak setiap permohonan yang diterima dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad tanpa boleh dipinda setelah diluluskan.

Pegawai pelaksana tiada pendedahan khusus berhubung pematuhan dan integriti yang boleh membuka ruang kepada budaya kerja yang tidak berkualiti dan boleh menjejaskan keyakinan masyarakat.

Menghantar pegawai serta kakitangan menghadiri kursus seperti CeLO bagi memastikan pelaksana mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh sekaligus meningkatkan keyakinan masyarakat.

Pegawai Pelulus yang mempunyai kuasa melulus tidak membuat pengisytiharan apabila permohonan melibatkan ahli keluarga terdekat. Maka wujudnya percanggahan kepentingan.

Mewujudkan satu klausa pengisytiharan oleh pegawai pelulus yang mempunyai kepentingan supaya pemilihan keputusan lebih telus.



Sesi khidmat nasihat pada 20 Disember 2017 di Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Dato' Haji Sazali bin Hj. Hussein, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP.

Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat berhubung Prosedur Perlantikan Vendor bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tahunan (*Annual Docking*)

Sebanyak lima cadangan penambahbaikan telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melalui khidmat nasihat terhadap hasil pemeriksaan berhubung prosedur perlantikan vendor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tahunan (*annual docking*).

APMM secara proaktif telah **memperkemas dan menambah baik klausa *Supplementary Contract*** di samping **menubuhkan Jawatankuasa Perlantikan Vendor yang terdiri daripada APMM dan MTU *Servicers Malaysia (MSM)***. Waran perjawatan Pegawai Kewangan juga telah diwujudkan di Bahagian Logistik bagi menyemak tuntutan vendor. Semasa sesi Khidmat Nasihat diberikan, pihak APMM telah melahirkan hasrat untuk mengkaji risiko rasuah dengan mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah. **JADUAL 22** menunjukkan kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung prosedur perlantikan vendor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tahunan (*Annual Docking*)

JADUAL 22: Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Prosedur Perlantikan Vendor Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tahunan (*Annual Docking*)

KELEMAHAN YANG DIKESAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Terdapat kelemahan dalam klausa kontrak dokumen antara APMM dan MSM iaitu tidak dinyatakan justifikasi syarikat yang hendak dipilih dan dilantik oleh APMM sebagai <i>vendor</i> .	Klausa dalam dokumen kontrak perlu ditambah baik dan dijelaskan dengan lebih terperinci berkaitan kriteria pemilihan syarikat. APMM perlu melihat kelayakan syarikat tersebut dan mendapatkan pandangan daripada MSM sebagai kontraktor utama sebelum membuat keputusan untuk lantikan.
Garis Panduan Pengurusan Penyelenggaraan Kapal Dan Bot APMM didapati tiada klausa pematuhan.	Tambah baik garis panduan dengan memasukkan klausa pematuhan.
Penerimaan Bersyarat tidak dijelaskan maksudnya secara terperinci dalam mana-mana <i>standard operating procedures (SOP)</i> atau dokumen kontrak dan hanya amalan sahaja.	Perakuan Penerimaan Bersyarat perlu dijelaskan dengan lebih terperinci dalam mana-mana SOP atau dokumen kontrak dan dijadikan sebagai dokumen penting dalam prosedur bayaran kepada vendor yang menyelenggara kapal APMM.
Tiada pegawai kewangan di Bahagian Logistik untuk menyemak tuntutan-tuntutan <i>vendor</i> .	Satu waran jawatan Pegawai Kewangan perlu diwujudkan di Bahagian Logistik supaya boleh membantu membuat semakan semua tuntutan vendor.
Tiada laporan terperinci dan skop kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh <i>vendor</i> dari pihak MSM yang disahkan oleh Bahagian Logistik.	Diwajibkan laporan terperinci dan skop kerja-kerja yang dilaksanakan oleh vendor disediakan oleh MSM iaitu Kontraktor Utama yang disahkan oleh Bahagian Logistik dan menjadikan laporan tersebut sebagai dokumen wajib dalam proses bayaran.




Sesi khidmat nasihat pada 9 Mac 2017 di APMM diketuai oleh Dato' Sri Haji Ahmad Puzi bin Haji Ab Kahar, Laksamana Maritim, Ketua Pengarah APMM.


PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pengurusan Risiko Rasuah SPRM telah diperkenalkan sejak tahun 2008 sewaktu Badan Pencegah Rasuah (BPR) bersama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah membangunkan satu alat pengurusan awam yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti Sektor Awam (SPAI) Instrumen ini menggunakan pendekatan penilaian risiko dan pengurusan risiko. Sejak itu, SPAI kemudian ditambah baik dari semasa ke semasa oleh SPRM dan dijenamakan semula sebagai Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) bermula tahun 2011.

CRM merupakan inisiatif pencegahan rasuah dalam menilai dan mengurus risiko berkaitan rasuah melalui penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) jabatan/agensi/organisasi. Pelaksanaan CRM oleh badan awam dan swasta dapat memastikan ruang dan peluang perlakuan rasuah, salah guna kuasa,



Objektif CRM




Sepanjang 2017, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan turut mempergiat usaha melaksanakan pemantauan CRM bagi memastikan komitmen badan awam dan swasta terhadap usaha pencegahan rasuah mencapai tahap yang optimum. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) yang disediakan oleh jabatan/agensi/organisasi dipersetujui pengurusan tertinggi masing-masing untuk penambahbaikan.

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)


Bermula Julai 2017 Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah menjalankan kajian keberkesanan terhadap *Corruption Risk Management* (CRM) dilaksanakan sejak tahun 2011 sehingga 2017 untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah.

Kajian dilaksanakan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan CRM dengan mengenal pasti status terkini tindakan-tindakan yang dirancang dan direkodkan dalam Pelan Pengurusan Risiko Rasuah. Kajian ini turut merujuk kepada pemantauan yang dibuat melalui bengkel SPAI/CRM yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011 sehingga 2017. Berikut adalah jumlah bengkel SPAI/CRM yang telah dilaksanakan bermula 2011 sehingga 2017 sebagaimana **CARTA 10**.

CARTA 10: Jumlah Bengkel SPAI / CRM Tahun 2011 hingga 2017



CARTA 11: Hasil Kajian Berdasarkan Status SPAI (2008 hingga 2010) dan CRM (2011 hingga 2017)



Secara keseluruhannya, sehingga tahun 2017 sebanyak 12% Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi jabatan/agensi, 15% telah dimurnikan di peringkat jabatan/agensi manakala 73% masih belum dilaksanakan pemurnian pelan sebagaimana **CARTA 11**. Walau bagaimanapun, pemantauan secara aktif mula dipergiat sepanjang tahun 2017 bagi memastikan menjelang 2018 semua Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang disediakan oleh jabatan/agensi dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi dan diambil tindakan penambahbaikan.

IKRAR INTEGRITI KORPORAT


Ikrar Integriti Korporat atau *Corporate Integrity Pledge* (CIP) telah diperkenalkan pada tahun 2010. CIP bertujuan menggalakkan syarikat memerangi rasuah dan mewujudkan persekitaran syarikat/organisasi yang bebas rasuah dengan mendukung prinsip-prinsip pencegahan rasuah.

Sepanjang 2017 BPMP telah mengambil langkah proaktif dengan mengemaskini maklumat/data serta membuat penilaian semula status syarikat-syarikat yang telah menandatangani CIP. Pengemaskinian data ini bertujuan melancarkan proses pemantauan pelaksanaan 10 inisiatif yang telah ditetapkan dalam CIP terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

Satu deklarasasi oleh sesebuah organisasi korporat untuk menyokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

CARTA 12: Penandatanganan CIP sehingga Jun Tahun 2017

Sebanyak 1119 buah syarikat/organisasi yang telah menandatangani CIP berdasarkan senarai daftar Portal CISM sebagaimana **CARTA 12**




Kajian Keberkesanan Program CIP


Kajian Keberkesanan Program CIP telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan program ini dalam memberikan nilai tambah kepada syarikat/organisasi yang menandatangani Ikrar ini.

Kajian ini melibatkan 113 responden daripada 300 sampel syarikat/organisasi yang telah menandatangani CIP.


CARTA 13: Pecahan Sampel Kajian Mengikut Sektor Swasta



CARTA 14: Inisiatif CIP Yang Kerap Dilaksanakan Oleh Syarikat/Organisasi



Berdasarkan **CARTA 14**, kajian mendapati hanya tiga daripada 10 Inisiatif CIP yang kerap dilaksanakan oleh syarikat/ organisasi terdiri daripada Inisiatif Kepimpinan, Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat dan Inisiatif Kod Etika dengan ketiga-tiganya mencatat peratusan tertinggi melebihi 50%.



Tiga Inisiatif CIP yang Kerap Dilaksanakan oleh Syarikat/Organisasi

JADUAL 23: Hasil Kajian Keberkesanan Program CIP

PERKARA	AMAT TIDAK SETUJU		TIDAK SETUJU		TIDAK PASTI		SETUJU		SANGAT SETUJU		
	BIL	(%)	BIL	(%)	BIL	(%)	BIL	(%)	BIL	(%)	
Manfaat Program CIP	2	1.8	6	5.3	10	8.8	59	52.2	36	31.9	95 (84.1%)
Promosi Syarikat	13	11.5	10	8.9	25	22.1	46	40.7	19	16.8	65 (57.5%)
Peningkatan Imej Syarikat	7	6.2	15	13.3	25	22.1	41	36.3	25	22.1	66 (58.4%)
Peningkatan Keyakinan Pelanggan	4	3.5	13	11.5	30	26.6	47	41.6	19	16.8	66 (58.4%)
Peningkatan Keyakinan Stakeholders	2	1.8	12	10.6	21	18.5	56	49.6	22	19.5	78 (69.1%)
Khidmat Sokongan	18	15.9	15	13.3	36	31.9	36	31.8	8	7.1	69 (61.1%)
Kesesuaian 10 Inisiatif	8	7.1	5	4.4	18	16.0	44	38.9	38	33.6	82 (72.5%)
Galakan Rakan Perniagaan Sertai ICP	3	2.6	21	18.6	0	0.0	43	38.1	46	40.7	89 (78.8%)

Secara keseluruhannya berdasarkan **JADUAL 23**, maklum balas responden terhadap pelaksanaan CIP berdasarkan lapan elemen dalam kajian menunjukkan CIP memberi kesan yang baik kepada organisasi dengan mencatat peratusan sebanyak 57.5% hingga 84.1% (setuju dan sangat setuju). Namun, khidmat sokongan melalui aspek pemantauan selepas pelaksanaan CIP oleh SPRM perlu dipertingkatkan bagi membolehkan syarikat mensasarkan 10 Inisiatif Pencegahan Rasuah. Kajian ini turut menunjukkan kesan positif terhadap usaha SPRM dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen syarikat dalam usaha membanteras rasuah.

Mesyuarat Meja Bulat Sistem Integriti Korporat



Mesyuarat Meja Bulat *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM) diadakan sebanyak empat kali setahun dan dipengerusikan oleh Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Keanggotaan Meja Bulat Integriti Korporat adalah seperti infografik sebelah:

Mesyuarat terakhir *Round Table Discussion* (RTD) CISM bagi tahun 2017 telah memutuskan satu program lanjutan daripada CIP bagi memastikan pematuhan syarikat-syarikat swasta kepada inisiatif-inisiatif antirasuah akan dilaksanakan dengan beberapa penambahan elemen dalam CIP. Namun tertakluk kepada pengumuman Ketua Pesuruhjaya SPRM dan dijangka pelancaran inisiatif ini dilaksanakan pada 2018.


Kita akan pastikan syarikat-syarikat bukan sahaja sekadar memeterai Ikrar tersebut tetapi akan turut melaksanakan pematuhan kepada kesemua inisiatif yang terkandung di dalamnya – Dato’ Shamshun Baharin Mohd Jamil



Mesyuarat RTD CISM Siri 31 Bil 4. Tahun 2017 pada 21 Disember 2017 dipengerusikan oleh Dato’ Shamshun Baharin Mohd Jamil bertempat di Bilik Mesyuarat Utama BPMP, SPRM

Lab Corporate Integrity System Malaysia (CISM)

CISM Lab yang telah dilaksanakan pada bulan Febuari 2017 dihadiri oleh lapan anggota CISM dan wakil daripada 10 kategori pihak berkepentingan.



Wakil-wakil yang hadir termasuklah *Malaysia Employers Federation*, *Malaysia Economic Association*, Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), *Malaysian Institute Corporate Governance* (MICG) Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *Malaysia Rapid Transit Corporation* (MRT Corp.), PETRONAS, TELEKOM Malaysia Berhad, *Malaysian Resources Corporation Berhad* (MRCB), *Chemical Company of Malaysia Berhad* (CCM), Sime Darby Berhad, *National Chamber of Commerce and Industry Malaysia* (NCCIM), *Securities Industry Development Corporation* (SIDC), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), KHR Global Sdn Bhd, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), ARI / UiTM, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) serta beberapa wakil Bahagian SPRM.



Lab CISM pada 24 hingga 26 Februari 2017 bertempat di INTAN Bukit Kiara

Kerangka kerja CISM (2017-2020) telah berjaya dihasilkan melalui sesi *brainstorming & mapping* oleh peserta-peserta dengan beberapa cadangan penambahbaikan bagi memperkukuhkan infrastruktur CIP dari segi kaedah penyampaian dan pelaksanaan terhadap 10 inisiatif antirasuah dalam menyokong nilai integriti korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab korporat di bawah arahan Model Ekonomi Baru, Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Integriti Nasional (NIP).



Majlis penutup Lab CISM pada 26 Februari 2017 bertempat di INTAN Bukit Kiara dan penyampaian sijil penyertaan disampaikan oleh Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil, Pengerusi RTD CISM

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)


Jabatan Standard Malaysia (JSM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah melancarkan sistem piawaian dikenali *Malaysian Standard MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) pada 27 Oktober 2017 bagi memberi panduan dan membantu sesebuah organisasi melaksana serta menambah baik sistem pengurusan antirasuah dalam organisasi tersebut.

ABMS ini dilaksanakan sebagai satu piawaian pencegahan rasuah kepada semua pihak khususnya organisasi komersial dalam persediaan menghadapi cabaran pelaksanaan peruntukan Korporat Liabiliti yang sedang dalam peringkat cadangan pindaan Rang Undang-Undang Akta SPRM 2009.

ABMS menggariskan pelbagai polisi dan prosedur yang boleh dipatuhi dan digunakan oleh organisasi sebagai ukuran kawalan sistem pencegahan rasuah bagi membantu syarikat atau organisasi melaksanakan sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah yang boleh berlaku dalam sesebuah organisasi.

SPRM sebagai agen penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah di Malaysia dan pemilik skim kepada Program Akreditasi ABMS bagi memastikan badan pensijilan yang diakreditasi oleh JSM adalah kompeten dan mempunyai pengetahuan tentang peruntukan undang-undang pencegahan rasuah di Malaysia. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM telah diberi mandat membangunkan Manual Khidmat Nasihat ABMS untuk dijadikan panduan dan rujukan utama oleh syarikat swasta mahu pun kerajaan, daripada berskala kecil, sederhana sehingga ke skala besar.

Penglibatan SPRM Dalam ABMS



PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

PEMERKASAAN INTEGRITI

Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif melalui enam fungsi teras yang digariskan. Kejayaan Unit Integriti yang dicapai sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut.

TADBIR URUS

- Sebanyak 1,167 inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.
- Contoh aktiviti yang telah dilaksanakan adalah *Corruption Risk Management (CRM)* dan Pelaksanaan Pelan Integriti Organisasi.

PENGUKUHAN INTEGRITI

- Sebanyak 2,431 program pengukuhan integriti dilaksanakan.
- Contoh: *Corporate Integrity Pledge (CIP)* dan SAHABAT GERAH. Jumlah terkini pendaftaran Sahabat GERAH oleh Unit Integriti Kementerian Awam dan *Government-Link Companies (GLC)* adalah sebanyak 39,972 sahabat.
- Selain itu, hasil daripada aktiviti GERAH yang giat dijalankan, Unit Integriti Bank Rakyat melalui IBR telah melaksanakan Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan Settle) yang diuar-uarkan melalui *Automated Teller Machine (ATM)* di setiap mesin di cawangan Bank Rakyat. Ini bertujuan agar mesej antirasuah terus dapat disampaikan kepada setiap pelanggan dan pengguna pada sepanjang masa.

PENGESANAN & PENGESAHAN

- Sebanyak 4,209 tindakan pengesanan dan pengesahan telah dilaksanakan.
- Antara kejayaan yang berjaya diketengahkan pada tahun ini adalah penahanan enam individu termasuk empat bergelar 'Datuk' kerana disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah dan salah guna kuasa di Koperasi Telekom Malaysia (TM) dan juga SPRM telah menahan enam suspek kes rasuah lulus pinjaman di institusi kewangan Johor Bahru.

PENGURUSAN ADUAN


- Sebanyak 27,460 maklumat diterima berkaitan perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti oleh Unit Integriti Awam dan GLC. Terdapat peningkatan sebanyak 5% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016.

PEMATUHAN

- Sejumlah 1,356 tindakan pematuhan telah dilaksanakan oleh Unit Integriti Awam dan GLC.
- Antara program pematuhan yang dijalankan adalah Pemeriksaan Pengurusan Penjualan dan Pelupusan Barang Rampasan (Eksibit) oleh Unit Integriti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), pengauditan pelesenan dan pematuhan SOP mengikut Akta Pelancongan dalam Pengeluaran Lesen Pelancongan kepada Agen Pelancongan oleh Unit Integriti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) dan penyediaan

PENYELESAIAN KES TATATERTIB

- Sebanyak 3,676 kes tatatertib berjaya diselesaikan oleh Unit Integriti Awam dan GLC.



KEJAYAAN UNIT INTEGRITI

Skim Pensijilan Sistem Pengurusan *Anti-Bribery* (ISO 37001:2016)

Sebanyak empat organisasi yang mempunyai Unit Integriti dan diketuai oleh Pegawai Integriti Bertauliah daripada SPRM telah menerima pengiktirafan Skim Pensijilan ABMS pada 10 November 2017. Ini adalah hasil daripada kerjasama di antara SIRIM QAS *International* bersama SPRM dan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia. Organisasi tersebut adalah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PETRONAS dan Lembaga Tabung Haji. Skim ini adalah berdasarkan kepada *standard* ISO 37001:2016 yang menggariskan keperluan dan memberi panduan kepada organisasi dalam mengesan, mencegah dan bertindak balas terhadap gejala rasuah sejajar dengan keperluan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan peraturan serta undang-undang pencegahan rasuah yang lain.

USAHA PEMERKASAAN INTEGRITI

a) Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Pegawai SPRM yang ditempatkan ke Agensi Luar (MPSAL)

Mesyuarat ini diadakan sebagai salah satu platform terbaik untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu pengurusan integriti di samping menyediakan sesi perkongsian amalan terbaik ke arah pembudayaan integriti di agensi-agensi di mana pegawai SPRM ditempatkan.

PELAKSANAAN MESYUARAT



b) Mesyuarat Ketua Unit Integriti

Mesyuarat ini diadakan sebagai salah satu platform terbaik untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu pengurusan integriti di samping menyediakan sesi perkongsian amalan terbaik ke arah pembudayaan integriti di agensi-agensi di mana pegawai SPRM ditempatkan.

PELAKSANAAN MESYUARAT



MINI KONVENSYEN SPRM TAHUN 2017

PENGUKUHAN INTEGRITI PEMANGKIN NEGARA GEMILANG

Tarikh & Tempat	Objektif	Kehadiran	Pengisian
<ul style="list-style-type: none"> 8 November 2017, Auditorium SPRM, Ibu Pejabat SPRM 	<ul style="list-style-type: none"> Medium untuk mewujudkan <i>networking</i> di antara Unit Integriti Sebagai percambahan ilmu pengetahuan bagi mengenal pasti hala tuju atau <i>way forward</i> Unit Integriti 	<ul style="list-style-type: none"> Seramai lebih kurang 300 orang peserta hadir yang terdiri daripada Pegawai Integriti Kementerian /Agensi/<i>Government Link Companies</i> (GLC) dan Kerajaan Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Pembentangan bertajuk "Peranan Unit Integriti dalam Meningkatkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di Malaysia" oleh Dato' Akhbar Satar Pembentangan bertajuk "Menangani Rasuah di Kalangan Agensi Penguatkuasa" oleh Tan Sri Musa Tan Sri Hassan.

Pencapaian dan Kejayaan Inisiatif Tadbir Urus



Pencapaian dan Kejayaan Inisiatif Pengukuhan Integriti



Pencapaian dan Kejayaan Inisiatif Pematuhan



Kempen 3J yang diuar-uarkan melalui *Automated Teller Machine* (ATM) di setiap Cawangan Bank Rakyat





06 | PENDIDIKAN MASYARAKAT





- BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
- STRATEGIK PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH MELALUI SALURAN MEDIA ELEKTRONIK, MEDIA CETAK DAN PAMERAN
- KEMBARA JELAJAH ANTI RASUAH 2017 (KEJAR '17)
- PEMENTASAN TEATER BAHARA EMAS
- GERAH
- PROGRAM UNIVERSITI DAN BELIA
- KONVENSYEN SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR) IPG
- MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)
- MAJLIS MELAFAZ DAN MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KABINET KERAJAAN NEGERI SARAWAK
- MALAM PUISI ANTI-RASUAH SPRM-DBP
- LARIAN DAN KAYUHAN GERAH (LANGKAH 2017)
- MAJLIS DIALOG KETUA PESURUHJAYA SPRM BERSAMA AHLI DEWAN TERTINGGI MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) ANJURAN MALAYSIA CORRUPTION WATCH (MCW)
- MAJLIS AIDILFITRI SPRM BERSAMA MASYARAKAT INDIA, KAPAR, KLANG, SELANGOR
- KOMUNIKASI STRATEGIK

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT

Kesedaran kepada masyarakat mengenai jenayah rasuah perlu diberikan melalui pendidikan secara berterusan. Usaha ini hendaklah digalas oleh semua pihak dalam usaha untuk membantu SPRM mencegah dan memerangi rasuah. Pelbagai kaedah digunakan supaya setiap usaha yang dijalankan dapat memberi impak yang tinggi kepada semua lapisan masyarakat. Kaedah utama yang digunakan oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat untuk menyalurkan mesej antirasuah adalah melalui komunikasi bersemuka dan promosi media. Pendekatan ini dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai kumpulan sasaran melalui program atau aktiviti yang dilaksanakan.

Komunikasi Bersemuka




- Ceramah
- Pameran
- Seminar
- Bengkel
- Diskusi Meja Bulat
- Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT/IPG/IPMa
- Program Bersama Masyarakat

Promosi Media



Media Elektronik

- Televisyen
- Radio
- *Billboard*
- Skrin LED
- MACC.fm



Media Cetak

- Poster
- Bunting
- Akhbar
- Risalah



Media Sosial

- *Facebook*
- *Twitter*
- *Instagram*
- *Youtube*

Berikut merupakan Pencapaian Bahagian Pendidikan Masyarakat sepanjang tahun 2017:

**KERAJAAN
DAN AGENSI:** KETERLIBATAN : 300 KALI
PROGRAM : 908

1

**AGENSI BERKAITAN
KERAJAAN:** KETERLIBATAN : 43 KALI
PROGRAM : 81

2

POLITIK: KETERLIBATAN : 5 KALI
PROGRAM : 2

3

SWASTA: KETERLIBATAN : 35 KALI
PROGRAM : 63

4

**PERTUBUHAN
DAN NGO:** KETERLIBATAN : 37 KALI
PROGRAM : 49

5

**PELAJAR
DAN BELIA:** KETERLIBATAN : 79 KALI
PROGRAM : 92

6

PENDIDIKAN: KETERLIBATAN : 17 KALI
PROGRAM : 31

7

STRATEGIK PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH MELALUI SALURAN MEDIA ELEKTRONIK, MEDIA CETAK DAN PAMERAN

PROMOSI MEDIA

Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Medium ini dipilih untuk menyebarkan mesej antirasuah ke segenap lapisan masyarakat. Program atau aktiviti media yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah:

- MACC.fm yang bersiaran secara langsung dengan menggunakan van MACC MOVERS SPRM
- Temu ramah di TV, sebagaimana **JADUAL 24**.

JADUAL 24: Program Temuramah di TV

BIL	TARIKH	PROGRAM	RANGKAIAN
1	13 Januari 2017	Landskap 2017	RTM
2	25 Januari 2017	Assalamualaikum	TV Alhijrah
3	2 Februari 2017	Selamat Pagi Malaysia	RTM
4	27 Februari 2017	Suara Kita Hak Kita	RTM
5	2 Mac 2017	Persoalannya	Capital TV
6	3 Mac 2017	BERNAMA News Channel	BERNAMA
7	5 Jun 2017	Takbir Raya	RTM
8	25 Julai 2017	Suara Kita Hak Kita	RTM
9	10 Ogos 2017	Selamat Pagi Malaysia	RTM
10	25 September 2017	Wawancara Promosi Teater Bahara Emas	Astro Awani
11	20 November 2017	Selamat Pagi Malaysia	RTM

TEMUBUAL RADIO AWAM/SWASTA

Selain televisyen, pegawai SPRM juga dijemput oleh pelbagai saluran radio tempatan dalam usaha penyampaian mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat tempatan sebagaimana **JADUAL 25**.



JADUAL 25: Program Temubual di Radio

BIL	TARIKH	PROGRAM
1	26 April 2017	Nasional.fm
2	26 April 2017	UFM
3	9 Mei 2017	Putra.fm
4	9 Jun 2017	Ai.fm
5	16 Jun 2017	Ai.fm
6	20 Jun 2017	Putra.fm
7	26 Julai 2017	UFM
8	26 Julai 2017	Traxx.fm
9	6 September 2017	BERNAMA Radio
10	14 September 2017	Suria.fm
11	10 November 2017	Sabah.fm
12	5 Disember 2017	Nasional.fm
13	6 Disember 2017	Putra.fm

PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENT (PSA)

Public Service Announcement ataupun iklan layanan masyarakat terbitan Cawangan Media Elektronik turut menyampaikan pesanan/mesej antirasuah yang dimuat naik ke *Youtube*. Lapan PSA diterbitkan pada tahun 2017 sebagaimana **JADUAL 26**.

JADUAL 26: Public Service Announcement

BIL	TARIKH	PROGRAM	RANGKAIAN
1	Januari - Februari 2017	PSA di KLIA TV	KLIA TV
2	24 Februari 2017	PSA Syamsul Debat	TV Alhijrah
3	24 Februari 2017	PSA Datuk Yusof Haslam	TV Alhijrah
4	24 Februari 2017	PSA Siti Nordiana	TV Alhijrah
5	24 Februari 2017	PSA Zizan Nin	TV Alhijrah
6	20 Jun 2017	PSA Kehilangan Anak	MACC.fm
7	20 Jun 2017	PSA Balik Kampung	MACC.fm
8	20 Jun 2017	PSA Keimanan	MACC.fm

MACC.fm

Saluran radio *streaming* yang bersiaran semenjak 2015 kini beroperasi **12 jam setiap hari** telah mencatatkan jumlah pendengar yang memberangsangkan. Saluran ini merupakan usaha penyampaian mesej antirasuah kepada seluruh masyarakat khususnya golongan belia yang gemar melayari internet. Sepanjang 2017 sebanyak **123 temubual** secara langsung telah disiarkan di MACC.fm.

Antara tetamu kehormat yang telah ditemubual sepanjang 2017 di MACC.fm.


- **Dato' Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak**
Perdana Menteri Malaysia
- **Dato' Ir. Mohtar Musri**
*Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja*
- **Dato' Mohamed Asri Yusof**
*Ketua Pengarah
Jabatan Latihan Khidmat Negara*
- **Datuk Fadilah Baharin**
*Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia*
- **Dato' Dr. Mohd Fadilah Kamsah**
Penceramah Bebas



PAMERAN

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 301 pameran pencegahan rasuah telah diadakan di seluruh negara. Platform ini menjadi landasan kepada orang awam untuk berinteraksi secara langsung dengan SPRM sama ada untuk menyalurkan maklumat atau mengajukan isu berkaitan rasuah. Jumlah Pameran Jemputan adalah 161, manakala Pameran Anjuran adalah 140.

MEDIA CETAK



BUKU PANDUAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH DI SEKOLAH

Semenjak 2016, pencegahan rasuah mula diajar kepada murid sekolah apabila elemen tersebut telah diterapkan dan diaplikasikan ke dalam buku teks sekolah rendah dan menengah. Sebagai pelengkap kepada pembelajaran melalui buku teks, SPRM dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris menerbitkan sebuah buku panduan yang dikenali sebagai Panduan Pendidikan Pencegahan Rasuah di Sekolah (PPPRS). Buku ini mampu dijadikan rujukan kepada guru-guru untuk memahami isu-isu rasuah, sebelum menyampaikannya kepada murid-murid mereka.

Buku PPPRS bertujuan untuk mendedahkan dan memperluaskan pemahaman guru mengenai kesalahan rasuah, punca-punca dan langkah pencegahan. Buku ini juga menyediakan panduan dan bantuan kepada guru-guru dalam menerapkan elemen pencegahan rasuah semasa sesi pengajaran mereka.



PENGURUSAN KETERLIBATAN SECARA EFEKTIF

Strategi Teras Pendidikan SPRM 2017 melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan pembudayaan nilai benci rasuah dan pengukuhan sokongan masyarakat (pendekatan mesra rakyat).

KEMBARA JELAJAH ANTIRASUAH 2017 (KEJAR '17)

Keterlibatan

Pada 17 hingga 30 September 2017, Kembara Jelajah Antirasuah 2017 bersempena dengan sambutan Jubli Emas, 50 tahun BPR/SPRM di Malaysia disertai oleh Pengurusan Tertinggi, Pengarah-Pengarah Bahagian/Negeri dan pegawai-pegawai kanan SPRM. Kembara ini menggunakan bas dan kereta yang didahului oleh 40 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang ditunggangi pegawai-pegawai SPRM. Sejumlah lebih 30 acara telah diadakan di lokasi-lokasi membabitkan pelbagai peringkat pentadbiran negeri yang melibatkan Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Menteri Besar/Ketua Menteri dan pejabat SUK negeri. Pihak istana juga turut mendukung hasrat dan usaha SPRM menyemarakkan lagi semangat antirasuah di kalangan masyarakat.

Keberhasilan

Secara keseluruhan, program ini berjaya menarik masyarakat setempat untuk turut serta bersama SPRM dalam usaha membasmi rasuah. Dianggarkan lebih 13,000 orang telah terlibat bersama SPRM sepanjang 13 hari berkembara. Program dan pengisian yang diadakan lebih mendekatkan SPRM kepada masyarakat sejajar dengan slogan 'Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah'.





Konvoi KEJAR '17

KEMBARA JELAJAH ANTI RASUAH SPRM 2017

DESTINASI PERJALANAN

1	18/09/2017	PUTRAJAYA KUALA LUMPUR PORT DICKSON MELAKA	SELANGOR N.SEMBILAN MELAKA
2	19/09/2017	BANDARAYA MELAKA JOHOR BAHRU	JOHOR BAHRU
3	20/09/2017	JOHOR BAHRU TANJUNG GEMUK PEKAN KUALA PAHANG	PAHANG
4	21/09/2017	PEKAN KEMAMAN K.TERENGGANU K. TERENGGANU KUALA NERUS PENARIK TOK BALI	TERENGGANU
5	22/09/2017	TOK BALI KOTA BHARU TUMPAT	KELANTAN
6	23/09/2017	KOTA BHARU TASIK BANDING	KELANTAN
7	24/09/2017	TASIK BANDING	PERAK
8	25/09/2017	TASIK BANDING KANGAR SUNGAI PETANI	PERLIS
9	26/09/2017	KEPALA BATAS BAYAN BARU	KEDAH
10	27/09/2017	BALIK PULAU ALOR PONGSU BUKIT MERAH	PULAU PINANG
11	28/09/2017	BUKIT MERAH IPOH	PERAK
12	29/09/2017	IPOH TAPAH KUALA LUMPUR PUTRAJAYA	PERAK
13	30/09/2017		KUALA LUMPUR

PETA LALUAN KESELURUHAN



2385KM

- JARAK KESELURUHAN KONVOI -

PEMENTASAN TEATER BAHARA EMAS

Keterlibatan

Sempena sambutan 50 tahun penubuhan BPR/SPRM, pementasan teater 'Bahara Emas' dipentaskan selama empat hari bermula 19 hingga 22 Oktober 2017 di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) karya dan arahan Dekan Fakulti Teater ASWARA, Siti Rosminah Tahir, . Teater ini mengisahkan kejatuhan kesultanan Melayu Melaka akibat gejala rasuah dalam kalangan pemimpin dan rakyat. Pada hari keempat pementasan, Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat menyaksikan teater ini, yang turut dihadiri barisan kepimpinan SPRM termasuk Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, serta rakan-rakan strategik jabatan awam dan swasta.

Keberhasilan

Teater Bahara Emas merupakan satu platform baharu untuk menyampaikan mesej antirasuah melalui pementasan seni. Ianya merupakan salah satu aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 BPR/SPRM. Pementasan teater Bahara Emas ini telah dihadiri seramai 3,200 orang penonton.





GERAH

Gerakan Revolusi Anti rasuah atau GERAH dipelopori Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad dan dilancarkan pada 8 Mei 2017. GERAH menjadi pemangkin gelombang perubahan masyarakat untuk membenci rasuah dan perasuah. Melalui gerakan ini, SPRM ingin masyarakat menjadikan rasuah sebagai musuh nombor satu negara.

GERAH menjadi tunjang dalam semua aktiviti SPRM, sama ada operasi, pencegahan atau pendidikan. Harapan SPRM, dalam tempoh tiga tahun, gerakan ini berupaya mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah dan salah guna kuasa serta bersama-sama SPRM memerangi rasuah.



“GERAH bukan satu gerakan revolusi yang bersifat politik. Sebaliknya gerakan revolusi sosial untuk mengubah pemikiran masyarakat secara keseluruhan terhadap jenayah rasuah. Masyarakat bukan sahaja menolak perlakuan rasuah, tetapi masyarakat perlu berani menolak perasuah.”

- Tan Sri Dzulkipli Ahmad (8 Mei 2017)

KEMPEN 3J

Kempen 3J yang merujuk kepada 'Jangan Hulur, Jangan *Kawtim*, Jangan *Settle*' telah dilancarkan pada 8 Mei 2017. Kempen ini bertujuan mendidik masyarakat Malaysia agar tidak sesekali menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak yang berkepentingan untuk melakukan sesuatu perkara.

GERAH TURUN PADANG

Semasa pelancaran GERAH, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad telah mengumumkan SPRM akan melaksanakan aktiviti 'turun padang' melibatkan semua pegawai SPRM di seluruh negara. Aktiviti ini bertujuan untuk mendekatkan SPRM dengan masyarakat selaras dengan slogan 'SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah' dengan mengadakan pertemuan bersama kumpulan sasaran. Pada tahun 2017, sasaran atau tema aktiviti GERAH Turun Padang adalah seperti berikut:

- Pengguna Hub Pengangkutan - 8 Mei 2017
- Pengunjung Bazaar Ramadhan - 5 Jun 2017
- Pengunjung dan Kakitangan Institusi Kesihatan - 10 Julai 2017
- Warga Institusi Pengajian Tinggi – 7 November 2017

SAHABAT GERAH

Pada 1 Ogos 2017, SPRM melancarkan Sahabat GERAH SPRM di Hotel Ansa, Kuala Lumpur. Kempen ini bertujuan menjemput orang ramai untuk menjadi ahli Sahabat GERAH SPRM yang terbuka kepada semua warga Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Sehingga 31 Disember 2017, SPRM telah menerima **lebih 150,000 permohonan untuk menjadi ahli Sahabat GERAH.**

LEBIH
150,000
PERMOHONAN
AHLI SAHABAT
GERAH









PROGRAM UNIVERSITI DAN BELIA



14 OGOS 2017



DEWAN TUANKU CANSELOR,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



3,000 ORANG PESERTA

PROGRAM SEMINAR ANAK MUDA MEMERANGI RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA (PEMARAH 1.0)

Keterlibatan

Program yang diadakan pada 14 Ogos 2017 merupakan penzahiran aspirasi pemimpin yang mahukan negara bebas daripada segala bentuk jenayah rasuah. Seramai 3,000 peserta hadir di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terdiri daripada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta. Antaranya, Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat dalam menjayakan program ini adalah:



Institut Pendidikan Mara (IPMa)



3000
PESERTA

Keberhasilan

Sejajar dengan Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH) yang dilancarkan SPRM pada 8 Mei 2017, perhimpunan ini dilihat sebagai kesinambungan bagi menggerakkan gelombang revolusi antirasuah rakyat Malaysia. Program ini merupakan satu penzahiran aspirasi pemimpin sebagai suara kekuatan kebebasan rakyat Malaysia inginkan negara bebas daripada segala bentuk jenayah rasuah.

Program PEMARAH 1.0 berjaya memberi impak besar kepada pemimpin mahasiswa, masyarakat dan negara kerana berjaya menarik golongan mahasiswa anak muda bersama-sama SPRM membenters rasuah dan salah guna kuasa. Mahasiswa juga turut berminat bersama SPRM turun ke padang berjumpa bersama masyarakat dalam menyampaikan mesej 3J iaitu Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan *Settle*. Seramai 1,000 orang peserta telah memohon mendaftar menjadi ahli sahabat GERAH SPRM.

1000
AHLI
SAHABAT
GERAH
SPRM

PROGRAM SEMINAR ANAK MUDA MEMERANGI RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA BORNEO (PEMARAH 2.0)

Keterlibatan

Kesinambungan Program PEMARAH 1.0, program Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa (PEMARAH) 2.0 Borneo berlangsung di Dewan Kuliah Pusat (DKP) 20 & 21, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 11 November 2017. Seramai 1,000 pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi di Sabah menyertai program ini terdiri daripada pelajar-pelajar UMS, kolej-kolej swasta sekitar Kota Kinabalu, UiTM Kota Kinabalu dan IKM Kota Kinabalu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Keberhasilan

Acara kemuncak program ini adalah *Executive Talk* yang disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Program berakhir dengan lafaz "Janji Kami" oleh semua peserta program dengan nada penuh bersemangat.

1000
PELAJAR
SERTA

(PEMARAH 2.0)

(PEMARAH 3.0)

1200
PELAJAR
SERTA

PROGRAM SEMINAR ANAK MUDA MEMERANGI RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA BORNEO (PEMARAH 3.0)

Keterlibatan

Program Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa (PEMARAH) 3.0 Borneo berlangsung di Dewan Arena Gemilang, DeTAR Putra, Unimas pada 15 November 2017 melibatkan seramai 1,200 mahasiswa Unimas, Adtec Bintulu, UPM Bintulu, IKM Bintulu, IKM Kuching, UiTM dan Politeknik Kinabalu.

Keberhasilan

Program Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa (PEMARAH) merupakan kesinambungan daripada program PEMARAH 1.0 di USIM diikuti PEMARAH 2.0 bagi Sabah dan dilanjutkan lagi dengan PEMARAH 3.0 di Sarawak. Melalui program PEMARAH, setiap peringkat mahasiswa berpeluang menyuarakan hak mereka yang mahukan negara ini bebas dari jenayah rasuah.





KONVENSYEN SPR IPG



22 - 24 NOVEMBER 2017



LEO PACIFIC HOTEL KUALA LUMPUR



120 ORANG PESERTA

Keterlibatan

Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Institut Pendidikan Guru (IPG) menghimpunkan 120 orang peserta terdiri dari pelajar serta penyelaras SPR di IPG, Institut Pendidikan MARA (IPMa) dan Universiti Awan bertempat di Leo Pacific Hotel Kuala Lumpur diadakan dari 22 hingga 24 November 2017. Perasmian konvensyen ini disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato' Abdul Samat Kasah.

Keberhasilan


Konvensyen yang berlangsung selama tiga hari ini menyeru setiap peserta supaya bersama-sama SPRM menolak semua perlakuan rasuah seterusnya menjadi *key communicator* kepada Suruhanjaya ini agar setiap mesej dapat disampaikan ke segenap lapisan masyarakat.



IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

IBR merupakan satu platform baharu yang diperkenalkan SPRM yang memberi penekanan kepada ikrar dan janji para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela. Tujuan IBR ini dilaksanakan adalah bagi memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab melaksanakan tugas sekaligus menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi dan organisasi.


PELAKSANAAN IBR




Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah sebagaimana **JADUAL 27**


JADUAL 27: Program IBR di Agensi/ Organisasi


BIL	AGENSI/ORGANISASI	PROGRAM
1	Kementerian	35
2	Jabatan	435
3	Negeri	155
4	Badan Berkanun	118
5	IPTA/IPTS	36
6	GLC	47
7	Swasta	13
8	NGO dan Persatuan	30
9	Yayasan	3
Jumlah Keseluruhan		872



**MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)**

 10 JANUARI 2017

 600 ORANG ANGGOTA

 DEWAN BANGSAWAN, LHDNM
MENARA HASIL CYBERJAYA

Keterlibatan

Majlis menandatangani ikrar tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM sambil disaksikan oleh YBhg. Datuk Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Menara Hasil, Cyberjaya. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) serta Pengarah-pengarah Bahagian SPRM turut hadir pada majlis ini.

Keberhasilan

Majlis ini telah dilaksanakan dengan pembabitan seramai 150 orang Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Pengarah Jabatan/Bahagian/Negeri/Cawangan/ Cawangan Siasatan di LHDNM. Pegawai-pegawai tersebut telah melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah di hadapan kehadiran tetamu seramai 600 orang. LHDNM telah mencatatkan sejarah dengan menjadi agensi kerajaan pertama yang mengambil inisiatif untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah.





MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)



24 JULAI 2017



tt



DEWAN TAN SRI KHALID ABU
BAKAR, PUSAT LATIHAN POLIS
(PULAPOL) JALAN SEMARAK

Keterlibatan

Majlis melafaz dan menandatangani IBR oleh Ibu Pejabat PDRM telah disertai oleh 200 anggota PDRM dan dipimpin oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar di Dewan Tan Sri Khalid Abu Bakar, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Jalan Semarak pada 24 Julai 2017. Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyahut inisiatif SPRM dengan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diadakan serentak di 25 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Daerah (IPD) di serata negara. Dalam majlis ini Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar telah berikrar dan menandatangani IBR yang disaksikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad.

Keberhasilan

Ikrar Bebas Rasuah PDRM dijalankan serentak di seluruh negara iaitu di 174 tempat iaitu di Ibu Pejabat Kontinjen Negeri, Pusat Latihan Polis dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Antara IPD yang terlibat adalah IPD Kuala Kangsar dan Taiping di Perak, IPD Lipis dan Cameron Highlands di Pahang, IPD Setiu dan Marang di Terengganu, IPD Kuching dan Serian di Sarawak, IPD Pasir Putih dan Machang di Kelantan serta IPD Kuala Pilah dan Nilai di Negeri Sembilan.





MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)



17 APRIL 2017



DEWAN PERKASA, WISMA PERWIRA



1000 ORANG PEGAWAI

Keterlibatan

Majlis lafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah berlangsung pada 17 April 2017 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira disaksikan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Ikrar tersebut ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Keberhasilan

Sejumlah 1,000 pegawai dan staf MINDEF melafazkan ikrar dalam majlis berkenaan. Program ini menunjukkan penglibatan pasukan pertahanan negara bersama SPRM dalam memerangi jenayah rasuah dengan mengurangkan perbuatan pelakuan rasuah bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam, malah semua golongan masyarakat terutama melibatkan isu keselamatan dan ketenteraman negara.



MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KABINET KERAJAAN NEGERI SARAWAK



25 JANUARI 2017



WISMA BAPA MALAYSIA, KUCHING, SARAWAK



28 MENTERI DAN MENTERI MUDA

Keterlibatan

Anggota Kabinet Sarawak, diketuai oleh Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama barisan Menteri. Majlis ini disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

Keberhasilan

Kerajaan Negeri Sarawak berusaha memastikan pentadbiran dilaksanakan dengan lebih telus serta bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa.



»» MALAM PUISI ANTIRASUAH SPRM-DBP



20 NOVEMBER 2017



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
(DPP)

Keterlibatan

Malam Puisi Antirasuah SPRM-DBP yang berlangsung pada 20 November 2017 merupakan usaha SPRM untuk menyebarkan mesej antirasuah melalui kerjasama strategik antara SPRM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi mendekati rakyat melalui sastera dan budaya. Antara pemuisi yang mendeklamasikan sajak termasuk Pyan Habib, Dr. Raja Rajeswari dan Lin Haslinaz. Majlis tersebut turut diserikan dengan penyampaian puisi daripada Ketua Pesuruhjaya (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Abdul Samat Kasah. Malam Puisi Antirasuah SPRM-DBP juga dimeriahkan dengan persembahan dikir barat dan lagu oleh Dato' Ramli Sarip, Fazleena & The Lasykar dan Adinda Amiro.

Keberhasilan

Usaha SPRM menyebar luas mesej antirasuah melalui kesenian dan kebudayaan merupakan suatu kaedah yang santai dan berkesan apabila mendapat sambutan yang menggalakkan melalui jumlah kehadiran penonton dari pelbagai jabatan.





»» LARIAN DAN KAYUHAN GERAH (LANGKAH 2017)



9 DISEMBER 2017



TAPAK HOT AIR BALLOON,
PUTRAJAYA



600 PESERTA

Keterlibatan

SPRM dengan kerjasama Persatuan Berbasikal Putrajaya dan Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan program Larian dan Kayuhan GERAH (LANGKAH 2017) di tapak Hot Air Balloon, Putrajaya sempena Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) pada 9 Disember 2017. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad telah melancarkan sambutan HARA yang turut disertai 600 peserta dalam acara larian lima kilometer dan kayuhan basikal 10 kilometer.

Keberhasilan

Program LANGKAH sempena sambutan HARA 2017 merupakan suatu platform yang berperanan mendekatkan masyarakat Malaysia dengan SPRM dalam memperoleh sokongan mereka selaras dengan dasar SPRM 'Mesra Rakyat Digeruni Perasuah' bagi membanteras gejala rasuah dalam negara.





MAJLIS DIALOG KETUA PESURUHJAYA SPRM BERSAMA AHLI DEWAN TERTINGGI MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) ANJURAN MALAYSIA CORRUPTION WATCH (MCW)



26 NOVEMBER 2017

HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA
LUMPUR

100 ORANG AHLI MCW DAN MBM

Keterlibatan

Pada 26 November 2017 telah diadakan Majlis Dialog Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad bersama Ahli Dewan Tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) Anjuran *Malaysia Corruption Watch* (MCW). Dialog ini menunjukkan komitmen NGO, MCW dan MBM menyokong usaha SPRM dalam memberi kesedaran mengenai jenayah rasuah kepada masyarakat. Ucapan Ketua Pesuruhjaya SPRM menegaskan bahawa hubungan yang baik antara SPRM dan NGO memudahkan lagi pengesanan gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam dan juga pihak berkepentingan. Turut serta dalam program ini ialah Presiden MCW, Jais Abd Karim, Presiden MBM, Mu'ammarr Ghaddafi Jamal Dato' Wira Jamaludin dan juga pegawai-pegawai tertinggi lain MCW, MBM dan SPRM. Seramai 100 orang ahli MCW dan MBM hadir bersama menyokong dan menjadi mata dan telinga kepada SPRM.



Keberhasilan

Inisiatif program ini melambangkan komitmen pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama SPRM dalam usaha memerangi rasuah.





MAJLIS AIDILFITRI SPRM BERSAMA MASYARAKAT INDIA, KAPAR, KLANG SELANGOR



15 JULAI 2017



SRJK METHODIST KAPAR, KLANG



500 ORANG KOMUNITI INDIA

Keterlibatan

Majlis Aidilfitri SPRM Bersama Masyarakat India Kapar diadakan pada 15 Julai 2017 yang dihadiri 500 orang komuniti India. Majlis dihadiri oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Dato' Norazlan Mohd Razali, Ketua Staf SPRM, Dato' Idris Zaharuddin, Pengarah SPRM Negeri Selangor, Dato' Wan Ramli Wan Abdullah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato' Abdul Samat Kasah, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, KPKPj Mohamad Zakkuan Talib serta pemimpin-pemimpin masyarakat India Kapar. Pengagihan barangan keperluan diberikan kepada masyarakat India yang kurang berkemampuan terdiri kanak-kanak dan warga emas.

Keberhasilan

Program ini memudahkan masyarakat untuk menyalurkan aduan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa.



KOMUNIKASI STRATEGIK

BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK (BKS)

Bahagian Komunikasi Strategik yang ditubuhkan pada 1 Januari 2013 berperanan bagi mendapatkan dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM menerusi jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya pihak media.

Empat tugas utama di BKS, ialah:

- Mengatur urusan berkaitan media
- Menyediakan maklum balas isu-isu semasa SPRM.
- Memantau semua liputan media
- Menyampaikan maklumat dan informasi kepada pegawai

PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Anti-Corruption Media Caucus (ACMC)

SPRM telah membentuk Kaukus Khas Media Antirasuah atau *Anti-Corruption Media Caucus (ACMC)* bagi mengeratkan rangkaian kerjasama antara agensi-agensi media dalam usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa. ACMC juga bertujuan berkongsi dan bertukar maklumat dalam membentuk pelan tindakan strategik memerangi rasuah melalui saluran media.

Pada 4 Mei 2017 telah berlangsung satu program diskusi ACMC yang pertama di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya yang dihadiri oleh 20 wakil pelbagai agensi media tempatan dan dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.





KEMPEN 3J (JANGAN HULUR, JANGAN KAWTIM, JANGAN SETTLE)



8 MEI 2017



KERJASAMA KUMPULAN MEDIA STAR,
SIN CHEW DAILY & MALAYSIA NARBAN

SPRM melancarkan Kempen 3J pada 8 Mei 2017 bagi mempromosikan usaha-usaha pencegahan rasuah dengan kerjasama agensi-agensi media. Kempen 3J bertujuan menyampaikan mesej kesedaran terhadap rakyat supaya menjauhi perbuatan rasuah dan salah guna kuasa, melalui cara penerimaan atau pemberian rasuah. SPRM telah bekerjasama dengan Kumpulan Media Star, Sin Chew Daily dan Malaysia Nanban dalam melaksanakan kempen 3J.



PELAN TINDAKAN STRATEGIK SPRM

Pengurusan Media dan Isu Semasa Secara Efektif

SPRM mengambil langkah mendekati masyarakat menerusi pendekatan 'Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah' dengan pelbagai program yang diadakan di seluruh negara. Program atau aktiviti ini seiring dengan tindakan operasi sama ada menerusi penahanan atau pendakwaan pelaku rasuah. Usaha gerakan revolusi anti rasuah ini, menjadikan SPRM tumpuan media melalui kes-kes berprofil tinggi atau penyelewengan. Jumlah laporan media berkaitan SPRM melalui Media Cetak, Media Atas Talian dan Media Penyiaran pada tahun 2017 adalah sebanyak 9,031 sebagaimana **CARTA 15**



9,031
NAMA SPRM
DINYATAKAN MENERUSI
LAPORAN
MEDIA SEPANJANG 2017



PENINGKATAN INI SEBANYAK
2% BERBANDING 2016



DARIPADA JUMLAH
TERSEBUT, SEBANYAK
8,658
ATAUPUN
95.8%
LAPORAN BERITA
MERUPAKAN
**ARTIKEL
POSITIF**
MENGENAI **SPRM.**



SECARA PURATA
MEDIA
MEDIA TELAH
MELAPORKAN
SEBANYAK
721.5
BERITA POSITIF
MENGENAI **SPRM**
SETIAP BULAN.





LAPORAN BERITA BERKAITAN **SPRM** TERTUMPU
KEPADA **BERITA KES DAN PENYIASATAN** IAITU:

6,133

LAPORAN BERITA DENGAN


**MESEJ
UTAMA**

**KEBERKESANAN/KETIDAKBERKESANAN
PENGENDALIAN PROSES SIASATAN**

3,971

LAPORAN BERITA



CARTA 15: Laporan Media Berkaitan SPRM Tahun 2017

Promosi Dan Pengurusan Isu

BKS memainkan peranan untuk memperkasakan jenama SPRM dengan memastikan penyiaran berita-berita positif mengenai kejayaan dan perkembangan SPRM di media cetak, elektronik serta media baharu melalui pengurusan promosi dan isu rasuah menggunakan tiga kaedah utama sebagaimana **JADUAL 28**

JADUAL 28: Kaedah Penyiaran Berita-berita SPRM

KAEDAH	BILANGAN
Kenyataan Media	105
Rencana	32
Wawancara	26



698

ARTIKEL YANG
DISIARKAN
OLEH MEDIA

843

MESEJ BERBENTUK
PENDIDIKAN &
KESEDARAN MASYARAKAT



215

EDARAN
DALAMAN

52

JILID
MyInfo@BKS

Pada 31 Disember 2017, Portal SPRM **merekodkan** sebanyak **3.21** juta pengunjung berbanding **1.77** juta pada tahun-tahun sebelumnya iaitu **peningkatan** sebanyak **81.36%**





BENKEL PENGURUSAN MEDIA SECARA EFEKTIF



2 - 3 MAC 2017



AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA



35 PEGAWAI SPRM

Bengkel yang dihadiri oleh 35 pegawai SPRM ini merupakan pendedahan asas mengenai pengurusan media termasuk teknik penulisan media, pengendalian isu serta penggunaan media sosial secara profesional.

Bengkel ini dikendalikan oleh enam tenaga pengajar termasuk tiga penceramah luar yang merupakan pakar dalam bidang media.





PROGRAM TAKBIR RAYA AIDILFITRI DAN LAWATAN PENGURUSAN TERTINGGI KE RADIO TELEVISYEN MALAYSIA



15 JUN 2017



ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR

Program ini merupakan rakaman takbir raya Aidilfitri oleh Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Pengarah-Pengarah Bahagian yang diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Rakaman tersebut disiarkan di RTM 1 pada malam Hari Raya Aidilfitri 2017.



MALAM APRESIASI MEDIA 2017



14 DISEMBER 2017



IBU PEJABAT SPRM, PUTRAJAYA

Malam Apresiasi Media merupakan majlis penghargaan khusus SPRM kepada semua pihak media yang sentiasa menyokong usaha SPRM menerusi publisiti media di samping merapatkan jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak.







Copyright © 2014 by PT. Dharma Dharma. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or by any information storage and retrieval system, without the prior written permission of PT. Dharma Dharma.

07

DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

- **PEJABAT EKSEKUTIF KETUA PESURUHJAYA (PEKP)**
- **PERHUBUNGAN ANTARABANGSA**
- **UNITED NATIONS CONVENTION AGAINST CORRUPTION (UNCAC)**
- **ANTI CORRUPTION AGENCY (ACA) FORUM**
- **SOUTH EAST ASIA PARTIES AGAINST CORRUPTION (SEA-PAC)**
- **ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC)**
- **PERJANJIAN PERSEFAHAMAN, PEMBENTANGAN KERTAS KERJA/ MESYUARAT DAN KURSUS DI ARENA ANTARABANGSA**
- **MESYUARAT KERJASAMA DUA HALA KALI KE-3 DI ANTARA SPRM DAN NATIONAL ANTI-CORRUPTION COMMISSION (NACC), THAILAND**
- **SUKAN KERJASAMA TRIPARTITE DI ANTARA SPRM, CPIB SINGAPORE DAN BMR BRUNEI**
- **PENGALAMAN, PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK KEPADA PELAWAT ANTARABANGSA KE SPRM**
- **PENGALAMAN, PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DAN KEPAKARAN OLEH SPRM DI LUAR NEGARA**
- **DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK**
- **ENVIRONMENTAL PROTECTION AGAINST CORRUPTION CAUCUS (EPACC)**
- **PROGRAM ZIARAH KASIH**
- **PENGANJURAN KONVENSYEN DAN TEAM-BUILDING SPRM 2017**

DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

PEJABAT EKSEKUTIF KETUA PESURUHJAYA (PEKP)

Bahagian ini berfungsi sebagai perancang strategik yang berperanan merancang formulasi dan implementasi bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan SPRM serta menganalisa isu-isu semasa untuk apa-apa *policy response* yang bersesuaian. PEKP juga berperanan dalam membantu perancangan Ketua Pesuruhjaya dan Pengurusan Tertinggi dalam hal ehwal antarabangsa, maklum balas Parlimen dan Kabinet, pengubalan dasar-dasar SPRM atau pencegahan rasuah nasional dan penyelesaian krisis berkaitan hal ehwal SPRM melalui pelaksanaan pelan tindakan yang profesional, cekap dan berkesan.

Selain menjadi Sekretariat kepada lima badan pemantau bebas SPRM, PEKP juga membangunkan dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik & Halatuju SPRM serta mengesyorkan penambahbaikan ke atas undang-undang dalam aspek pencegahan rasuah melalui metodologi penyelidikan (R&D). PEKP turut memainkan peranan penting dalam mengenal pasti inisiatif atau platform antarabangsa bagi mengetengahkan SPRM sebagai rujukan utama dalam aspek pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa.

PARLIMEN

Sepanjang tempoh Persidangan Parlimen 2017, pengurusan jawapan, maklum balas dan input bagi soalan Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah berkaitan:

1

Siasatan kes rasuah melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah

2

Isu rasuah melibatkan penjawat awam

3

Cadangan supaya diwujudkan peruntukan undang-undang baharu mengenai salahlaku jenayah oleh penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dana awam.

4

Perkembangan kes dan statistik kes-kes penggubahan wang haram di bawah Akta Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA 2001)

5

Perkembangan kes dan statistik kes-kes rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Statistik skop soalan parlimen yang dikendalikan sebagaimana **JADUAL 29:**

JADUAL 29: Statistik Skop Soalan Parlimen

SIDANG	SKOP SOALAN		
	OPERASI	PENCEGAHAN	POLISI / PENGURUSAN
Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat dan Dewan Negara	17	9	-
Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat dan Dewan Negara	6	5	2
Mesyuarat Ketiga Dewan Rakyat dan Dewan Negara	10	1	11
	33	15	13

KERTAS JEMAAH MENTERI

Persetujuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah diperolehi bagi perkara-perkara berikut:

- Penganjuran *The 8th Anti-Corruption Agency Forum* di Kuala Lumpur, 24 – 25 Mei 2017;
- SPRM bagi pihak Kerajaan, menandatangani *Accreditation of Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Basic Accredited Training Course* dengan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom (UK) pada 24 Oktober 2017 dan melaksanakan akreditasi terhadap Kursus Asas Pegawai SPRM.

PEMBENTANGAN PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG (RUU) SPRM DI PARLIMEN

Proses perbincangan dan penyediaan RUU ini telah dimuktamadkan dengan Jabatan Peguam Negara pada 20 Jun 2017 berhubung penambahbaikan terhadap beberapa peruntukan di dalam ASPRM 2009 bagi membolehkan Memorandum Jemaah Menteri mengenai RUU SPRM (Pindaan) dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapat persetujuan pembentangan dalam sesi Parlimen berikutnya.

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2017, keterlibatan dan pencapaian Malaysia-SPRM dalam usaha pembanterasannya rasuah di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

UNITED NATIONS CONVENTION AGAINST CORRUPTION (UNCAC)

Penilaian UNCAC ke atas Malaysia

Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota yang sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif antirasuah yang disarankan di bawah UNCAC. Inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah Malaysia dari pelbagai aspek telah dinilai oleh pihak UNODC dalam dua kitaran (*review cycle*) mengikut artikel-artikel spesifik yang dikelaskan dalam lima bab (Chapter I – V) UNCAC. Butiran penilaian Kitaran Pertama dan Kedua terhadap Malaysia adalah seperti berikut:

1st Review Cycle: 2012 / 2013 (Penilaian Kitaran Pertama)

- Penilai: Kenya, Filipina dan Sekretariat UNODC
- Artikel (UNCAC): 15 hingga 42 dari Chapter III – *Criminalization and Law Enforcement*
- Artikel (UNCAC): 44 hingga 50 dari Chapter IV – *International Cooperation*


2nd Review Cycle: 2017 (Penilaian Kitaran Kedua)

- Penilai: UNODC Sekretariat, Swaziland and Timor-Leste
- Artikel (UNCAC): 5 hingga 14 dari Chapter II – *Preventive Measure*
- Artikel (UNCAC): 51 hingga 57 dari Chapter V – *Asset Recovery*

Malaysia berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC (Kitaran Pertama) dalam masa setahun seperti mana yang ditetapkan oleh Implementation Review Group (IRG).

Untuk Penilaian Kitaran Kedua, SPRM telah melengkapkan *Self Assessment Check List (SACL)* mengikut templat yang disediakan oleh UNODC pada Mac 2017. Selepas sesi penilaian oleh Sekretariat UNODC, Swaziland dan Timor-Leste pada Julai 2017, UNODC telah mengeluarkan *Executive Summary* dan Laporan Penuh kepatuhan UNCAC yang mengenal pasti enam amalan Malaysia terbaik dalam sektor Pencegahan dan enam lagi di sektor Pemulihan Aset. Laporan ini juga mengesahkan bahawa Malaysia telah mematuhi kesemua kehendak mandatori Artikel dari Bab II (Pencegahan) dan Bab V (Pemulihan Aset). Inisiatif-inisiatif antirasuah yang disarankan di bawah UNCAC sebagaimana **RAJAH 1**.

RAJAH 1 : Inisiatif Antirasuah Di Bawah UNCAC



CONFERENCE OF THE STATES PARTIES TO THE UNCAC



Lokasi

Vienna

Tarikh

2-6 November 2017



Perwakilan SPRM

Dato' Abdul Samat Kasah
(Pengarah Bahagian
Pendidikan Masyarakat SPRM)

PPj Azahari Karim
(Jabatan Siasatan)

PPj Nik Nurzai
Zainudin
(Ketua Cawangan Hal Ehwal
Antarabangsa, PEKP)

PPj Premraj Victor
(Cawangan Hal Ehwal
Antarabangsa, PEKP)



Ulasan

Dato' Abdul Samat Kasah
(Pengarah Bahagian
Pendidikan Masyarakat SPRM)

PPj Azahari Karim
(Jabatan Siasatan)

PPj Nik Nurzai
Zainudin

ANTI-CORRUPTION AGENCY (ACA) FORUM



Tema: "The Role of Society Towards the Fight against Corruption and Building Integrity"

Objektif:

ACA Forum ialah satu platform untuk 'Policy Dialogue' yang ditubuhkan pada November 2002 di Seoul, Korea di bawah penganjuran **Anti-Corruption and Civil Rights Commission of Korea (ACRC)** dengan keanggotaan oleh agensi pencegahan rasuah dari tujuh buah negara rantau Asia Pasifik (Australia, Hong Kong (China), Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina dan Singapura).

Objektif Penubuhan ACA Forum:

1. Bekerjasama dan melakukan tindakan bersama dalam perbincangan antarabangsa mengenai isu-isu antirasuah;
2. Membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama mengenai pelaksanaan perjanjian antirasuah di peringkat antarabangsa dan serantau
3. Meningkatkan kapasiti agensi antirasuah melalui pertukaran pengalaman dan amalan-amalan terbaik.



1 Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi ACA FORUM kali ke-8 pada tahun 2017

2

3

4

PENGLIBATAN

Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi ACA FORUM kali ke-8 pada tahun 2017

PEMERHATI

1) Biro Mencegah Rasuah (BMR), Brunei Darussalam

2) *Agency Against Corruption (AAC)*, Taiwan

PEMBENTANGAN

1. Tetamu daripada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) SPRM
2. *Transparency International (TI)* Korea dan *UNDP's Global Anti-Corruption Initiative (GAIN)*, *Bureau for Policy and Programme Support*
3. Pembentang dari empat negara anggota dan dua pemerhati.

AHLI - AHLI

1. Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia
2. *The Anti-Corruption and Civil Rights Commission (ACRC)*, Korea
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC)
4. *The Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB)*, Singapore

SOUTH EAST ASIA PARTIES AGAINST CORRUPTION (SEA-PAC)



Objektif

Seiring dengan Artikel 48 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan pencegahan rasuah (UNCAC), forum yang menghimpunkan agensi - agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara ini adalah bertujuan untuk:

- 1) Berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek pencegahan rasuah bagi mengukuhkan usaha bersama dalam aspek pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara;
- 2) Meningkatkan kapasiti dalam mencegah dan membanteras rasuah melalui jalinan kerjasama di kalangan agensi-agensi antirasuah berkaitan.



PENGLIBATAN

- 1) Malaysia diberikan penghormatan dengan pemilihan sebagai Sekretariat Tetap bagi *Meeting of Parties to the Memorandum of Understanding on Preventing & Combating Corruption* yang diwujudkan di bawah inisiatif SEA-PAC.
- 2) SPRM adalah sebuah ahli agensi SEA-PAC
- 3) Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat SEA-PAC pada tahun 2008 dan 2014
- 4) SEA-PAC diterima sebagai entiti di bawah ASEAN pada 8 Februari 2017

AHLI - AHLI



Brunei Darussalam, Biro Mencegah Rasuah



Cambodia, Anti-Corruption Unit



Indonesia, Corruption Eradication Commission



Laos, People's Democratic Republic, State Inspection and Anti-Corruption Authority



Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Myanmar, Anti-Corruption Commission



Philippines, Office of the Ombudsman



Singapore, Corrupt Practices Investigation Bureau



Thailand, National Anti-Corruption Commission



Vietnam, The Government Inspectorate of Vietnam

PEMBENTANGAN

- 1) Tetamu daripada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) SPRM;
- 2) *Transparency International (TI) Korea dan UNDP's Global Anti-Corruption Initiative (GAIN), Bureau for Policy and Programme Support.*


ANTICORRUPTION MAN



ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC)




Asia-Pacific Economic Cooperation



Malaysia mempunyai keanggotaan di dalam APEC melalui SPRM selaku *Focal Point* mewakili Malaysia berperanan melaporkan status pelaksanaan terkini inisiatif di bawah UNCAC dan inisiatif-inisiatif baru pencegahan rasuah oleh Malaysia dalam mesyuarat tahunan Senior Official Meeting (SOM), ACTWG dan ACT-NET.

Malaysia dijangka akan menganjurkan Persidangan APEC pada tahun 2020 di samping turut menganjurkan Mesyuarat Tahunan ACTWG dan ACT-NET bagi membincangkan agenda pencegahan rasuah global bersama wakil-wakil persidangan.

Perjanjian Persefahaman, Pembentangan Kertas Kerja/Mesyuarat dan Kursus di Arena Antarabangsa



Jalinan Kerjasama Antarabangsa – Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA)

SPRM telah menandatangani 17 MoU/MoA antarabangsa sejak tahun 2004 dan telah menandatangani satu MoA dengan Nottingham TRENT University (NTU), United Kingdom bagi program akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM pada 24 Oktober 2017. Majlis menandatangani MoA ini telah diadakan di NTU, United Kingdom. MoA telah ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad bagi pihak SPRM dan *Pro Vice Chancellor Cilian Ryan* bagi pihak NTU.

Daripada 17 MoU/MoA yang telah ditandatangani ini, 13 daripadanya berstatus aktif seperti **JADUAL 30**

JADUAL 30: Senarai MoU/ MoA

BIL.	NEGARA	AGENSI	TARIKH
1	United Kingdom	Nottingham TRENT University, UK	24/10/2017
2	Indonesia	Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia	30/10/2013
3	Kyrgyz Republic	National Agency of the Kyrgyz Republic on Corruption Prevention	06/06/2008
4	Singapore	Corrupt Practice Investigation Bureau (CPIB), Singapore	15/12/2004
5	Brunei	Anti-Corruption Bureau (ACB), Brunei	15/12/2004
6	Republic Azerbaijan	Anti-Corruption Directorate with the Prosecutaor General (ACD), Republic Azerbaijan	04/02/2016
7	Timor Leste	Commission Anti-Corruption (CAC), Timor Leste	03/09/2015
8	Maldives	Anti-Corruption Commission (ACC), Maldives	03/09/2015
9	Bhutan	Anti-Corruption Commission (ACC), Bhutan	11/03/2015
10	Thailand	National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand	06/10/2012
11	Vietnam	Government Inspectorate of Vietnam (GIV)	02/04/2010
12	Austria	Federal Bureau of Anti-Corruption (BAK), Austria	23/05/2014
13	Austria	International Anti-Corruption Academy (IACA), Austria	06/10/2012

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kali ketiga di antara SPRM dan National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand



Tema: "Cooperation Outweighs Competition"

Objektif:

Platform bagi perkongsian pengalaman dan amalan terbaik dalam pencegahan rasuah di samping mengukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi ini.

Lokasi:

Pelangi Beach Resort & Spa, Langkawi, Kedah Darul Aman

Tarikh:

30-31 Oktober 2017

Delegasi SPRM:

15 orang pegawai yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi), Datuk Seri Azam Baki.

Delegasi NACC:

Seramai 12 delegasi yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Agung (*Deputy Secretary General*), Sakhchai Maytineepisankul.



Mesyuarat Dua Hala kali ke-13 di antara SPRM dan Biro Mencegah Rasuah (BMR), Brunei



Objektif:

Perbincangan isu-isu yang berkaitan dengan siasatan, perisikan, pencegahan latihan dan kerjasama antara kedua-dua agensi khususnya pencegahan jenayah rasuah rentas sempadan.

Lokasi:

Hatten Hotel, Melaka

Tarikh:



22 April 2017

Delegasi SPRM:

Diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Datuk Seri Azam Baki, serta 15 pegawai-pegawai kanan SPRM.


Delegasi BMR:

20 pegawai kanan BMR



SUKAN

Sukan Kerjasama *Tripartite* di antara SPRM, CPIB Singapore dan BMR Brunei



Objektif:

Mengukuhkan jaringan kerjasama yang telah terjalin antara ketiga-tiga agensi terutamanya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mencegah jenayah rasuah rentas sempadan melalui program sukan.



Lokasi:

Program yang berlangsung serentak dengan Mesyuarat Dua Hala kali ke-13 di antara SPRM & BMR Brunei ini turut disertai oleh CPIB Singapore di Melaka, Malaysia




Delegasi SPRM:

Sejumlah 110 orang peserta mewakili ketiga-tiga agensi iaitu SPRM, BMR Brunei & CPIB Singapore yang masing-masing diwakili seramai 46, 15 dan 49 orang peserta.



Tarikh:

22 April 2017



Acara Sukan:

Acara yang dipertandingkan antaranya ialah sukan futsal, badminton, bola keranjang dan boling.

Kejuaraan:

SPRM telah berjaya mengekalkan kejuaraan selaku juara keseluruhan sejak temasya sukan ini dianjurkan pada tahun 2014.

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN, PEMBENTANGAN KERTAS KERJA/MESYUARAT DAN KURSUS DI ARENA ANTARABANGSA

Sebagai sebuah organisasi yang komited dalam memerangi jenayah rasuah menerusi pendekatan-pendekatan yang diiktiraf dunia, SPRM berterusan menjadi rujukan kepada organisasi/pertubuhan/agensi antarabangsa. Sepanjang tahun 2017, seramai 125 orang delegasi dari lapan buah negara dan badan antarabangsa telah membuat kunjungan lawatan kerja ke SPRM. Butiran lawatan adalah seperti **JADUAL 31**.

JADUAL 31: Senarai Lawatan Kerja Negara luar ke SPRM

NO.	PROGRAM	BILANGAN DELEGASI	TARIKH	PEMBENTANG	TAJUK PEMBENTANG
1.	Lawatan Kerja Audit Institute of Sri Lanka	80	8/1/2017 (1 hari)	PPj Shamina Ali, PEKP	<i>Structure and Function of MACC</i>
2.	Lawatan Kerja Parliamentary Institute of Cambodia	8	24 – 25/1/2017 (2 hari)	KPKPj Mohd Hafaz Nazar, PEKP	<i>Anti-Corruption Law & Related Enforcement in Malaysia</i>
3.	Lawatan Kerja Timbalan Menteri National Bureu of Corruption Prevention and DG of Department of International Cooperation (CCDI & MOS), China	5	14/4/2017 (1 hari)	1. PPj Jayantha Sen Gupta, PENMAS 2. PPj Jayantha Sen Gupta, PENMAS	1. <i>Function and Roles of Community Education Division of MACC</i> 2. <i>Corruption Prevention in Malaysia: Challenges, Best Practices and Success Chapters</i>
4.	Kunjungan Hormat dari Anti Corruption Commission of Bhutan (ACC)	2	2/10/2017 (1 Hari)	PPj Shamina Ali, MACA	<i>Overview and Function of MACA</i>
5.	Kunjungan Hormat dari Commission to Investigate Allegations of Bribery or Corruption (CIABOC) Sri Lanka	2	2/10/2017 (1 Hari)	PPj Shamina Ali, MACA	<i>Overview and Function of MACA</i>
6.	Kunjungan Hormat dari Anti Corruption Commission (ACC) Bangladesh	1	2/10/2017 (1 Hari)	PPj Premraj Victor a/l Isaac Dawson Martin Victor, PEKP	<i>Overview and Function of MACA</i>

7.	3rd Bilateral Meeting and Working Group MACC & NACC Thailand	12	30 – 31/10/2017 (2 hari)	1. Pengarah-pengarah SPRM Negeri (Zon Utara) & Pengarah Jabatan Perisikan 2. Mohd Shahril bin Che Saad, Jabatan Siasatan	1. Joint Programme between MACC States and NACC 2. Foreign Mutual Investigation Assistance (FOMIA)
8.	Lawatan kerja Government Inspectorate of Vietnam (GIV)	15	21 – 23/11/2017 (3 hari)	1. Premraj a/l Isaac Dawson Victor, PEKP 2. Karunanithy a/l Y Subbiah, BPMP 3. PsK Syed Aswadi bin Syed Soffian, BFT	1. Introduction to MACC 2. Introduction to Consultation & Inspection Division 3. Introduction to Forensic Technology Division



Pengalaman, Perkongsian Amalan Terbaik Dan Kepakaran Oleh SPRM Di Luar Negara

Kesungguhan SPRM dalam usaha pembanterasannya rasuah mendapat perhatian antarabangsa dan ianya diterjemahkan melalui jemputan dalam pembentangan di pelbagai forum besar pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa. Skop pembentangan adalah meliputi perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan kepakaran dari aspek operasi, pencegahan dan pendidikan di 19 sesi pembentangan antarabangsa seperti **JADUAL 32**:

PKPj. Mohamad Tarmize Abdul Manaf membentangkan kertas kerja bertajuk "Education in schools and universities on anti-corruption" di Vienna, Austria.

JADUAL 32: Pembentangan di Forum Pencegahan Rasuah Peringkat Antarabangsa

NO.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PEMBENTANG	TAJUK PEMBENTANG
1.	Lawatan Kerja ke Anti-Corruption and Civil Right Commission, South Korea	Sejong, South Korea	4 – 11/2/2017 (8 hari)	Dato' Shaharuddin bin Khalid, Pejabat Penasihat Undang-Undang, SPRM	MACC's Best Practices in Corruption Prevention
2.	Expert Group Meeting on Secondary Education	Vienna, Austria	13 – 15/2/2017 (3 hari)	Than Chew Keok, PENMAS	Education System in Malaysia
3.	24th APEC ACTWG Meeting	Nha Trang, Vietnam	18 – 20/2/2017 (3 hari)	PPj Mohd Nur Lokman bin Samingan, PENMAS	Roles of Social Organization and the Citizens in Anti Corruption
4.	Lawatan Kerja ke Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong	Hong Kong	24/2/2017 (1 hari)	Nazran bin Mohd Sham, Pejabat Ketua Pesuruhjaya, SPRM	Anti-Corruption Best Practices
5.	Lawatan Kerja ke Commission Against Corruption (CAC) Macau	Macau, China	27/2/2017 (1 hari)	Nazran bin Mohd Sham, Pejabat Ketua Pesuruhjaya, SPRM	Anti-Corruption Best Practices
6.	5th Economic Crime Agency Network (ECAN) Annual Meeting	London, United Kingdom	22 – 24/3/2017 (3 hari)	PKPj Mohd Azwan bin Ramli, Jabatan Siasatan, SPRM	Sharing of Experience: "Ops El Nino"
7.	Bilateral Meeting between MACC and European Union Agency (for Law Enforcement Cooperation)	The Hague, Netherland	25/4/2017 (1 hari)	KPKPj Mohd Hafaz bin Nazar, PEKP	Roles and Functions of MACC

8.	Bilateral Meeting between MACC with Dutch Anti-Corruption Authority	Amsterdam, Netherland	26/4/2017 (1 hari)	KPKPj Mohd Hafaz bin Nazar, PEKP	Roles and Functions of MACC
9.	The ICAC International Seminar on Financial Investigation	Hong Kong	9 – 10/5/2017 (2 hari)	PKPj Mohd Azwan bin Ramli, Jabatan Siasatan, SPRM	Asset Tracing in MACC
10.	13th South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Secretariat Meeting	Nay Pyi Taw, Myanmar	11 – 12/5/2017 (2 hari)	PPj Shamina binti Ali, PEKP Ps Mugilen a/l Maniam, PEKP	Anti Bribery and Corruption Laws in Malaysia
11.	8th Anti-Corruption Agency (ACA)	Kuala Lumpur, Malaysia	24 – 25/5/2017 (2 hari)	Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pengerusi, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, SPRM)	Society's Role in the Fight Against Corruption and Building Integrity
12.	7th INTERPOL / Star Global Focal Point Annual Conference on Asset Recovery	Ottawa, Canada	6 – 9/6/2017 (4 hari)	TPj Fikri bin Ab Rahim, AMLFOP	Malaysia's Perspective on Stolen Asset Recovery
13.	8th Session of the Implementation Review Group and Intersessional Meeting	Vienna, Austria	16 – 23/6/2017 (8 hari)	Tuan Chuah Chang Man, PEKP	The Review Mechanism - The Malaysian's Experience on The Review Process
14.	ACTWG – Progress & Development on the Fight against Corruption in the Implementation of the UNCAC & other Transparency & Anti Corruption Initiatives	Ho Chi Minh, Vietnam	18 – 22/8/2017 (5 Hari)	KPKPj Mohd Hafaz bin Nazar, PEKP	Anti-Corruption Initiatives in Malaysia (Country Report)

15.	UNCAC Working Group on Prevention: Panelists	Vienna, Austria	21 – 23/8/2017 (3 hari)	PKPj Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf, PENMAS	Education in Schools and Universities on Anti-Corruption
16.	6th Session of the Assembly of Parties – IACA	Sharm El Sheikh, Egypt	2 – 4/10/2017 (3 hari)	YB. Dato' Razali Ibrahim, JPM	Country Paper
17.	UNAFEI – The 11th Regional Seminar on Good Governance for Southeast Asian Countries	Hanoi, Vietnam	17 – 19/10/2017 (3 hari)	KPKPj Mohd Anuar bin Ismail, BOK	Best Practices in Anti-Corruption: A Decade of Institutional and Practical Development in Southeast Asia
18.	Conference of the States Parties to the United Nations Convention against Corruption	Vienna, Austria	6 – 10/11/2017 (5 hari)	Dato' Abdul Samat bin Kasah, Pengarah PENMAS	Country Paper
19.	Regional Workshop on Identifying Risk of Economic Crime & Corruption in the Fishery Sector	Bangkok, Thailand	19 – 21/11/2017 (3 hari)	Dato' Azmi bin Kamaruzaman, Jabatan Perisikan	Corruption in Fishery Sector: Issues & Proactive Action

PENGUBALAN KERTAS DASAR SPRM

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 18 kertas dasar telah dikeluarkan bagi memastikan pemakaiannya mengikut kehendak undang-undang dalam membantu SPRM menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan:

Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya	2
Arahan (KP / TKP(O) / TKP(P) / TKP(PP))	1
Surat Arahan (KP / TKP(O) / TKP(P) / TKP(PP))	15

Pelan Strategik SPRM (2017 - 2020)

Pelan strategik merupakan usaha bagi merangka halatuju dan strategi yang lebih jelas ke arah pencapaian visi dan misi yang ditetapkan. Pelan strategik SPRM 2017-2020 telah dilancarkan pada 30 Mac 2017.

Pelan Strategik ini memberi penekanan kepada mempergiatkan lagi usaha-usaha pencegahan rasuah di sektor sasaran utama Negara serta berusaha mengekang ketirisan dana awam dan penyelewengan hasil negara. Pelan ini turut memberi penekanan kepada konsep mesra rakyat dengan meningkatkan inisiatif mendekati rakyat agar masyarakat terus yakin dan memberi sokongan kepada SPRM.

Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH)

Pelancaran GERAH dibuat pada 8 Mei 2017 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad untuk menjadikan rasuah dan salah guna kuasa sebagai musuh nombor satu negara. Program ini selaras dengan slogan 'SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah' iaitu mendekati dan memahami permasalahan rakyat di samping menimbulkan kegerunan di kalangan perasuah. Lokasi GERAH tahun 2017 antaranya melibatkan hab pengangkutan, institusi kesihatan, bazar ramadan bagi mendekati masyarakat seterusnya mempromosi kempen 3J, 'Jangan Hulur, Jangan Kautim, Jangan Settle'.

Sahabat GERAH

Sahabat GERAH SPRM dilancarkan pada 1 Ogos 2017 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad. Penyertaan sebagai Sahabat GERAH ini adalah bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah dan menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi memastikan rasuah diperangi habis-habisan.

Jalinan Kerjasama Strategik

SPRM sentiasa menggiatkan kerjasama dengan agensi-agensi luar terutama dalam bidang penguatkuasaan, pencegahan, latihan, pendidikan dan pengukuhan dalaman agensi sebagai usaha meningkatkan keberkesanan pencegahan rasuah. Sepanjang tahun 2017, sebanyak tiga agensi berikut telah menjalinkan kerjasama strategik dengan SPRM sebagaimana **JADUAL 33**.

JADUAL 33: Jalinan Kerjasama Strategik Antara SPRM dan Agensi Luar

AGENSI	TARIKH TANDATANGAN
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	16 Mei 2017
Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)	13 Jun 2017
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)	17 Julai 2017

Bengkel Hala Tuju SPRM 2018

Pada bulan November 2017, Tan Sri Dzulkipli Ahmad telah mencetuskan idea dan inisiatif bagi melihat Hala Tuju SPRM pada Tahun 2018. Inisiatif ini dicetuskan supaya setiap pelaksanaan dan gerakan SPRM pada tahun 2018 mengikut landasan yang tepat dan memberi impak yang besar sama ada di dalam Operasi, Pencegahan dan Pendidikan dengan misi untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa menjelang tahun 2020.

PEKP telah diberi amanah oleh Pengurusan Tertinggi untuk memikirkan dan menterjemahkan melalui analisis data sama ada daripada sumber dalaman SPRM dan agensi luar melibatkan fokus yang telah diberikan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi. Melalui amanat berkenaan, PEKP telah membentuk satu Pasukan Khas untuk mendapatkan data-data dalaman daripada Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM), Biro Pengaduan Awam (BPA) serta Jabatan Audit Negara (JAN). Sebanyak 20,253 data yang merupakan maklumat yang diperolehi daripada BPRTM, SPRM (11,537 maklumat), BPA (3,649 maklumat) dan JAN (5,067 maklumat) bagi tempoh 2013 hingga 2017 (lima tahun) telah dianalisis seterusnya dibentangkan di dalam Bengkel Perancangan Hala Tuju

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tahun 2018 Siri 1/2017 pada 14 hingga 16 Disember 2017. Bengkel yang dihadiri oleh Timbalan Pengarah SPRM Negeri dan Bahagian ini telah diadakan di Palm Garden Hotel, Putrajaya dan dirasmikan oleh Ketua Staf PEKP, Dato' Norazlan Mohd Razali. Pada 29 Disember 2017 telah diadakan Mesyuarat Hala Tuju 2018 yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

ENVIRONMENTAL PROTECTION AGAINST CORRUPTION CAUCUS (EPACC)

Penubuhan EPACC diumumkan oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM semasa Program Diskusi Rasuah dan Alam Sekitar di Putrajaya pada 3 April 2017



Tujuan:

- 1) Bagi menjalinkan rangkaian kerjasama strategik antara SPRM dengan badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pakar-pakar alam sekitar dalam usaha perkongsian maklumat bagi memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa melibatkan isu-isu alam sekitar di Malaysia;
2. Bagi membantu membanteras jenayah alam sekitar seperti aktiviti pembalakan haram, pencemaran sungai dan ekosistem, penyeludupan hidupan liar, penerokaan tanah secara haram dan sebagainya bagi mengelakkan kejadian bencana alam yang tidak diingini seperti tragedi banjir, tanah runtuh dan hakisan tanah daripada berulang;
3. Bagi membolehkan perhatian yang lebih serius dan tindakan segera dapat diambil oleh SPRM terhadap para pelaku rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam isu-isu berkaitan alam sekitar; dan
4. Bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap isu-isu penguatkuasaan berkaitan alam sekitar di Malaysia.

Maklumat Aduan

Sejak penubuhan EPACC, terdapat maklumat yang berkaitan dengan isu pembalakan dan alam sekitar telah disalurkan untuk diambil tindakan.

Aktiviti:

1. Program Diskusi Rasuah dan Alam Sekitar Siri 1 / 2017 (3 April 2017)
2. Program Diskusi Rasuah dan Alam Sekitar Siri 2 / 2017 (12 September 2017)
3. Penerbitan artikel bertajuk "EPACC Selamatkan Khazanah Alam" (Disiarkan oleh akhbar Utusan Malaysia pada 18 September 2017)



PROGRAM ZIARAH KASIH 2017



18 - 19 FEBRUARI 2017
20 - 21 MEI 2017
20 OGOS 2017
12 NOVEMBER 2017



EMPAT NEGERI IAITU KEDAH,
KELANTAN, NEGERI SEMBILAN
DAN SABAH.

Program Ziarah Kasih SPRM yang dilancarkan pada 18 Februari 2017 ini merupakan cetusan idea Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad sebagai platform untuk SPRM mendekati masyarakat sekaligus meraih sokongan dan menyebarkan mesej anti-rasuah. Program ini juga menjadi simbol keprihatinan SPRM terhadap masyarakat yang memerlukan dan usaha SPRM untuk meraih sokongan masyarakat dalam menyalurkan maklumat untuk diambil tindakan.

Program Ziarah Kasih SPRM Siri 1 hingga 4 tahun 2017 berlangsung di empat negeri iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Sabah.

Ziarah Kasih Siri 1/2017: 18 – 19 Februari 2017



Melibatkan penyertaan 2,000 penduduk kampung di Baling, Kedah melalui pelbagai aktiviti seperti kenduri rakyat, acara korban dan sukan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara pihak SPRM dan penduduk tempatan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan pengurusan tertinggi SPRM turut menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kubur, memotong rumput dan acara tarik tali, manakala kaum wanita menyertai pertandingan memasak pulut kacang dan gubahan bunga.

Program Ziarah Kasih SPRM ini mencerminkan semangat perpaduan yang terjalin antara masyarakat dan SPRM serta menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial SPRM dalam mendekati rakyat.

Ziarah Kasih Siri 2/2017: 20 – 21 Mei 2017

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad turut mengagihkan sejumlah 2,000 sumbangan makanan kepada penduduk kampung di Kuala Krai, Kelantan. Beliau juga turut menyertai sukan rakyat dan gotong royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Manek Urai bersama penduduk kampung seramai 4,000 orang, manakala di kalangan kaum wanita tempatan diadakan pertandingan memasak kuih tradisional.



Program ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil serta Pengarah-pengarah SPRM Bahagian dan Negeri.

Ziarah Kasih Siri 3/2017: 27 Ogos 2017

Program Ziarah Kasih Siri 3/2017 dihadiri oleh 5,000 orang penduduk dari empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Daerah Jelevu iaitu Chennaih, Pertang, Sungai Lui dan Klawang.



Pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan melukis, memasak dan gubahan serta acara-acara sukan rakyat seperti boling kelapa, terompah gergasi dan kerusi muzik. Sebanyak 4,000 bungkusan sumbangan berbentuk barang keperluan dapur turut diberikan kepada penduduk-penduduk di empat kawasan DUN tersebut. Program Ziarah Kasih siri 3 ini berjaya mengumpulkan seramai 2,000 ahli baru Sahabat GERAH.

Turut memeriahkan program ini ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato Sri Mohd Jamidan Abdullah; ADUN Pertang, YB Dato Jalaluddin Alias; ADUN Klawang, YB Dato Yunus Rahmat; ADUN Sungai Lui, YB Mohd Razi Mohd Ali serta Pengarah-pengarah SPRM Bahagian dan Negeri.

Ziarah Kasih Siri 4/2017: 12 November 2017

Lebih 5,000 penduduk dari empat daerah iaitu Keningau, Tambunan, Nabawan dan Tenom menyertai dan menyaksikan acara-acara yang dilangsungkan sepanjang sehari program itu.

Antara acara yang diadakan adalah sukan rakyat, persembahan kebudayaan dan hiburan, cabutan tiket bertuah dan Pertandingan Ratu Remaja Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Majlis itu juga menyaksikan seramai 2,000 orang kurang berkemampuan dari Keningau, Tambunan, Nabawan dan Tenom menerima bantuan.

Program ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dalam ucapan perasmianya berkata, SPRM merupakan pelindung dan benteng terakhir masyarakat dalam memastikan negara ini benar-benar bebas daripada cengkaman rasuah dan salah guna kuasa. Beliau yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah menyifatkan program Ziarah Kasih SPRM itu salah satu inisiatif luar biasa yang patut dicontohi oleh semua ketua jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.



Hadir sama pada program itu, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Panglima Radin Malleh, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haji Sairin Karno, Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Datuk Bobbey Ahfang Suan, Pengarah SPRM Sabah Dato' Sazali Salbi, dan Pegawai Daerah Haji Yusop Haji Osman.

Turut hadir, Ketua Staf Pejabat Eksekutif Ketua Pesuruhjaya SPRM Dato' Norazlan Mohd Razali serta Pegawai-Pegawai Daerah, Thomas Logjijn (Tambunan), Fredian Gan (Nabawan) dan Madiyah Layapan (Tenom), dan Ketua Polis Daerah DSP Ahmad Jawila.



»» **PENGANJURAN KONVENSYEN DAN *TEAMBUILDING* SPRM 2017**



1 - 3 NOVEMBER 2017



PASIR GUDANG, JOHOR



1000 ORANG PEGAWAI & KAKITANGAN SPRM SELURUH MALAYSIA



Program yang berlangsung selama tiga hari yang bermula pada 1 November 2017 hingga 3 November 2017 ini telah diadakan di Pasir Gudang, Johor dan disertai oleh kira-kira 1,000 orang pegawai dan kakitangan SPRM seluruh Malaysia.

Konvensyen ini menggunakan tema 'Wow! Kita Luar Biasa!' sebagai simbolik kepada manifestasi semangat setia kawan, semangat muafakat dan semangat kekitaan antara warga SPRM.





Selain ceramah motivasi dan kesihatan, sebanyak lapan acara telah dipertandingkan sebagai pengisian kepada program ini melibatkan lapan zon yang mana pesertanya terdiri daripada pengurusan tertinggi dan pegawai dari setiap bahagian dan negeri. Sesi taklimat berkenaan fungsi dan faedah Yayasan Prihatin SPRM dan Koperasi SPRM Berhad (KOSPERA) yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Abdul Samat Kasah turut diadakan.

Acara sukan yang dipertandingkan pula ialah empat acara utama iaitu boling, bola sepak, bola jaring dan bola tampar manakala selebihnya merupakan acara sukan rakyat iaitu sepak raga bulatan, terompah gergasi, tarik tali dan tuju selipar dengan Zon IPJ C telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan di kemuncak program.



08

PROFESIONALISME






- **INSPEKTORAT KESELAMATAN KOMPLEKS SPRM NEGERI & AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)**
- **SISTEM KESELAMATAN IBU PEJABAT SPRM**
- **PROGRAM SPRM MEMPERKASAKAN BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT**
- **KEJOHANAN MENEMBAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**
- **LAWATAN KE LOKAP IBU PEJABAT SPRM YANG DITERIMA DARIPADA PELBAGAI AGENSI, NGO DAN PERSATUAN**
- **AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)**
- **INTEGRITI DAN PENGURUSAN PRESTASI**
- **PENGURUSAN PSIKOLOGI ORGANISASI**
- **PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**
- **PENGURUSAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**
- **JAWATANKUASA ADUAN (JKA)**
- **SAMBUTAN HARI INOVASI SPRM**

172 - 215

KESELAMATAN

INSPEKTORAT KESELAMATAN KOMPLEKS SPRM NEGERI & AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

Bahagian Keselamatan telah melaksanakan Naziran Keselamatan Perlindungan Pejabat ke atas 10 buah Kompleks SPRM Negeri termasuk Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai persediaan bagi menghadapi Inspektorat Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK).



INSPEKTORAT KESELAMATAN PERLINDUNGAN IBU PEJABAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Inspektorat Keselamatan Perlindungan di Ibu Pejabat SPRM dilaksanakan pada 16 - 17 Mei 2017 oleh KPKK yang tertumpu kepada aspek keselamatan umum, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi bertujuan untuk penambahbaikan terhadap kerja secara konsisten dan sistematik.

Secara keseluruhannya, hasil Inspektorat mendapati bahawa keselamatan perlindungan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berada pada tahap yang baik iaitu 95% kerana telah memenuhi kriteria perkara wajib seperti mana dalam Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Perlindungan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan.



“Anggota keselamatan yang juga merupakan *front-liner*, iaitu petugas di barisan hadapan adalah orang yang akan mencerminkan dan menggambarkan SPRM secara amnya. Oleh itu, *first impression* yang baik adalah penting agar dapat memberikan impak positif dan menaikkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM”

Dato' Sri Mohd. Jamidan Abdullah,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)



PROGRAM PEMANTAPAN KAWALAN KESELAMATAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



12 -15 September 2017



Port Dickson, Negeri Sembilan

Objektif:

- Memahami mengenai dasar, prosedur dan arahan-arahan kawalan keselamatan oleh kerajaan khususnya dasar-dasar baru oleh Pengurusan Tertinggi SPRM.
- Meningkatkan kompetensi dalam pelaksanaan sistem kawalan keselamatan perlindungan di pejabat dan menitikberatkan aspek keselamatan supaya terhindar dari ancaman.
- Meningkatkan tahap kesedaran dan sikap bertanggungjawab kepada pelanggan serta perilaku warga SPRM semasa menjalankan tugas ke arah mewujudkan perkhidmatan.

Antara pengisian program adalah:

- Taklimat oleh Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Negeri Sembilan.
- Teori dan latihan pertolongan cemas oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- Taklimat komunikasi berkesan oleh Kaunselor, Cawangan Kaunseling, Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi.
- Taklimat Integriti oleh Pengarah Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi.



Peserta program bergambar bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)



Latih amal Pertolongan Cemas oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

MESYUARAT PENGURUSAN KESELAMATAN JABATAN SPRM TAHUN 2017

Objektif utama pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan Keselamatan Jabatan untuk mengenal pasti dan menyelaraskan isu-isu keselamatan perlindungan dan teknologi bagi mengelakkan pelanggaran keselamatan. Penyelesaian isu berpandukan kepada akta-akta berkaitan, Arahan Keselamatan, Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya dan Surat-Surat Arahan.





Mesyuarat Pengurusan
Keselamatan Jabatan
SPRM Bil. 16 Siri 2 / 2017

8 November 2017

Kompleks Pejabat
SPRM Johor

SISTEM KESELAMATAN IBU PEJABAT SPRM

Kompleks Ibu Pejabat SPRM yang serba canggih dilengkapi dengan sistem keselamatan terkini bagi menjamin keselamatan warga kerja SPRM dan pelawat yang berurusan dengan pihak SPRM.

a) BUILDING SECURITY SYSTEM (BSS) (334 UNIT KAMERA LITAR TERTUTUP)



b) SISTEM PENGURUSAN KAD AKSES (CARD ACCESS MANAGEMENT SYSTEM - CAMS)

Kad Akses boleh digunakan pada sistem seperti berikut:



Reader Access ke Pejabat



Time Attendance Management System



Turnstile



Barrier Gate

c) SISTEM PENGURUSAN PELAWAT

Kaunter Keselamatan di Lobi Blok A
(Urusan Pas Pelawat)



Visitor Management System (VMS)

Mesin Pengimbas Beg dan Pelawat di Blok B



d) SISTEM KAWALAN KESELAMATAN



Balai Pengawal di Pintu Masuk Utama

Mesin Pengimbas di Lobi SPRM



Kaunter Keselamatan di Lobi SPRM



PROGRAM SPRM MEMPERKASAKAN BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT



09 -11 Oktober 2017



Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya

PENGISIAN PROGRAM

- Taklimat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya.
- Taklimat Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Taklimat oleh *Fire Prevention Centre*.
- Pameran oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Kempen derma darah.

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Memahami hak dan tanggungjawab majikan dan pekerja seperti yang dinyatakan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Melahirkan budaya kerja warga SPRM ke arah yang selamat dan sihat.
-



Perasmian program oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad,



Lawatan Tan Sri Dzulkipli Ahmad ke tapak pameran Agensi Penguatkuasa





KEJOHANAN MENEMBAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



26 NOVEMBER 2017



LAPANG SASAR MAKTAB
PENJARA MALAYSIA, KAJANG

Objektif :

- Meningkatkan kemahiran penggunaan senjata api;
- Meningkatkan langkah kawalan keselamatan penggunaan senjata api; dan
- Membentuk semangat kerja berpasukan dan kebersamaan serta mengeratkan ukhwah di kalangan pegawai SPRM.





KEPUTUSAN UJIAN MENEMBAK SPRM 2017

KATEGORI KETEPATAN INDIVIDU (LELAKI)

Juara	Ps Mohan Kumar (Bahagian Siasatan Khas)
Naib Juara	PKPs Abdul Hamid Ibrahim (SPRM Selangor)
Ketiga	PKPs Mohamad Fadzil Abdul Jabar (SPRM Cawangan Kemaman)
Keempat	Ps Mohamad Sabri Mohd Latif (SPRM W.P. Labuan)

KATEGORI KETEPATAN (VIP)

Juara	PPj Shukri Mohd Salleh (Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan)
Naib Juara	Dato' Zainul Darus (SPRM Perak)
Ketiga	TPj Mohamad Fauzi Husin (Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi)
Keempat	TPj Mohammad Soib Abdullah (Bahagian Keselamatan)

KATEGORI KETEPATAN INDIVIDU (PEREMPUAN)

Juara	PPs Soffi Azwa Mohd Noor (Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia)
Naib Juara	Ps Hamsia Abdul Ham (SPRM Johor)
Ketiga	PPj Roslizawati Ismail (Bahagian Pengurusan Rekod & Teknologi Maklumat)
Keempat	KPKPs Suekarni Mohamed Hashim (SPRM Perak)

KATEGORI KETEPATAN (BERKUMPULAN)

Juara	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
Naib Juara	SPRM Sabah
Ketiga	SPRM Selangor
Keempat	SPRM Pahang



Perasmian Penutup Kejoohan Menembak 2017 disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Datuk Seri Azam Baki.



Penyampaian cenderamata oleh Pengarah Bahagian Keselamatan, TPj Mohammad Soib Hj Abdullah kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Datuk Seri Azam Baki.

PEWARTAAN LOKAP SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 16 OKTOBER 2017

P.U. (B) 478

AKTA PENJARA 1995

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

PENETAPAN LOKAP SEBAGAI TEMPAT PENGURUNGAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(1) Akta Penjara 1995 [Akta 537] dibaca bersama perenggan 10(4)(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Menteri menetapkan lokap di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Presint 7, Putrajaya sebagai tempat bagi pengurungan orang, yang direman atau dihukum dengan apa-apa tempoh pemenjaraan, tidak melebihi satu bulan.

PRISON ACT 1995

MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION ACT 2009

APPOINTMENT OF LOCK-UP TO BE A PLACE OF CONFINEMENT

IN exercise of the powers conferred by subsection 7(1) of the Prison Act 1995 [Act 537] read together with paragraph 10(4)(b) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694], the Minister appoints the lock-up at the Malaysian Anti-Corruption Commission Headquarters, Precint 7, Putrajaya to be a place for the confinement of persons, remanded or sentenced to such terms of imprisonment, not exceeding one month.

Bertarikh 4 Oktober 2017

Dated 4 October 2017

[KDN.PS.S.800-5/1/1 JLD.4; PN(PU2)163/XVII]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

*Menteri Dalam Negeri/
Minister of Home Affairs*




Lapan Sel Lelaki



Empat Sel Perempuan

CARTA 16: Statistik Tahanan Di Lokap Ibu Pejabat SPRM Tahun 2017 Mengikut Kategori




Lawatan ke lokap Ibu Pejabat SPRM daripada pelbagai agensi, NGO dan persatuan




AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN MACA 2017

Sepanjang tahun 2017, pelbagai program latihan dilaksanakan oleh MACA. Daripada 57 kursus yang dirancang, MACA telah berjaya melaksanakan sebanyak 84 kursus yang melibatkan sejumlah 2,098 peserta yang terdiri daripada pegawai SPRM, agensi awam, sektor swasta dan antarabangsa.



Daripada keseluruhan 84 program latihan yang berjaya dilaksanakan, sebanyak 48 daripadanya adalah program latihan yang telah dirancang berdasarkan prospektus. Di samping itu, sebanyak 24 program latihan merupakan program *ad hoc* iaitu kursus keperluan semasa dan tidak tersenarai dalam prospektus serta 12 program latihan *customised* iaitu kursus yang dipaten khas mengikut kehendak dan keperluan klien.



Pencapaian Program Latihan MACA

Pecahan Jumlah Kehadiran Peserta Kursus Mengikut Kategori



SPRM DAN NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITY, UNITED KINGDOM: BERKOLABORASI MEMBINA LEGASI MAMPAN SPRM

Pembangunan dan pengukuhan kapasiti dan kapabiliti modal insan, yang memberi penekanan terhadap kompetensi, kelayakan dan daya saing pegawai SPRM adalah menjadi keutamaan MACA sebagai hab latihan pambanterasan rasuah Asia Pasifik. Selaras dengan itu, MACA telah menaiktaraf setiap latihan yang dilaksanakan serta mencapai akreditasi akademik setanding dengan institusi pengajian tinggi daripada dalam dan luar negara.

Pada 6 Februari 2017, Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom telah menyatakan hasrat untuk berkolaborasi dengan SPRM melalui *'Letter of Intention to Collaborate'*. Pada 13 Mac 2017, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi), Datuk Seri Azam Baki melalui majlis tandatangan, bersetuju untuk menjadkan Kursus Asas Pegawai SPRM Gred P29 sebagai tanda aras pertama.




Majlis menandatangani *'Letter of Intention to Collaborate'* di antara SPRM dan NTU di NTU UK pada 13 Mac 2017

Proses validasi Kursus Asas Pegawai SPRM telah dibuat dengan memenuhi kehendak dan kriteria *'Quality Assurance Agency'* (QAA), *United Kingdom* di hadapan Panel bebas yang dilantik oleh QAA dan berjaya melepasi piawaian kelayakan *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)*.


Perjanjian Persefahaman Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM telah termeterai pada 23 Oktober 2017 di NTU melalui perjanjian yang ditandatangani oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan *Profesor Cillian Ryan, Pro Vice Cancellor NTU*. Turut hadir menyaksikan detik bersejarah tersebut adalah Dato' Sri Ahmad Khusairi Yahaya, Dato' Norazlan Mohd Razali, Dato' Idris Zaharudin dan KPKPj Zuhairie Abu Bakar.

Program bermula pada bulan Mac 2018, akan memberi manfaat kepada 450 pegawai SPRM lantikan baru dan akan diikuti dengan program-program akreditasi untuk pegawai yang sedang berkhidmat.

Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies



*Comply with the FHEQ
Descriptor Level 5 Quality
Assurance Agency (QAA)
United Kingdom*



Kronologi Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM: SPRM-Nottingham Trent University, United Kingdom



Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Profesor Cillian Ryan, Pro Vice Cancellor NTU Menandatangani MoA SPRM dan NTU pada 24 Oktober 2017



Validation Event On Institutional and Course Approval bersama Subject Module Leaders pada 19 September 2017



Delegasi SPRM bersama NTU semasa Majlis Menandatangani MoA SPRM dan NTU pada 24 Oktober 2017



Delegasi *Validation Event On Institutional and Course Approval* pada 19 September 2017

MACA DIKTIRAF SEBAGAI PENYEDIA LATIHAN BERTAULIAH (*TRAINING PROVIDER*) HRDF

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diiktiraf sebagai Penyedia Latihan Bertauliah (*Training Provider*) di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau *Human Resource Development Fund* (HRDF) berkuat kuasa 13 Jun 2017 hingga 12 Jun 2020.

HRDF merupakan peneraju peningkatan kemahiran pekerja tempatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Peranan HRDF kini telah berkembang daripada pengurusan dana pembangunan sumber manusia kepada sebuah pusat sehati yang menyediakan penyelesaian sumber manusia yang meluas kepada perusahaan kecil dan sederhana Malaysia.

MACA merupakan satu-satunya Penyedia Latihan Bertauliah di bawah HRDF yang menawarkan kursus menjurus kepada agenda memerangi rasuah kerana MACA mempunyai tenaga pelatih yang kompeten dalam melatih agensi awam dan swasta.



KONVOKESYEN PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CEIO) KALI KE- 6

Pada 11 April 2017, Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) kali keenam telah berlangsung di Dewan Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur.

Majlis disempurnakan oleh Tan Sri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, yang turut menyampaikan Sijil Pengiktirafan kepada para graduan.

Seramai 175 graduan telah menerima pentauliah sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang terdiri daripada 151 orang CeIO Awam Siri 12 hingga 17/2016, 15 orang CeIO Swasta Siri 1/2016 dan 9 orang CeIO Antarabangsa Siri 4/2016. Sehingga April 2017, MACA telah melahirkan seramai 656 Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).



Barisan Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad menyampaikan ucapan aluan Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah kali keenam.



Barisan Penerima Sijil Pegawai Integriti Bertauliah kali ke-6

PROGRAM SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN RASUAH) UKM-SPRM

Pada 28 hingga 31 Oktober 2017, Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia kali ke 45 telah diadakan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM. Seramai sembilan graduan Pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM sesi pengajian sesi 2015-2016 dan 2016-2017 telah diraikan pada 30 Oktober 2017.




Sebahagian daripada graduan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM pada sesi Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-45

MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM

Acara tahunan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM bagi tahun 2017 telah berlangsung di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur pada 14 September 2017. Penganjuran majlis tersebut merupakan satu usaha menyahut cabaran kerajaan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Seramai 150 kadet dan 73 pegawai telah menyertai perbarisan yang disempurnakan oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM. Daripada jumlah tersebut, seramai 90 kadet merupakan peserta Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 20 Bilangan 1/2016 dan Siri 21 Bilangan 2/2016 yang menyandang jawatan Penolong Penguasa P29. Manakala seramai 60 kadet lagi merupakan peserta Siri 22, Bilangan 1/2017 yang terdiri daripada 50 penyandang jawatan Penguasa P41 dan 10 penyandang jawatan Penolong Penguasa P29.

Majlis tersebut turut menyaksikan seramai 73 pegawai SPRM yang telah menjalani Kursus Peralihan iaitu kursus kenaikan pangkat daripada pelbagai gred kepada gred P41 dan P42 (Pengurusan dan Profesional) menyertai perbarisan.



Pemeriksaan Baris oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM diiringi oleh Dato' Idris Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia



Sesi bergambar oleh Tan Sri Dzulfitri Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Pengarah MACA, pegawai Pusat Latihan Asas dan peserta Kursus Asas



Lintas hormat oleh peserta Kursus Asas yang diketuai oleh Ps Mohd Azraf Said, Pegawai Baris

INTEGRITI DAN PENGURUSAN PRESTASI

PENGUKUHAN INTEGRITI

Selaras dengan dasar kerajaan bagi meningkatkan integriti penjawat awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai menyahut objektif tersebut.

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

Program Pemantapan Integriti merupakan program bagi memenuhi aspirasi dalam konteks 'Pengurusan Modal Insan Yang Efektif'.

Objektif program:

- Meningkatkan kefahaman dan kesedaran kumpulan sasar program terhadap pemantapan integriti, etika dan profesionalisme dalam pelaksanaan budaya kerja cemerlang,
- Memperkukuhkan semangat kepimpinan melalui tauladan dan profesional dalam setiap tindakan bagi menghadapi cabaran dalam pelaksanaan tugas
- Meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam urusan dan pengendalian yang melibatkan kes-kes



Program Pemantapan Integriti di Holiday Inn, Melaka pada 25 hingga 27 April 2017



Penilaian Oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Aduan (JKA) Semasa Sesi Pembentangan Kajian Kes Peserta Program Pemantapan Integriti

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi (BIPP) telah melaksanakan lima program sepertimana **JADUAL 34**.

JADUAL 34: Program Pemantapan Integriti Tahun 2017

SIRI	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1	25 - 27 April 2017	Holiday Inn, Melaka	55 peserta terdiri daripada Pegawai SPRM dan MAIWP gred P48 hingga P52
2	18 - 20 Julai 2017	KEDA Resort, Sik, Kedah	70 peserta terdiri daripada Pegawai-pegawai SPRM, KEDA dan Alumni SMK Baling
3	4 - 7 September 2017	Institut Latihan Islam Malaysia, Besut, Terengganu (ILIM)	95 peserta terdiri daripada Pegawai SPRM dan kakitangan agensi kerajaan sekitar daerah Besut, Terengganu
4	14 - 17 November 2017	Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu, Sabah	40 peserta terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan SPRM
5	23 - 25 November 2017	Hotel Bayu dan SMK Baling, Kedah	150 peserta terdiri daripada Pegawai SPRM, penduduk dan pelajar sekolah

Kelima-lima program tersebut disertai oleh pegawai dan kakitangan SPRM di seluruh Malaysia yang terpilih. Pengisian program melibatkan Bengkel Pengendalian Kes-Kes Tatatertib, Ceramah Integriti, Ceramah Tatatertib dan Pengurusan *Stress*. Manakala bagi pembentangan Kajian dan Pembentangan Kes Tatatertib panelnya terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Aduan (JKA), Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) dan Pengarah Bahagian Integriti BIPP. Program melibatkan orang awam iaitu Persatuan Alumni Baling dan agensi-agensi kerajaan setempat melalui pelaksanaan Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH) dan Forum Integriti. Para peserta juga menyertai sesi lawatan kerja di Stesen Cari Gali Minyak dan Gas Kimanis, Sabah dan Institut Penyelidikan Perikanan Tanjung Demong, Terengganu.



Lawatan Kerja Peserta Kursus di *Fishing Research Institute (FRI)*, Besut, Terengganu

Pelan Integriti SPRM 2017-2020



Pelan Integriti SPRM 2017-2020 (PISPRM) telah dirangka bagi menjadikan SPRM sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan profesional. PISPRM telah dilancarkan pada 9 November 2017 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad sebagai simbolik kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam pelan tersebut. SPRM Bahagian dan Negeri harus melaksanakannya bagi meningkatkan integriti warga SPRM. Pelaksanaan PISPRM berasaskan kepada dua Teras Strategik iaitu Pengukuhan Organisasi dan Pemantapan Integriti Warga dengan disokong oleh tiga nilai teras SPRM iaitu Amanah, Tegas dan Adil.



Pelancaran Pelan Integriti SPRM oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad

PENGURUSAN PSIKOLOGI ORGANISASI

Sesi Kaunseling dan Perundingan

Perkhidmatan kaunseling telah disediakan oleh Unit Kaunseling bagi warga SPRM dengan fokus perkhidmatan kepada warga yang bermasalah, berprestasi rendah dan pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib melalui pendekatan pembangunan, pencegahan dan pemulihan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 25 sesi kaunseling telah dijalankan melibatkan 18 sesi untuk pegawai yang tersenarai keberhutangan serius manakala tujuh sesi lagi melibatkan rujukan daripada ketua jabatan.

Program Pengurusan Kewangan Peribadi Berhemah

Pengurusan kewangan peribadi turut menjadi salah satu aspek dalam memperkasa integriti dan pengurusan sendiri yang baik merangkumi aspek pengurusan kredit, pengurusan hutang dan perbelanjaan isi rumah secara berhemah.

Unit Kaunseling juga telah menganjurkan Program Pengurusan Kewangan Peribadi Berhemah kepada pegawai dan kakitangan SPRM yang tersenarai dalam keberhutangan serius. Program dilaksanakan pada 16 hingga 18 Ogos 2017 di Klana Beach Resort, Port Dickson melibatkan 40 orang peserta yang dikendalikan oleh kaunselor berpengalaman dalam bidang berkaitan.

Dalam program berkenaan juga, Unit Kaunseling telah membangunkan Profil Kewangan Peribadi bagi setiap peserta yang merangkumi data pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Maklumat profil tersebut juga digunakan untuk menilai dan merangka intervensi yang sesuai bagi peserta.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan dilaksanakan terhadap :

- Ibu Pejabat SPRM sebelum pengauditan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tujuan penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) tahun kewangan 2016.
- SPRM Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) SPRM bagi penambahbaikan dalaman sebelum pemeriksaan oleh Bahagian Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri (BADJPM).

Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Ibu Pejabat SPRM


Pemeriksaan awal telah dilaksanakan oleh *task force* yang diselaraskan oleh Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi (BIPP) di Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Siasatan, Jabatan Forensik dan Bahagian lain yang terpilih. Pengauditan telah dilakukan oleh tujuh orang *Task Force* yang dilantik khas dari SPRM Bahagian dan Negeri yang dilaksanakan mulai 16 hingga 20 Januari 2017 sebelum pengauditan Indeks Akauntabiliti sebenar dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan penarafan bintang.

Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah melakukan Pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) di Ibu Pejabat SPRM pada 30 Januari 2017 hingga 2 Mac 2017 terhadap lapan kawalan utama yang meliputi Pengurusan Organisasi, Bajet, Terimaan, Perolehan, Perbelanjaan, Deposit, Aset dan Stor serta Kenderaan bagi Tahun Kewangan 2016.

SPRM telah mendapat penarafan tahap **Cemerlang** iaitu prestasi lima bintang dengan markah **95.56%** pada kedudukan lapan terbaik di antara 18 agensi Kerajaan Persekutuan dalam Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun Kewangan 2016. Kedudukan prestasi kewangan Ibu Pejabat adalah seperti **CARTA 17**.

**Carta 17: Kedudukan Prestasi Pengurusan Kewangan
Indeks Akauntabiliti Ibu Pejabat SPRM
Dari Tahun 2010 hingga 2016**

**Prestasi Indeks
Akauntabiliti**



Pengauditan Pengurusan Kewangan PTJ SPRM

Pengauditan Pengurusan Kewangan PTJ SPRM dilaksanakan oleh *Task Force* yang diwakili oleh lima pegawai yang dilantik dan diselaraskan oleh Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi (BIPP). Tujuan pengauditan adalah bagi tujuan penambahbaikan segera sebelum pengauditan dilakukan oleh Bahagian Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri (BADJPM) dan seterusnya dapat mengurangkan teguran dan penemuan Audit yang dibangkitkan.

SPRM mempunyai sejumlah 22 PTJ termasuk Ibu Pejabat yang akan diaudit oleh BADJPM mengikut giliran dalam tempoh tertentu. Pada tahun 2017, Bahagian ini telah menjalankan lapan Pengauditan Pengurusan Kewangan terhadap PTJ SPRM berdasarkan perancangan Pengauditan Pengurusan Kewangan BADJPM.




IMPAK PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN DI SPRM

Pengauditan Pengurusan Kewangan di SPRM telah memberikan beberapa impak penambahbaikan terhadap organisasi seperti berikut:

- Membantu meningkatkan markah prestasi pengurusan kewangan PTJ yang dikeluarkan oleh BADJPM
- Membantu mengurangkan teguran Audit BADJPM dan Jabatan Akauntan Negara (JANM)
- Meminimakan tahap ketidakpatuhan terhadap peraturan dan prosedur kewangan dan pentadbiran
- Mempertingkatkan integriti dan akauntabiliti pegawai
- Mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan mematuhi peraturan bagi menjaga imej organisasi.



Pasukan *Task Force* sedang menjalankan Naziran Pengurusan Kewangan.



Pasukan *Task Force* sedang menjalankan Naziran Indeks Akauntabiliti di Ibu Pejabat SPRM

PENGURUSAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

1

Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2017 adalah kesinambungan daripada pengurusan KPI SPRM yang bermula pada tahun 2014. Keseluruhan 2,584 penjawat SPRM dinilai prestasi berdasarkan KPI.



2

Penetapan KPI SPRM pada tahun 2017 adalah berdasarkan keberhasilan (*outcome*) yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi SPRM. Pada 5 Januari 2017, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah melancarkan hala tuju SPRM iaitu merancang dan melaksanakan agenda memerangi jenayah rasuah. Fokus utama diberikan kepada sektor yang mempunyai implikasi ke atas ketirisan pendapatan negara, di samping membersihkan pegawai badan awam dari jenayah rasuah bagi meningkatkan integriti perkhidmatan awam. SPRM juga memberi perhatian kepada aspek membendung jenayah rasuah di dalam sektor swasta.

3

SPRM merealisasikan tiga bidang tumpuan yang dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pesuruhjaya SPRM iaitu Penguatkuasaan, Pengukuhan Organisasi, Pencegahan dan Pendidikan sebagai pendekatan strategik SPRM mesra rakyat. Pembangunan KPI SPRM tahun 2017 mengambil kira peranan dan tanggungjawab setiap penjawat mengikut hirarki kepimpinan ke arah menjadikan SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah.

MAJLIS MENANDATANGANI KPI TAHUN 2017

Majlis Menandatangani KPI SPRM 2017 telah diadakan di Dewan Serbaguna D10, Aras B2, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada 5 Januari 2017. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Pengarah Kanan Jabatan, Ketua Staf, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.



Majlis Menandatangani KPI SPRM 2017

BENGGEL POST MORTEM KPI TAHUN 2016 DAN KAJIAN PENCAPAIAN KPI SETENGAH TAHUN 2017

Bengkel diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2017 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson, Negeri Sembilan. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) telah merasmikan bengkel tersebut yang dihadiri Pengarah SPRM Bahagian dan Negeri serta 74 orang *desk officer* KPI.

Tujuan bengkel diadakan untuk membentangkan pencapaian KPI 2016 serta mengenal pasti kelemahan dan faktor-faktor pencapaian SPRM Bahagian dan Negeri. Keputusan juga dicapai dalam menangani isu-isu ketidakcapaian KPI berdasarkan penilaian setengah tahun.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan dan Profesionalisme) bersama peserta Bengkel *Post Mortem* KPI Tahun 2016 dan Kajian Pencapaian KPI Setengah Tahun 2017

BENGGEL PEMBANGUNAN, PENYELARASAN DAN PENETAPAN KPI SPRM TAHUN 2018

Pada 23 hingga 26 Oktober 2017, satu bengkel Pembangunan, Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM Tahun 2018 telah berlangsung di Felda Residence Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu. Bengkel yang dihadiri seramai 78 orang *desk officer* KPI dari SPRM Bahagian dan Negeri telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan dan Profesionalisme) bersama peserta Bengkel Pembangunan, Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM Tahun 2018

Tujuan bengkel Pembangunan, Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM Tahun 2018

- Mengkolerasikan pembangunan dan penetapan KPI SPRM 2018;
- Menilai dan mengkaji semula pencapaian KPI 2017 agar selaras dengan keperluan sebenar penetapan KPI SPRM 2018
- Menyelaraskan dan menyeragamkan semula Templat dan Kamus KPI antara SPRM Negeri dan Bahagian terutama yang melibatkan dasar dan polisi Sektor Operasi, Pencegahan dan Pengurusan
- Penambahbaikan Templat dan Kamus KPI untuk meningkatkan pencapaian KPI.

NAZIRAN INSPEKTORAT PEMATUHAN

Naziran Inspektorat Pematuhan adalah bagi memastikan setiap Perintah Tetap, arahan-arahan, peraturan-peraturan dan prosedur dilaksanakan dan dipatuhi. Pada tahun 2017 naziran dilakukan merangkumi enam domain utama iaitu:

- Pengurusan Siasatan, *Management Team-Based Investigation (MTI)*, Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS) & *Video Interviewing Room (VIR)*
- Pengurusan Rekod (Rekod Siasatan, *Information and Communication Technology (ICT)* dan *Corruption Reporting Information System (CRIS)*)
- Pemeriksaan dan Perundingan (Memberi Khidmat Nasihat Berhubung dengan Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Badan Awam dan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan)
- Pendidikan Masyarakat (Ceramah Anjuran dan Jemputan, Program Sekretariat Pencegahan Rasuah Program Pencegahan Rasuah di Institut Pendidikan Guru (SPR-IPG) dan Pameran)
- Pengurusan Keselamatan (CCTV, Pas Keselamatan, Pensenjataan, Kad Kuasa dan Lokap)
- Pengurusan Pentadbiran khususnya pematuhan waktu bekerja termasuk kad perakam waktu dan pengurusan cuti.

Kaedah yang diguna pakai bagi naziran ini adalah secara temu bual bersemuka, pemeriksaan fizikal serta semakan ke atas fail, rekod dan dokumen berkaitan. Pada tahun 2017, sebanyak sembilan sesi naziran

JADUAL 35: Sesi Naziran Inspektorat Pematuhan Tahun 2017

BIL	TEMPAT	TARIKH
1	SPRM Sabah	6 - 8 Februari 2017
2	SPRM WPKL	15 - 16 Februari 2017
3	SPRM Kelantan	7 - 8 Mac 2017
4	SPRM Johor	21 - 22 Mac 2017
5	SPRM Kedah	11 - 12 April 2017
6	SPRM Sarawak	25 - 27 April 2017
7	SPRM Pahang	16 - 17 Mei 2017
8	SPRM Selangor	15 - 16 Ogos 2017
9	SPRM Negeri Sembilan	10 - 11 Oktober 2017

IMPAK HASIL INSPEKTORAT PEMATUHAN

Perlaksanaan Inspektorat Pematuhan telah menghasilkan impak berikut:

- Menilai tahap kefahaman dan pematuhan pelaksanaan peraturan, prosedur dan kefungsiian peralatan berasaskan Domain Siasatan meliputi MTI, BGOS dan VIR, Domain Pengurusan Rekod meliputi rekod siasatan, ICT dan C-RIS, Domain Pemeriksaan dan Perundingan, Domain Pendidikan Masyarakat, Domain Pengurusan Rekod, dan Domain Keselamatan.
- Mengenal pasti beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan diambil tindakan penambahbaikan terhadap proses kerja secara konsisten bagi mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme, kompetensi dan kemahiran pegawai SPRM.



Pemeriksaan Berhubung Penggunaan BGOS di SPRM Negeri



Sesi Exit Conference dan Maklum balas Bersama Pengarah SPRM

UJIAN INTEGRITI (*INTEGRITY TESTING*)

Ujian Integriti dilaksanakan bertujuan mengukur tahap integriti warga SPRM bagi melahirkan warga SPRM yang berdisiplin dan berintegriti. Sebanyak 23 ujian Integriti dilaksanakan meliputi:

- 13 kali *Mystery Caller* dibuat melibatkan semua pejabat SPRM Negeri termasuk Ibu Pejabat (27 Disember hingga 28 Disember 2017)
- Dua kali Ujian Air Kencing (*Urine Test*) yang dilaksanakan di MACA dan SPRM Johor (bulan Mac dan September 2017)
- Dua kali Ujian Poligraf dilaksanakan ke atas warga SPRM yang disyaki terlibat dalam salah laku tertentu
- Enam kali Ujian Kejujuran yang dilaksanakan ke atas pegawai kadet yang menjalani kursus asas.



Ujian Air Kencing ke atas Kadet Kursus Asas di MACA

JAWATANKUASA ADUAN (JKA)

Bahagian Integriti dan Pengurusan Prestasi (BIPP) merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Aduan (JKA). Sebelum penubuhan BIPP tugas-tugas keurusetiaan JKA dikendalikan oleh Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme. Sepanjang tahun 2017, JKA memainkan peranan yang sangat aktif dengan penglibatan ahli-ahli JKA dalam program-program pemantapan integriti dan pencegahan rasuah. Penglibatan dan pelaksanaan tugas ini adalah selaras dengan fungsi dan tanggungjawab JKA sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

AKTIVITI JKA SEPANJANG 2017

JKA telah mengadakan mesyuarat sebanyak enam kali pada tahun 2017 termasuk dua kali Mesyuarat Khas Jawatankuasa Aduan sebagaimana **JADUAL 36**.

JADUAL 36: Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Tahun 2017

BIL	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat JKA Siri 44 Bil 1/2017	27 April 2017	Hotel Holiday Inn, Melaka
2.	Mesyuarat JKA Siri 45 Bil 2/2017	19 Julai 2017	Bendang Man Resort, Sik, Kedah
3.	Mesyuarat JKA Siri 46 Bil 3/2017	5 September 2017	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Besut, Terengganu
4.	Mesyuarat JKA Siri 47 Bil 4/2017	15 November 2017	Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu, Sabah
5.	Mesyuarat Khas JKA Bil 1/2017	19 April 2017	Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme, Putrajaya
6.	Mesyuarat JKA Bil 2/2017	18 Julai 2017	Bendang Man, Sik, Kedah

Mesyuarat JKA merupakan salah satu mekanisme pemantauan bagi meneliti dan memantau pengendalian aduan salah laku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah. Mesyuarat Khas JKA diadakan bagi membincangkan perkara yang memerlukan Jawatankuasa membuat sesuatu keputusan ke atas sesuatu isu berbangkit secara kolektif dan komprehensif seperti penyediaan Laporan Tahunan JKA.

Intipati Mesyuarat:

- Pembentangan penerimaan aduan
- Pengurusan tata tertib - pelanggaran tata kelakuan, perbuatan salah laku dan ketidakpatuhan tatacara kerja bagi tujuan pencegahan
- Membincangkan isu-isu atau permasalahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan cadangan penyelesaian
- Penambahbaikan tatacara kerja melalui pembentangan kertas perbincangan bagi tujuan penambahbaikan



Mesyuarat JKA Siri 44 Bil. 1 Tahun 2017 di Hotel Holiday Inn, Melaka



Mesyuarat JKA Siri 45 Bil. 2 Tahun 2017 di Bendang Man Resort, Sik, Kedah



Mesyuarat JKA Siri 46 Bil. 3 Tahun 2017 di ILIM, Besut, Terengganu

LAPORAN TAHUNAN JKA TAHUN 2016

Majlis penyerahan Laporan Tahunan JKA Tahun 2016 kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 9 November 2017 bersempena Hari Inovasi SPRM 2017 di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat SPRM. Laporan Tahunan tersebut merangkumi program dan aktiviti ahli-ahli JKA sepanjang tahun 2017.



Majlis Penyerahan Laporan Tahunan JKA Tahun 2016 Pada 9 November 2017

KETERLIBATAN AHLI-AHLI JKA DENGAN WARGA SPRM DAN MASYARAKAT

Ahli-ahli JKA turut menghadiri taklimat Gerakan Revolusi Antirasuah atau GERAH dan melibatkan diri dalam program-program menyebarkan mesej antirasuah di Bendang Man Resort, Sik, Kedah bagi menunjukkan komitmen dalam usaha pencegahan rasuah bersama pegawai SPRM dan masyarakat.



Ahli-ahli JKA bersama Pegawai-pegawai SPRM dan peserta-peserta Program GERAH di Sik, Kedah



Ahli-ahli JKA bersama Pegawai-pegawai SPRM dan peserta-peserta Program GERAH di Besut, Terengganu

SAMBUTAN HARI INOVASI SPRM

Pada 9 November 2017, bertempat di Ibu Pejabat SPRM telah diadakan Sambutan Hari Inovasi SPRM yang disempurnakan oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Program ini dilaksanakan bagi memastikan kreativiti dan inovasi dapat dibudayakan dalam pelaksanaan tugas warga SPRM.

Sambutan ini turut memberi pengiktirafan kepada SPRM Bahagian dan Negeri yang berjaya melaksanakan pembudayaan kreativiti dan inovasi menerusi penyampaian Anugerah Inovasi SPRM (AISPRM). Urusetia KEJAR'17 telah dinobatkan sebagai Johan AISPRM. Naib Johan adalah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat pula menerusi pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat. Manakala Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta merupakan pemenang tempat ketiga menerusi projek *Data Warehouse System*. Sebanyak lapan penyertaan telah dipertandingkan dan dinilai oleh jawatankuasa penilai yang dilantik.



Pemenang Anugerah Inovasi SPRM Sempena Sambutan Hari Inovasi SPRM 2017



Tan Sri Dzulkifli Ahmad Ketua Pesuruhjaya melawat kiosk pameran buku semasa Hari Inovasi SPRM 2017

09


PENGURUSAN & KEWANGAN

- **KHIDMAT PENGURUSAN**
- **PENGUKUHAN ORGANISASI**
- **PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU**
- **PERSARAAN**
- **PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM ICT**
- **PEMBANGUNAN SISTEM BARU**
- **PENAMBAHBAIKAN SISTEM**
- **PENYELENGGARAAN SISTEM**
- **KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**
- **BAHAGIAN KEWANGAN, AKAUN DAN PEMBANGUNAN (BKAP)**
- **BELANJAWAN**
- **PEROLEHAN**
- **BAYARAN**
- **PEMBANGUNAN**
- **ASET ALIH DAN ASET TAK ALIH**

218- 243


KHIDMAT PENGURUSAN

RAJAH 2 : Pengisian jawatan SPRM 2017



Data Perjawatan SPRM Sehingga 31 Disember 2017

CARTA 18 : Pengisian perjawatan dari 2013 hingga 2017



AGIHAN SUMBER MANUSIA 2017

RAJAH 3: Klasifikasi Pengisian Jawatan SPRM 2017



Operasi

1,564

Pencegahan

419

Khidmat Sokongan

954

JADUAL 37.: Bilangan Modal Insan Mengikut Jantina 2017

**1730**

Pegawai Suruhanjaya

**904**

Pegawai Gunasama



Etnik	Lelaki	Wanita
Melayu	1121	420
Cina	27	17
India	62	18
Lain-lain	131	53
Jumlah	1341	508


Etnik	Lelaki	Wanita
Melayu	346	357
Cina	1	7
India	7	6
Lain-lain	35	26
Jumlah	389	396

PENGUKUHAN ORGANISASI


Secara keseluruhannya, bilangan perjawatan di SPRM pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,937 dengan 2042 jawatan Pegawai Suruhanjaya dan 895 jawatan pegawai gunasama. Pengisian perjawatan pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,581 atau 87.8 peratus. Daripada jumlah tersebut, 1796 jawatan adalah pengisian perjawatan pegawai SPRM manakala baki 785 adalah pengisian jawatan pegawai gunasama. Pecahan perjawatan adalah sepertimana **RAJAH 2**. Pengisian perjawatan pada tahun 2017 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding empat tahun sebelumnya iaitu dari tahun 2013 sehingga 2016. Rujuk **CARTA 18**.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,564 pengisian jawatan adalah pengisian jawatan di Sektor Operasi, 419 pengisian jawatan di Sektor Pencegahan manakala 954 pengisian jawatan bagi Khidmat Sokongan. Rujuk **RAJAH 3**. Bilangan modal insan mengikut jantina adalah 1,730 lelaki manakala 904 wanita daripada keseluruhan pengisian pada tahun 2017. Rujuk **JADUAL 37**.

CARTA 19 : Bilangan Pengambilan Pegawai Baharu Tahun 2017



CARTA 20 : Persaraan Pegawai Dan Kakitangan SPRM 2017



NAMA PESARA**SENARAI PESARA - WAJIB**


BIL	NAMA	TARIKH BERSARA
1	Sharif bin Ijom	9 Februari 2017
2	Zainol bin Lin	14 Februari 2017
3	Dato' Muhammad Salim Sundar bin Abdullah	9 Mac 2017
4	Aminah binti Hamid	11 Mac 2017
5	Tengku Abdul Jalil bin Tengku Ahmad	19 Mac 2017
6	Dato' Hajah Latifah binti Mohd Yatim	28 Mac 2017
7	Edee a/l Ikw	19 April 2017
8	Sabri bin Abd. Ali	22 April 2017
9	Azizan bin Abd Yaziz	20 Mei 2017
10	Muhamad bin Zakaria	24 Mei 2017
11	Noraini binti Mohamad	5 Jun 2017
12	Khairul Anuar bin Haji Johari	11 Jun 2017
13	Ramzi Hannan bin M. Haroon Fahmie	5 Ogos 2017
14	Mohamad bin Hasan	9 Ogos 2017
15	Suhaimi bin Mohd Yusof	17 Ogos 2017
16	Dato' Hajah Nooraziah binti Abd Manaf	19 September 2017
17	Jahara binti Mohd Tahir	28 September 2017
18	Zainon binti Muda	4 Oktober 2017
19	Datin Sholehah @ Salehah binti Ahmad	7 Oktober 2017
20	Ong Cheng Hian	11 Oktober 2017
21	Ahmad Johari bin Baharuddin	19 Oktober 2017
22	Noor Hani binti Kamarud-din	30 Oktober 2017
23	Shahami bin Hashim	28 November 2017
24	Baharuddin bin Bahaman	2 Disember 2017
25	Mansor bin Ali	9 Disember 2017
26	Dato' Abdul Samat bin Kasah	19 Disember 2017
27	Dato' Zainal bin Adam	19 Disember 2017

SENARAI PESARA - PILIHAN

BIL	NAMA	TARIKH BERSARA
1	Khairudin bin Ramli	2 Januari 2017
2	Zainom binti Muda	2 Januari 2017
3	Norazian binti Mokhtar	2 Februari 2017
4	Azmi bin Haji Mohd	1 Jun 2017
5	Norhayati binti Bahari	1 Jun 2017
6	Razali bin Mahmood	1 Jun 2017
7	Rodziah binti Mohammad	30 Jun 2017
8	Hamidah binti Mohamad Nadzri	1 Julai 2017
9	Rusdhi bin Mohamad	1 Julai 2017
10	Zaid bin Ali	1 Julai 2017
11	Sheikh Niza Khairy bin Sheikh Mohamad	4 Julai 2017
12	Azmi bin Shamsudin	5 Julai 2017
13	Dato' Samsiah binti Abu Bakar	8 Julai 2017
14	Dato' Haji Jalil bin Jaafar	31 Ogos 2017
15	Sukhairul bin Hashim	15 November 2017

SENARAI PESARA - TERBITAN

BIL	NAMA
1	Khairudin bin Ramli
2	Zainom binti Muda

BELASUNGKAWA**KHAIRUDIN BIN RAMLI**

*Pembantu Awam
Gred H11*

Tarikh Mula Berkhidmat : 17 Februari 1997
Tempoh Perkhidmatan : 20 Tahun
Meninggal Pada: 13 Mac 2017
Tempat Bertugas Terakhir : SPRM Kedah

**NADZLAH BINTI KASIM**

*Penolong Pegawai Siasatan
Gred P32*

Tarikh Mula Berkhidmat : 1 Februari 1982
Tempoh Perkhidmatan : 35 Tahun
Meninggal Pada: 22 Mei 2017
Tempat Bertugas Terakhir : Bahagian
Siasatan



MOHD NOOR BIN YUSOP

*Pembantu Operasi
Gred N11*

Tarikh Mula Berkhidmat : 30 Januari 1984
Tempoh Perkhidmatan : 35 Tahun
Meninggal Pada: 22 Disember 2017
Tempat Bertugas Terakhir : SPRM Perlis

PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU


Bilangan pegawai baharu yang dilantik pada tahun 2017 adalah seramai 60 orang iaitu 50 pegawai gred lantikan P41 manakala 10 pegawai gred lantikan P29. sebagaimana **CARTA 19**.

PERSARAAN

Pada tahun 2017, seramai 44 pegawai dan kakitangan yang bertugas di SPRM telah bersara. Daripada jumlah tersebut, 27 orang telah bersara wajib, 15 orang telah bersara pilihan manakala dua orang telah meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dan menerima pencen terbitan. Senarai nama pegawai yang bersara adalah sepertimana di **CARTA 20**.



PEMANGKUAN PEGAWAI SPRM



PENILAIAN PEMANGKUAN PEGAWAI SIASATAN TAHUN 2017

GRED JAWATAN	GRED PEMANGKUAN	CALON
P41/42	➔ P44	145
P48	➔ P52	81

Pada tahun 2017, Bahagian ini telah melaksanakan dua penilaian pemangkuan bagi gred P41/42 ke gred P44 melibatkan seramai 145 calon dan penilaian pemangkuan bagi gred P48 ke P52 melibatkan seramai 81 calon.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2016



30 MAC 2017



AUDITORIUM, ARAS 5, BLOK
D8, KOMPLEKS D, PUTRAJAYA



201 PENERIMA APC





MAJLIS PERSARAAN SPRM TAHUN 2017



9 NOVEMBER 2017



SATRIA BALLROOM, LEVEL 3,
DORSETT PUTRAJAYA



44 PESARA





»» PENILAIAN PEMANGKUAN PANGKAT PEGAWAI SIASATAN P41/42 - P44 SESI TAHUN 1 2017



3 - 4 MEI 2017



64 CALON



BILIK BINCANG BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN,
ARAS 5, BLOK D6, W.P.
PUTRAJAYA





»» PENILAIAN PEMANGKUAN PANGKAT PEGAWAI SIASATAN P48 - P52 TAHUN 2017



28 - 30 NOVEMBER 2017



IBU PEJABAT SPRM, NO. 2
LEBUH WAWASAN, 62250
PRESINT 7, W.P. PUTRAJAYA



51 CALON





»» PENILAIAN PEMANGKUAN PANGKAT PEGAWAI SIASATAN P41/42 - P44 SESI TAHUN 2 2017



8 - 12 SEPTEMBER 2017



IBU PEJABAT SPRM, NO. 2
LEBUH WAWASAN, 62250
PRESINT 7, W.P. PUTRAJAYA



81 CALON



KONVENSYEN SEKTOR PENGURUSAN & PROFESIONALISME



10 - 12 NOVEMBER 2017



HIG HOTEL, VV LANGKAWI



56 ORANG



»» TAKLIMAT KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PANTAS DAN PAKAR BIDANG KHUSUS TAHUN 2017



JAN - FEB 2017



BLOK D5, KOMPLEKS D, W.P. PUTRAJAYA



PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM ICT

Pembangunan Sistem Baru

Cawangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CTMK) telah berjaya membangunkan tiga sistem baru secara dalaman (*in-house*) dan menggunakan pendekatan kitar hayat pembangunan sistem. Sistem-sistem baru ini adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SISTEM	FUNGSI SISTEM
1	<p>Sistem Pangkalan Data Ikrar Bebas Rasuah (IBR)</p> 	<p>Sistem ini berfungsi untuk membantu dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan pengurusan maklumat agensi • Penandatanganan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) berdasarkan kepada kategori yang telah ditentukan; • Merekodkan dan mengemaskini maklumat-maklumat individu penandatanganan IBR; dan • Membantu Bahagian Pendidikan Masyarakat menyediakan pelaporan/statistik penandatanganan IBR kepada pihak Pengurusan.
2	<p>Sistem Pangkalan Data Sahabat GERAH</p> 	<p>Sistem ini berfungsi membantu dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan satu Sistem Pangkalan Data bagi menyimpan maklumat Sahabat GERAH • Menyediakan satu medium permohonan secara atas talian kepada orang awam; • Memudahkan proses tapisan permohonan kerana data Sahabat GERAH diintegrasikan dengan sistem dalaman SPRM yang lain bagi tujuan semakan silang (<i>cross check</i>) sebelum kelulusan diberikan; dan • Membantu Bahagian Pendidikan Masyarakat dalam menyediakan pelaporan / statistik Sahabat GERAH kepada pihak pengurusan.

3 Sistem Pengurusan Peperiksaan Perkhidmatan (ePeperiksaan)



Objektif pembangunan sistem ini adalah:

- Memudahkan proses permohonan menduduki peperiksaan perkhidmatan oleh Pegawai SPRM;
- Mempercepatkan proses pemakluman serta semakan keputusan permohonan dan keputusan peperiksaan;
- Mengurangkan kos dan masa pengendalian urusan peperiksaan; dan
- Membantu dan memudahkan Bahagian Khidmat Pengurusan untuk membuat pemantauan dan pelaporan.

Penambahbaikan Sistem

Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap sistem sedia ada mengikut keperluan daripada pengguna dan pemilik sistem bagi memastikan kefungsi sistem dapat membantu dalam pelaksanaan tugas harian warga SPRM. Terdapat dua sistem sedia ada yang telah ditambahbaik iaitu Sistem Harian Rasmi (eDiary) dan juga Sistem Pengurusan Integriti Agensi (1AiMS). Penambahbaikan ini dinyatakan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA SISTEM	PENAMBAHBAIKAN MODUL
1	Sistem Harian Rasmi (eDiary)	<ul style="list-style-type: none"> • Modul Penerimaan Hadiah telah diwujudkan bagi memudahkan Warga SPRM membuat perisytiharan/memohon kelulusan penerimaan hadiah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 berkaitan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam
2	Sistem Pengurusan Integriti Agensi (1AiMS)vv	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan dua modul baru iaitu Modul Pematuhan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta Modul Tadbir bagi memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan di peringkat agensi/organisasi.

Penyelenggaraan Sistem

BPRTM bertanggungjawab dalam memastikan semua sistem sedia ada boleh beroperasi dengan baik dalam membantu warga SPRM melaksanakan tugas harian. Sebanyak 10 sistem sedia ada yang diselenggara oleh BPRTM.



Sistem Pendaftaran Maklumat Pegawai SPRM (eDaftar)




Sistem Harian Rasmi (eDiary)



Sistem Pengurusan Kenderaan Jabatan (SPKJ)



Sistem Keputusan Ujian Menembak (MACCSHOOT)



MACC Digital Achieve & Information Centre (MACCDRIVE)



Sistem Pangkalan Data Pesalah Rasuah

Single Sign-on SPRM



Sistem Single Sign On (SSO)



Sistem Pengurusan Unit Integriti Agensi (1AiMS)



Portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Portal South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC)

PENGURUSAN DAN KEWANGAN


BAHAGIAN KEWANGAN, AKAUN DAN PEMBANGUNAN (BKAP)

Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP) bertanggungjawab memastikan perbelanjaan mengurus digunakan dengan cermat dan berhemah selaras dengan peraturan yang sedang berkuatkuasa. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan dan tidak melebihi peruntukan. Program atau aktiviti dilaksanakan berdasarkan perancangan yang dibuat untuk mengelakkan pembaziran.


BELANJAWAN

Peruntukan asal yang diterima SPRM adalah sebanyak RM216,220,000.00. Pada 7 Jun 2017, SPRM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM35,000,000.00, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan mengurus bagi tahun 2017 berjumlah RM251,220,000.00. Perbandingan jumlah peruntukan mengurus yang diterima dari tahun 2013 hingga 2017 seperti **CARTA 21** Pada tahun 2017, BKAP telah berjaya mengekalkan prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus melebihi 95% iaitu pada kadar 98.60% sebagaimana **CARTA 22**.

CARTA 21: PERUNTUKAN MENGRUS YANG DITERIMA DARI TAHUN 2013 HINGGA 2017




**CARTA 22: PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN
MENGURUS TAHUN 2017**



PEROLEHAN

Pada tahun 2017, nilai perolehan melibatkan proses pembelian terus, sebut harga dan tender adalah sebanyak RM27,656,536.76 yang merangkumi perolehan bekalan dan perkhidmatan serta perolehan aset alih. Nilai perolehan mengikut kaedah adalah seperti **CARTA 23**

**CARTA 23: PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN
MENGURUS MENGIKUT KAEDAH 20172017**




BAYARAN

Sebanyak 17,397 baucar bayaran bernilai RM64,331,799.67 telah diproses untuk pembayaran pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15,802 baucar bayaran telah diproses dalam tempoh 14 hari.

PEMBANGUNAN


Pada tahun 2017 SPRM mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM29,070,000.00 bagi menampung dua projek pembangunan kompleks pejabat SPRM Negeri iaitu Selangor dan Terengganu. Sehingga akhir tahun 2017, perbelanjaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM29,069,990.01 atau 99.99% seperti Carta 0.03:

CARTA 24: PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017



ASET ALIH DAN ASET TAK ALIH

Pada tahun 2017, jumlah peruntukan Aset Alih dan Aset Tak Alih SPRM adalah sebanyak RM958,351,631.13. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 0.96% dari RM949,237,406.72 pada tahun 2016 kepada RM958,351,631.13 untuk tahun 2017.





10

SAMBUTAN ULANG
(JUBLI EMAS) BPR/ S



TAHUN KE-50 SPRM

- SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 (JUBLIS EMAS) BRP/SPRM
- BANGUNAN BAHARU SPRM
- LATAR BELAKANG PROJEK

244 - 257



SAMBUTAN ULANG TAHUN

KE-50 (JUBLI EMAS)

BPR/SPRM

Pujian Tidak Melekakan, Dugaan Tidak Melemahkan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR) merupakan satu-satunya agensi penguatkuasa pencegahan rasuah di negara ini. Ia ditubuhkan secara rasmi pada 1 Oktober 1967 untuk mencegah segala bentuk jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Pada tanggal 1 Oktober 2017, maka genaplah usia BPR /SPRM 50 tahun, menjadi organisasi yang cukup matang dalam mengharungi cabaran bagi memastikan rakyat bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa.

Mengimbu sejarah usaha pencegahan rasuah di negara ini, ia bermula dengan penubuhan sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Cegah Rasuah yang menjalankan aktiviti pencegahan rasuah melalui ceramah dan dialog, pada tahun 1959.

Pada masa sama, tanggungjawab siasatan kes rasuah pula dijalankan oleh Cawangan Siasatan Jenayah Khas (Special Crime) yang ditubuhkan dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sementara proses pendakwaan dikendalikan oleh Bahagian Pendakwaan, Kementerian Undang-undang.

Namun, pada 1 Oktober 1967, ketiga-tiga agensi ini telah digabungkan, maka di sinilah lahirnya BPR. Bagi memperkukuhkan lagi usaha pencegahan rasuah, pada 1 Julai 1973, Parlimen telah meluluskan Akta Biro Siasatan Negara 1973 yang memberi kuasa kepada Biro itu serta membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya. Melalui Akta ini, BPR dijadikan sebagai sebuah jabatan tertutup dan ditukar namanya kepada Biro Siasatan Negara (BSN). Penukaran nama ini bertujuan untuk memberi tugas yang lebih kuasa kepada Biro yang bukan sahaja menyiasat kes-kes yang berkaitan dengan kepentingan negara. Inilah kali pertama jabatan ini ditubuhkan melalui sebuah akta. Nama Jabatan ini kemudiannya ditukar kembali kepada nama asal iaitu BPR pada 13 Mei 1982 apabila Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan. Objektif penting penukaran ini ialah untuk mencerminkan dengan lebih tepat lagi peranan Badan itu sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah.

Namun begitu, tanggal 1 Januari 2009, SPRM mula beroperasi sebagai sebuah badan yang mengambil alih sepenuhnya tugas BPR. Badan itu bertindak mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 yang digubal bagi menggantikan Akta Pencegah Rasuah 1997 dan diketuai oleh seorang Ketua Pesuruhjaya.

Transformasi BPR kepada SPRM bukan pada nama semata-mata. Perubahan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan, kebebasan dan ketelusan tindakan pencegahan rasuah di Malaysia, sekaligus menangkis persepsi negatif terhadap entiti pencegahan rasuah ini yang sebelumnya dianggap tidak bebas dan tidak telus.

Justeru itu, mekanisme 'check and balance' diwujudkan melalui pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Jawatankuasa Aduan (JA), Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) bersama-sama penubuhan SPRM dengan fungsi untuk memantau, menasihati serta memastikan fungsi dan tanggungjawab Suruhanjaya ini dilaksanakan dengan cekap, berkesan, bebas dan telus.

Keanggotaan bagi kelima-lima entiti bebas ini dipilih dari kalangan individu berintegriti yang cemerlang dalam perkhidmatan dan profesion masing-masing. Kini, setelah menempuh perjalanan lebih lima dekad, Ketua Pesuruhjaya SPRM ke 12, Tan Sri Dzulkifli Ahmad terus mencetuskan semangat baharu dalam memperkasakan SPRM di persada negara dan antarabangsa bagi SPRM mengetuai perjuangan membanteras dan memerangi gejala rasuah. Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Program Ziarah Kasih SPRM dan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (Gerah) merupakan pendekatan atau perubahan yang dilakukan oleh Dzulkifli dalam memastikan rasuah tidak menjadi barah yang akhirnya boleh meruntuhkan negara. Program-program ini antaranya bertujuan memastikan SPRM menjadi agensi yang ‘Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah’.

Pada masa sama, SPRM mahu mewujudkan satu fenomena benci rasuah dan sama-sama memerangi perbuatan jenayah berkenaan yang mungkin sebelum ini dianggap hanya menjadi tugas SPRM sahaja. Menerusi Gerah, ia diharapkan dapat membina dokongan serta sokongan padu daripada rakyat dan memastikan agenda penentangan terhadap rasuah dan salah guna kuasa perlu menjadi agenda nombor satu negara. Di bawah payung Gerah, SPRM juga melancarkan kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle) yang disebarluaskan oleh pegawai-pegawai SPRM dengan bantuan rakan-rakan media SPRM di media cetak dan elektronik. Kempen 3J bertujuan menyampaikan mesej kesedaran kepada rakyat agar tidak sesekali terlibat dalam perbuatan rasuah dan salah guna kuasa melalui perbuatan menerima dan memberi rasuah. Perkataan “Hulur, Kawtim dan Settle” adalah sinonim dengan perbuatan rasuah dan salah guna kuasa di negara ini dan SPRM mengambil pendekatan ini untuk membolehkan masyarakat lebih memahami hasrat dan tujuan kempen dilancarkan.



Dalam pada itu, SPRM turut melancarkan Sahabat SPRM yang merupakan inisiatif untuk mendekati masyarakat bagi menggalakkan mereka agar bersama SPRM dalam membantu usaha-usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.

Susulan pelancaran Sahabat SPRM itu, kempen terus dikembangkan menerusi pelancaran Sahabat GERAH SPRM pula yang mana seluruh rakyat Malaysia diminta untuk mendaftar dan menjadi ahli.

Bukan itu sahaja, SPRM juga telah membentuk dan mengadakan perbincangan meja bulat bersama beberapa agensi badan bukan kerajaan (NGO) serta pakar alam sekitar yang secara kolektifnya dikenali sebagai Environmental Protection and Anti-

Corruption Caucus (EPACC) untuk membincangkan dan berkongsi maklumat berhubung isu-isu rasuah berkaitan alam sekitar.

Selain itu, APMC atau Program Kaukus Khas Media Antirasuah turut dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama yang bersepadu dengan agensi media dalam usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

APMC juga bertujuan untuk berkongsi dan bertukar maklumat dalam membentuk pelan tindakan strategik memerangi rasuah melalui saluran media. Kesemua usaha-usaha ini menggambarkan betapa serius dan agresifnya SPRM berjuang memerangi jenayah rasuah selepas mencapai usia lima dekad.

Namun begitu SPRM akan meneruskan jihadnya memerangi rasuah dan salah guna kuasa, namun yang paling utama ialah pujian tidak akan melekakan dan dugaan tidak melemahkan SPRM.





Tarikh bersejarah buat SPRM yang menandakan ulangtahun ke-50 hari ini disambut dengan perasmian kompleks SPRM baharu di Presint 7, Putrajaya oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak.



Pengurusan Tertinggi, Pengarah-pengarah bahagian, negeri dan barisan pengurusan kanan SPRM bergambar kenangan sempena Majlis sambutan Ulang Tahun ke-50 di kompleks baharu SPRM.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil menyampaikan taklimat ringkas mengenai struktur bangunan baharu SPRM serta mengendalikan sesi wawancara khas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak ketika Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 Penubuhan BPR/SPRM.



Perarakan masuk Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad bersama pengarah-pengarah bahagian SPRM semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50./ Pelancaran Bangunan Baharu SPRM



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi), Datuk Azam Baki bergambar kenangan bersama Pengarah bahagian dan negeri ketika Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 BPR/SPRM.

BANGUNAN BAHARU SPRM

Tanggal 1 Oktober 2017, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melakar sejarah dengan pelancaran kompleks baharu Ibu Pejabat SPRM yang terletak di Presint 7, Putrajaya. Pelancaran bangunan ini juga adalah bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 penubuhan SPRM yang dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegahan Rasuah (BPR).



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak telah menyempurnakan perasmian Kompleks Ibu Pejabat SPRM, diikuti dengan perasmian sambutan ulang tahun Jubli Emas SPRM oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Majlis turut dihadiri oleh sekitar 1000 orang pegawai dan jemputan yang terdiri daripada Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri S.A Vigneswaran, Pengurusan Tertinggi SPRM, pegawai dan kakitangan SPRM, Badan Pemantau SPRM, pihak media dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.



“Bila dapat dibendung rasuah, Insyaa-Allah Malaysia yang tercinta akan menjadi negara yang lebih maju, disanjung dan berada di saf hadapan sebagaimana visi TN50 (Transformasi Nasional 2050)”

YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak
1 Oktober 2017

REKABENTUK MENJADI IKONIK BAHARU PUTRAJAYA

Bangunan baharu Ibu Pejabat ini menempatkan semua Bahagian di Ibu Pejabat dan pejabat SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bangunan ini menjadi ikonik baharu di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Ibu Pejabat SPRM baharu ini menampilkan reka bentuk yang unik dengan berdiri di atas tiang-tiang tinggi. Bangunan ini menjadi mercu tanda yang dibanggakan oleh seluruh warga kerja SPRM.





“Pelbagai kemudahan telah disediakan termasuk peralatan dan sistem-sistem teknologi yang serba canggih supaya warga kerja SPRM dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih efisien khususnya dalam penyiasatan kes-kes rasuah yang semakin rumit ketika ini”


Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad

1 Oktober 2017

Bangunan Ibu Pejabat telah siap dibina sepenuhnya dan diserahkan secara rasmi pada 21 Julai 2017. Reka bentuk bangunan menepati keperluan operasi dan sistem pentadbiran SPRM. Bangunan yang didirikan di atas tanah berkeluasan 2.07 hektar di Presint 7, mampu menempatkan kira-kira 1,800 kakitangan yang terdiri daripada tiga menara iaitu A, B dan C masing-masing setinggi 14, 18 dan 22 tingkat berserta tujuh tingkat podium.

Bangunan ini mempunyai 354 kamera litar tertutup (CCTV) yang mengawasi persekitaran luar dan dalam. Keseluruhan kawasan dipagari dengan pagar jenis antipanjang dan antipotong untuk melindungi bangunan dan warga kerja SPRM daripada unsur sabotaj dan pembolosan.

Antara kemudahan lain yang disediakan ialah sebuah dewan serbaguna dengan kapasiti 1,000 orang, auditorium yang memuatkan 300 orang, mess pegawai, taska, gimnasium, bilik simulasi menembak, perpustakaan, ruang rehat VIP dan bilik sidang media.



Kafeteria



Mess Pegawai



Bilik Sidang Media



Kaunter Khidmat Pelanggan



Dewan Serbaguna



Gimnasium



Padang Kawad



Ruang Rehat VIP

LATAR BELAKANG PROJEK


Jemaah Menteri yang bersidang pada 9 Julai 2010 telah memberi kebenaran untuk pembinaan bangunan baharu Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di Lot 7R1, Putrajaya (Kemudian ditukar kepada 7G1) telah dipilih sebagai tapak cadangan.

Keperluan bangunan baharu Ibu Pejabat SPRM selaras dengan syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja ke atas SPRM dan merupakan salah satu plan tranformasi ke atas keberkesanan SPRM untuk menjalankan tugas secara Bebas, Telus dan Profesional.

Jawatankuasa Ruang Pejabat Bangunan Pejabat di Putrajaya pada 2 November 2011 telah meluluskan *Gross Floor Area* (GFA) untuk bangunan baharu Ibu Pejabat ini adalah seluas 60,820m² untuk menempatkan seramai 1,812 orang kakitangan. Bangunan telah direkabentuk dengan keluasan GFA 74,101 m².

MAKLUMAT PROJEK





TEMPOH PEMBINAAN

36 bulan

Tarikh Milik Tapak : 26/12/2013

Tarikh Siap Asal : 25/12/2016

Tarikh Siap EOT No. 1 : 03/03/2017

Tarikh Siap EOT No. 2 : 07/06/2017

Tarikh Siap EOT No. 3 (Terkini) : 21/07/2017

KAEDAH PELAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan projek *Public Private Partnership* (PPP) melalui UKAS secara *Build - Lease - Transfer* (BLT) yang merupakan *expansion* kepada *Government Building Concession Agreement* (GBCA) sedia ada bagi bangunan - bangunan pejabat kerajaan di Putrajaya.

03

SENARAI CARTA, JADUAL DAN RAJAH





- SENARAI CARTA
- SENARAI JADUAL
- SENARAI RAJAH

258 - 262

SENARAI CARTA

BIL	TAJUK CARTA	MUKA SURAT
1	Keputusan KS selepas semakan PPO 2017	23
2	Punca Penerimaan Maklumat Bagi Tahun 2017	43
3	Perbandingan Tindakan Terhadap Maklumat Berunsur Rasuah Tahun 2017	44
4	Pembukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2017	45
5	Pertuduhan Mengikut Kategori Tahun 2017	61
6	Keputusan Kes Perbicaraan Di Mahkamah Rendah Tahun 2016 dan 2017	62
7	Keputusan Kes Rayuan Di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Tahun 2017	62
8	Keputusan Kes Perlucuthakan Harta Tahun 2016 dan 2017	63
9	Bidang Tumpuan Pembukaan Kertas Pemeriksaan Dan Perundingan (KPP) Tahun 2017	72
10	Jumlah Bengkel SPAI/ CRM Tahun 2011 hingga 2017	91
11	Hasil Kajian Berdasarkan Status SPAI (2008 hingga 2010) dan CRM (2011 hingga 2017)	91
12	Penandatanganan CIP sehingga Jun Tahun 2017	92
13	Pecahan Sampel Kajian Mengikut Sektor Swasta	93
14	Inisiatif CIP Yang Kerap Dilaksanakan Oleh Syarikat/ Organisasi	94
15	Laporan Media Berkaitan SPRM Tahun 2017	178
16	Statistik Tahanan Di Lokap Ibu Pejabat SPRM Tahun 2017 Mengikut Kategori	178
17	Kedudukan Prestasi Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Ibu Pejabat SPRM Dari Tahun 2010 hingga 2016	203
18	Pengisian perjawatan dari 2013 hingga 2016	218
19	Bilangan Pengambilan Pegawai Baharu Tahun 2017	220
20	Persaraan Pegawai Dan Kakitangan SPRM 2017	220
21	Peruntukan Mengurus Yang Diterima Dari Tahun 2013 hingga 2017	236
22	Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2017	237
23	Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Mengikut Kaedah 2017	238
24	Pecahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2017	239

SENARAI RAJAH

BIL	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
1	Inisiatif Antirasuah Di Bawah UNCAC	148
2	Pengisian Jawatan SPRM 2017	218
3	Klasifikasi Pengisian Jawatan 2017	219

SENARAI JADUAL

BIL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
1	Kategori Penerimaan Maklumat Bagi Tahun 2017	44
2	Perbandingan Perbukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2016 dan 2017	46
3	Perbandingan Tangkapan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2016 dan 2017	46
4	Perbandingan Tangkapan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2016 dan 2017	47
5	Perbandingan Permohonan Tapisan Keutuhan Bagi Tahun 2016 dan 2017	47
6	Perbandingan Tempoh Permohonan Tapisan Keutuhan Bagi Tahun 2016 dan 2017	48
7	Jumlah Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Tahun 2011 hingga 2017	48
8	Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Tahun 2016 dan 2017	59
9	Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Mengikut Akta pada Tahun 2017	59
10	Statistik Laporan SPRM Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2017	59
11	Jumlah Laporan SPRM Mengikut Kumpulan bagi Tahun 2017	59
12	Statistik Keputusan Laporan SPRM Mengikut Hukuman bagi Tahun 2017	60
13	Lain-lain Hukuman yang Tidak Disenaraikan di Bawah Peraturan Tatatertib bagi Tahun 2017	60
14	Kelemahan-Kelemahan Yang Dikenal Pasti Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Isu Pengurusan Pengeluaran Dan Penguatkuasaan Bahan Galian (BAUKSIT)	73
15	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pelaksanaan Perolehan <i>Core Banking System Replacement</i> Oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)	77
16	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Tajaan Dan Sumbangan Oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)	78
17	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Perlepasan Unit Hartanah Bumiputra Kepada Awam Oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Johor	80
18	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Perolehan Penyelenggaraan Infrastruktur Air Dan Kerja-Kerja Kecemasan Di Jabatan Air Negeri Sabah	82
19	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pemilihan Perunding Dalam Pelaksanaan Projek Pembersihan Dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2-Pakej 1 Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	84
20	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengurusan Barang Rampasan (Gading Gajah) Oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia	85
21	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Pengagihan Sumbangan Pendidikan "Fisabilillah di Zakat Pulau Pinang (ZPP)	86
22	Kelemahan Dan Cadangan Penambahbaikan Berhubung Prosedur Perlantikan Vendor Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tahunan (<i>Annual Docking</i>)	88
23	Hasil Kajian Keberkesanan Program CIP	95
24	Program Temuramah di TV	110
25	Program Temubual di Radio	111
26	<i>Public Service Announcement</i>	111
27	Program IBR Agensi/ Organisasi	127
28	Kaedah Penyiaran Berita-berita SPRM	138

29	Statistik Skop Soalan Parlimen	147
30	Senarai MoU/ MoA Yang Ditandatangani	153
31	Senarai Lawatan Kerja Dari Lapan Buah Negara ke SPRM	157
32	Pembentangan Di Forum Pencegahan Rasuah Peringkat Antarabangsa	159
33	Jalinan Kerjasama Strategik Antara SPRM Dan Agensi Luar	162
34	Program Pemantapan Integriti Tahun 2017	199
35	Sesi Naziran Inspektorat Pematuhan Tahun 2017	209
36	Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Tahun 2017	211
37	Bilangan Modal Insan Mengikut Jantina 2017	219